



**DEWAN Negeri Selangor YANG KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 07 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Datuk Halimatun Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrums Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 07 November 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROGRAM SUBSIDI TAMBANG BAS SEKOLAH**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah subsidi tambang bas sekolah, jumlah murid yang dapat daripada tahun 2008-2016 mengikut pecahan daerah.
- b) Adakah skim ini terbuka kepada semua dan apakah syarat-syaratnya?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tuan Speaker. Program sumbangan subsidi Tambang Bas Sekolah adalah satu bentuk program bantuan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pekerja Ladang. Di mana sumbangan sebanyak RM300.00 diberikan kepada semua setiap anak pekerja ladang yang layak dan telah membuat permohonan melalui Persatuan Ibu Bapa Dan Guru PIBG sekolah dan sumbangan adalah diberikan secara tunai. Program sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah juga adalah merupakan salah satu daripada agenda meraikan ekonomi di negeri Selangor, di mana terbuka kepada mana-mana anak pekerja ladang ataupun bekas pekerja ladang yang bersekolah di Negeri Selangor sahaja. Program ini adalah bertujuan untuk meringankan bebanan penjaga yang terdiri daripada kalangan pekerja ladang dalam membiayai sebahagian daripada kos tambang bas sekolah. Bas anak mereka ke sekolah. Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang tiada data khusus berkenaan penerima manfaat di bawah program

sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah mengikut daerah kerana program ini adalah terbuka kepada seluruh anak pekerja ladang di negeri Selangor mengikut sekolah. Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang tiada juga mempunyai data lengkap berkenaan penerima sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah dan peruntukan yang telah dibelanjakan daripada Tahun 2008 sehingga 2009 mengikut daerah. Permohonan yang diterima adalah mengikut jenis Sekolah Kebangsaan Tamil. Namun begitu berikut adalah jadual perbelanjaan dan jumlah anak pekerja ladang yang telah menerima manfaat di bawah program ini dari tahun 2010 sehingga kini.

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Penerima sumbangan</b>	<b>Jumlah perbelanjaan (RM)</b>
2010	315	94,500
2011	254	76,200
2013	525	157,500
2014	583	174,900
2015	1,477	443,100
2016	1,203	360,900

Tuan speaker jumlah penerima sumbangan dapat di tingkatkan dengan cara Jawatankuasa Pekerja Ladang mengurangkan Program-program Mesra Rakyat dan salurkan peruntukan tersebut terus kepada warga pekerja ladang supaya mereka dapat merasai keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor. Seperti yang telah diperjelaskan sebentar tadi, skim bantuan ini hanya terbuka kepada mana-mana anak pekerja ladang atau bekas pekerja ladang yang bersekolah di negeri Selangor sahaja. Syarat utama yang dititik beratkan di bawah program ini adalah seperti berikut :-

- i) Terbuka kepada anak-anak pekerja ladang atau bekas pekerja ladang yang bersekolah di Negeri Selangor dan
- ii) pendapatan ibu bapa atau penjaga mereka di bawah RM1,500.00 sebulan.
- iii) Permohonan haruslah melalui PIBG sekolah berkenaan.
- iv) Seorang pelajar hanya layak menerima sumbangan subsidi daripada Kerajaan Negeri Selangor sekali sahaja dalam tempoh satu tahun.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Memandangkan program ini amat baik, jadi ada tak Pihak Kerajaan bercadang untuk selain buka kepada anak-anak daripada pekerja ladang ataupun bekas pekerja ladang tetapi juga terbuka juga kepada keluarga

miskin yang mana anak-anak mereka juga menghadapi kesukaran dalam membayar yuran tambang sekolah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih, Rawang. Sebenarnya cadangan daripada Rawang itu sangat bagus. Memang saya percaya perkara ini dapat akan dapat diambil maklum dan mungkin akan dapat dipertimbangkan di bawah Jawatankuasa Kemiskinan. Sekarang program yang diletak di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang. Dan sebenarnya saya telah mengurangkan banyak program lain untuk mendapat satu peruntukkan yang lebih banyak disalurkan kepada program ini. Dan saya nampak *success story* dengan izin yang begitu bagus. Mungkin kita dapat diperbesarkan ataupun dipanjangkan di bawah *STANDCO* Kemiskinan supaya dapat diberi manfaat kepada lebih ramai kepada warga Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO tadi dinyatakan bahawa tiada data khusus bagi daerah-daerah. Bagi saya adakah boleh lepas ini ataupun mungkin dah ada daripada pejabat EXCO sendiri data mengikut daerah penerima-penerima bantuan ini agar ADN-ADN setempat boleh membuat *follow up* ataupun membuat program bersama mereka.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Tanjung Sepat seperti yang telah saya nyatakan tadi sebenarnya program bantuan ini diberi mengikut sekolah bukan sukar untuk dinyatakan sebagai sesuatu daerah tetapi bagaimanapun program ini telah melancarkan kepada sekolah-sekolah yang sedia ada. Dan Sekiranya sekolah yang terlibat dalam sesuatu daerah itu kalau diperlukan saya boleh panjangkan perkara ini kepada UPEN supaya mereka boleh menulis jawapan secara terperinci kepada Yang Berhormat nanti.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Soalan tambahan. Selain daripada mendapatkan senarai daripada PIBG bolehkah kerajaan mengambil kira mungkin ada yang terlepas rekomendasi daripada ADN setempat yang sentiasa mendapat aduan dan mungkin di antara yang boleh membantu anak-anak miskin.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Selat Klang setakat ini cara UPEN mempertimbangkan pertimbangan adalah melalui apabila kita ada surat daripada PIBG dengan menggariskan calonkan beberapa nama-nama tersebut dengan juga memberitahu bahawa mereka adalah warga yang berpendapatan



kurang daripada RM1,500.00 dan kita mengguna pakai data-data daripada *I mean* selama ini tapi mungkin cadangan daripada Yang Berhormat Selat Klang dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya percaya tiada masalah sekiranya ada cadangan begitu. Namun begitu, sebab kita perlu berhubung rapat dengan sekolah sebab kita untuk dapatkan dokumen-dokumen khas dan perlu memastikan pelajar tersebut belajar di sekolah tersebut. Saya percaya dengan sokongan daripada ADN dan bersamaan dengan ada pengesahan daripada sekolah tersebut akan membantu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : YB EXCO, Seri Serdang ingin bertanya mengenai pekerja-pekerja ladang. Kalau di Puchong memang terkenal sebelum ini banyak pekerja-pekerja ladang. Tetapi sekarang pembangunan yang memang mencabar lah ya pembangunan di sana. Jadi boleh tak pihak EXCO memberi senarai ladang-ladang di DUN ya. Sebab apa ya, Untuk kita mengenal pasti akan-anak pekerja peladang atau bekas peladang-peladang ini yang kita tidak, mungkin terlepas pandang. Ya, terutama di sekolah-sekolah Tamil. Di Seri Serdang ada dua sekolah Tamil yang saya sendiri turun di dua-dua sekolah ini yang kita dapati memang di antara kalangan keluarga-keluarga itu orang susah. Jadi kemungkinan besar mereka ini bekas pekerja ladang tapi kita tak tahu nak dikategorikan bagaimana. Jadi saya mohon Pihak Kerajaan terutama pihak EXCO yang menjaga bahagian ini memberi data kepada kami terutamanya di bawah DUN Seri Serdanglah. Mohon ya. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Seri Serdang. Tuan Speaker sebenarnya data khusus tentang pekerja ladang hanya UPEN telah membuat satu data yang telah dicari adalah pada tahun 2004 sehingga hari ini mereka tidak buat namun saya memang memahami di kawasan Puchong sudah lagi tiada sebarang ladang. Tapi bagaimanapun itu sebab jawatankuasa saya pun akan mengguna pakai perkataan bekas pekerja ladang. Itu sebab tadi seperti yang telah dinyatakan sekolah Tamil khususnya yang bekas pekerja ladang ini dia dikategorikan apabila mereka jumpa dengan pejabat saya kita kategorikan bila mereka pendapatan mereka pun di bawah RM1500.00 kita kategorikan sebagai pekerja ladang dan memang mereka perlu buktikan juga bukan mudah ya. Bukan kita bagi begitu juga, dengan data-data kadang-kadang kita minta mereka keluarga mereka yang pernah menjadi pekerja sebelum ini. Bagaimanapun saya rasa UPEN dapatlah kamu memberi satu kajian yang menyeluruh tentang bekas dan juga pekerja ladang yang sedang ini telah disarankan oleh saya supaya UPEN membuat satu kajian yang baru yang terbaru sebab 2004 sekarang sudah jadi 2016, sudah 12 tahun dah. So, maka saya telah minta daripada mereka supaya membuat satu kajian yang terbaru dan juga kalau kajian ini telah di lengkap saya percaya mereka akan bekalkan kepada

semua pihak supaya kita dapat membantu ataupun mengguna pakai data-data tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali tidak hadir, Teratai tidak hadir, Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI LERENG BUKIT (CERUN)**

66. bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula peraturan dan syarat-syarat pembinaan rumah kediaman di lereng-lereng bukit seperti contoh di Taman Fern Grove bagi menjamin keselamatan dari kes tanah runtuh ?
- b) Pohon statistik kemalangan rumah-rumah di lereng bukit bagi tempoh 2006-2015.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Speaker, terima kasih kepada Dusun Tua. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di kawasan tinggi dan tanah tinggi di negeri Selangor telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Negeri Selangor. Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Permohonan Di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi di Negeri Selangor Edisi 2014 (Edisi Kedua), tafsiran pemakaian Garis Panduan ini memaklumkan Garis Panduan ini terpakai bagi permohonan di kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 25 darjah iaitu kecerunan Kelas LII Dan Kelas IV. Yang melibatkan kelulusan kebenaran merancang. Sehubungan dengan isu pembinaan lapan unit banglo di Taman Fern Grove, Cheras. Tapak tersebut adalah merupakan sebahagian lot-lot banglo individu yang belum didirikan rumah. Kebenaran merancang untuk keseluruhan taman tersebut telah pun diluluskan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor pada 28hb Mei 1981. Pihak Majlis meluluskan pelan kerja tanah dan infrastruktur serta pelan bangunan bagi pembinaan lapan unit banglo di tapak tersebut berdasarkan kepada Kelulusan Kebenaran Merancang yang diluluskan oleh JPBD Selangor bagi tujuan pendirian rumah banglo. Pelan infrastruktur yang telah diluluskan telah mengambil kira aspek pengukuhan dan penstabilan cerun yang akan dilaksanakan oleh pihak kontraktor tersebut. Pihak majlis kluatir sekiranya lot-lot banglo ini tidak dibangunkan dengan segera. Ianya boleh menyebabkan berlaku keruntuhan cerun kerana kawasan tersebut dibiarkan tanpa adanya penyelenggaraan oleh pemilik tanah. Pihak Majlis bersama perunding struktur yang

dilantik oleh pemilik tanah telah pun mengadakan pertemuan bersama penduduk yang membantah pembinaan tersebut pada 21hb September 2016 bagi menerangkan kaedah kejuruteraan dan teknologi yang digunakan dalam pembinaan tersebut, bagi memastikan lapan unit banglo yang akan dibina selamat dan seterusnya akan mengukuhkan kestabilan cerun di atas lot-lot yang terlibat. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan EXCO.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Penduduk di sekitar masih gusar dengan pembinaan lapan unit cerun ini. Pertanyaan saya kelulusan ini diberi pada tahun 1981 sedangkan cerun ini ia dapati lebih daripada 25 darjah. Jadi bagaimana sekarang ini adakah pembangunan ini nak diteruskan ataupun bagaimana?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Dusun Tua. Walaupun kelulusan KM ini telah diluluskan pada tahun 1981 tetapi pemaju hanya bermula untuk membina ataupun merancang pembinaan tersebut pada tahun ini. Dan pertemuan juga telah dilakukan bersama dengan Majlis dan penduduk seperti apa yang saya terangkan dan pihak Majlis telah juga telah memberi beberapa syarat lah, bersyarat seperti meminta pihak pemaju untuk memberi Laporan *geotechnical* yang terkini bukan berdasarkan kepada kelulusan yang pada tahun 1981 dan semua ini telah dilakukan oleh perunding *geotechnical* dan maklumat yang terperinci boleh saya sampaikan kepada Yang Berhormat jika perlu.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BIN ISMAIL** : Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BIN ISMAIL** : Seri Serdang ingin bertanya kepada Y.B. EXCO bolehkah peruntukan MARRIS digunakan untuk membaiki cerun, tanah runtuh terutama di Sekolah Kebangsaan Tamil Batu 14 baru-baru ini walaupun kedudukan sekolah itu di dalam kawasan sekolah?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima Kasih Y.B. Seri Serdang walaupun ini tidak berkaitan dengan soalan yang ditanya tapi MARRIS boleh digunakan untuk membaiki cerun.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI LERENG BUKIT (CERUN)**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula peraturan dan syarat-syarat pembinaan rumah kediaman di lereng-lereng bukit seperti contoh di Taman Fern Grove bagi menjamin keselamatan dari kes tanah runtuh?
- b) Pohon statistik kes kemalangan rumah-rumah di lereng bukit bagi tempoh 2005 – 2015.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahi rahmani Rahim.*

**TUAN SPEAKER** : Kajang, soalan 67 ya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : STATUS RUMAH SELANGORKU**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah terkini Rumah Selangorku yang telah siap dibina dan berapakah unjuran sasaran pembinaan rumah menjelang 2018.
- b) Berapakah jumlah pemohon sehingga kini dan adakah Kerajaan Negeri ada memberi apa-apa maklum balas mengenai status permohonan mereka?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : 67 ya. Terima kasih kepada Kajang, Y.B. Kajang. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak lima projek dengan 2010 unit rumah mampu milik yang telah siap dibina sejak 2010 hingga 2013. Manakala sejak Dasar Rumah Selangorku diperkenalkan pada tahun 2014, sebanyak 1 projek dengan 536 unit telah siap dibina. Sasaran Kerajaan Negeri menjelang 2018 bagi pembinaan Rumah Selangorku adalah sebanyak 15,000 unit yang akan siap dan yang akan dibina. Namun begitu, sehingga kini ia telah melebihi sasaran di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 18 projek dengan keseluruhan

22,494 unit dan manakala sebanyak terdapat juga sebelum ini yang bukan di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku sebanyak 130 projek, 63,628. Yang ini adalah termasuk projek-projek di bawah program 20-20-10 iaitu sebelum tahun 2008 yang masih belum dibina dan Kerajaan Negeri telah juga menghantar peringatan kepada mereka. Untuk *detail* ataupun terperinci projek-projek yang telah diluluskan di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu daripada 22,494 unit yang telah siap adalah 536 unit, yang sedang dibina dan telah ditawarkan adalah sebanyak 10,659 unit, sedang dibina belum ditawarkan adalah sebanyak 4,312, belum dibina adalah sebanyak 6,987. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah permohonan Rumah Selangorku dari tahun 2014 sehingga kini adalah seramai 49,423 pemohon seperti pecahan berikut :-

a) Jenis A	:	16,982
b) Jenis B	:	6,322
c) Jenis C	:	14,558
d) Jenis D	:	11,561
<hr/>		
Jumlah Keseluruhan	:	49,423

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak ada memberi maklum balas kepada pemohon sekiranya permohonan mereka itu gagal ataupun sekiranya ianya diletakkan di dalam sistem dan tidak ditawarkan kerana ianya mereka boleh menyemak secara *online* tetapi mereka yang layak ditawarkan Rumah Selangorku akan dihantar surat ataupun dimaklumkan oleh pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih Y.B. Speaker. Soalan 67 ni, soalan susulan. Terima kasih EXCO. Saya ingin bertanya mekanisme penerimaan pendaftaran permohonan *online* ni kerana apa yang dibuat oleh saya nak ambil sebagai contoh adalah staf saya daripada pejabat Kajang membuat permohonan tetapi semenjak 2015, Y.B. EXCO kata dia tidak akan diberi tawaran kalau atau dia dimaklumkan apabila tidak dapat permohonannya itu. Tapi sekurang-kurangnya kalau di *check* dia mesti mendapat sedikit maklum balas tak? Jadi, saya nak tanya bagaimana mekanismenya supaya mereka yang memohon terutama yang saya kenali yang saya sendiri memberikan sedikit surat sokongan, bagaimanakah maklum balas mereka terhadap permohonan tersebut? Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Apa yang boleh dilakukan sekarang mereka boleh *check* status mereka di dalam laman web tapi seperti mana yang dibangkitkan oleh Damansara Utama bahawa kita perlu menjadikan laman web ini lebih mesra kepada pengguna dan saya telah berbincang kepada pihak Lembaga

Perumahan untuk kita *simplify* dari segi, dari segi penggunaannya, senang hendak digunakan dan juga dari segi kalau bila mereka nak, bila mereka *log in* dapat mereka tahu akan status mereka. Mungkin kita perlu, kita perlu kaji balik sama ada kita perlu menghantar surat kepada setiap mereka yang ditolak ataupun yang masih dalam senarai menunggu. Itu kita perlu kaji semula sebab ada 49,000 yang perlu kita hantar. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Y.B. EXCO, saya ingin minta pencerahan tentang 49,423 yang mengemukakan permohonan Rumah Selangorku ini. Satu angka yang besar. Tahniah dan, dalam 49 ini berapalah yang berjaya beli rumah, dapat *loan* daripada 49 ini? Berapa % atau berapa angka dia yang berjaya dapat *loan* dan memiliki rumah? Ini juga penting.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Saya dah jawab pada sebelum ini, dalam sidang ini juga. Tapi saya kena tengok apa yang saya ingat *off hand* adalah lebih kurang 15,000 yang telah ditawarkan dan separuh diterima, *almost* separuh 50-50. Separuh telah ditawar, 15,000 memang ditawarkan tetapi separuh yang tidak mendapat pinjaman daripada bank. Kita boleh *check* balik *hansard* dalam penyata sebab telah saya umumkan dalam sesi jawapan-jawapan sebelum ini. Jadi, bermakna untuk menjawab separuh tidak mendapat, gagal mendapat pinjaman bank, separuh.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan Negeri mengambil satu langkah yang pro-aktif yang mana kita adakan *road show*, dengan izin ke kawasan-kawasan supaya penawaran Rumah Selangorku lebih diketahui oleh masyarakat umum di sesuatu kawasan ataupun DUN.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah kita bukan mengadakan *road show* khusus tetapi kita bersama-sama dengan program-program lain di mana Lembaga Perumahan akan turun untuk mempromosikan Rumah-rumah Selangorku yang ada yang ditawarkan. Selain daripada itu, kita ada brosur ataupun *leaflet handbill* ya, yang menunjukkan semua Rumah Selangorku yang akan ditawarkan yang telah kita edar di tempat-tempat awam. Memang ada. Jadi, bermakna dua strategi kita, tiga strategi yang pertama adalah menerusi pemaju itu sendiri yang mengadakan hari terbuka ataupun *launching* mereka dan juga Lembaga Perumahan yang akan bersama-sama dengan program-program Kerajaan Negeri

yang lain atau program kemasyarakatan yang lain. Yang ketiga, adalah menerusi *handbill* dan juga melalui *leaflet* yang telah diedarkan kepada rakyat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya nak bertanya Y.B. EXCO sama ada dasar baru yang kita baru-baru ada sekarang, di mana berapa peratus kita kena Rumah Mampu Milik untuk SOBO, SOHO, *service apartment* dan adakah dasar baru ini telah menggalakkan pemaju, apakah respon dari segi pemaju-pemaju? Adakah mereka akan bina lebih lagi untuk Rumah Mampu Milik di Lembah Klang? *Just your* pandangan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : SOHO dan SOBO ataupun pangsapuri perkhidmatan baru saja kita perkenalkan lebih kurang dua bulan yang lepas. Walau bagaimanapun, apabila kita *formulate*, dengan izin kita telah mengadakan perbincangan beberapa kali dengan pihak pemaju iaitu pihak REHDA dan juga jadi bermakna bahawa apa yang kita lakukan ini adalah bersama-sama dengan ataupun telah kita berbincang dengan pihak pemaju. Jadi, tidak ada sebab bagi pemaju untuk menolak akan polisi ini atau protes terhadap polisi ini sebab kita dah bincang dengan mereka dan inilah apa yang dipersetujui dan memang SOHO dan SOBO sebelum ini tidak ada polisi sama ada di peringkat Kerajaan Negeri atau di pihak Kerajaan Pusat yang mewajibkan membina SOHO dan SOBO mampu milik. Kerajaan Negeri Selangor adalah negeri yang pertama seperti biasa kita dalam banyak kes kita adalah negeri yang pertama melakukan sesuatu. Negeri pertama yang ada polisi SOHO dan SOBO. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Morib tidak hadir. Teluk Datok.

**Y.B. TUAH LOH CHEE HENG** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELUK DATOK)**

**TAJUK : KEROSAKAN JALAN-JALAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perancangan yang dilakukan untuk memastikan permukaan Jalan Persekutuan dan Negeri diselenggara dengan baik dan selamat digunakan oleh orang ramai, khususnya di Daerah Kuala Langat?

- b) Sila menyatakan jumlah kos penyelenggaraan pada tahun 2015 di Jalan Klang Banting Port Dickson.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : *Bismillah Hirrahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Tuan Speaker, terima kasih kepada Telok Datok yang bertanya. Dari sudut perancangan untuk memastikan permukaan Jalan Persekutuan khususnya Negeri diselenggarakan dengan baik khususnya di Daerah Hulu Langat antaranya adalah :-

- i) Pelaksanaan kerja penyelenggaraan Jalan Negeri dan Persekutuan secara Kontrak Jangka Panjang yang merangkumi kerja senggara rutin, berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement*.
- ii) Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri dan Persekutuan melalui kerja sebut harga.
- iii) Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di jalan-jalan Negeri melalui Kontrak Berpusat.
- iv) Pelaksanaan Program Kajian *Pavement*. Ia adalah satu kaedah saintifik di mana kekuatan, ketahanan dan kerosakan jalan dinilai secara sistematik. Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Negeri akan dibuat berdasarkan senarai keutamaan melalui Program Kajian *Pavement* tersebut.
- v) JKR Negeri Selangor juga telah menerbitkan Garis Panduan Amalan Baik Dalam Kerja Turapan dan Senggara Jalan dan telah diedarkan kepada semua pegawai JKR di Negeri Selangor sebagai rujukan semasa kerja-kerja pengawasan di tapak.
- vi) Spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya sentiasa ditingkatkan. Ibu pejabat JKR Malaysia sentiasa mengemaskini spesifikasi pembinaan dan senggaraan jalan yang dilaksanakan oleh kumpulan pakar di Ibu pejabat JKR Malaysia.
- vii) Juga diadakan kursus turapan jalan oleh agensi-agensy pelaksana dan juga kepada syarikat kontraktor ataupun syarikat swasta.

Dari sudut jumlah kos penyelenggaraan pada tahun 2015 di Jalan Klang Banting Port Dickson adalah :-



SKOP KERJA	KOS
Rutin	1,800,000.00
Berkala <i>Pavement</i>	1,768,825.48
Berkala Bukan <i>Pavement</i>	352,125.85
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,921,051.33</b>

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya difahamkan masalah JKR Persekutuan selalunya tak ada duit. Jadi, selalu kalau ada jalan yang rosak nak minta JKR kerana jalan itu Jalan Persekutuan dan minta JKR untuk memperbaiki, dia beritahu tak ada duit. Jadi, saya difahamkan juga Kerajaan Negeri tak boleh buat apa. Tetapi hanya keadaan jalan itu semakin teruk. Jadi, apakah rancangan ataupun adakah penyelesaian atas perkara itu? Saya bagi contoh di Klang, apabila dalam 2016 peruntukan sebanyak RM59 juta telah dipohon tetapi hanya dapat RM8.26 juta. Yang lain semua tidak dapat diperbaiki. Jadi, betul ke nak tunggu sampai pilihan raya? Jadi, saya nak tanya adakah Kerajaan Negeri sebagai satu kerajaan prihatin ada satu cara untuk mengatasi masalah itu? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Pandamaran. Pertama, dari sudut bidang tugas, bidang tugas Jalan Persekutuan adalah di bawah federal dan memang kita tidak boleh *encroach* dari sudut bidang tugas tersebut. Walau bagaimanapun, seperti jawapan yang telah saya nyatakan sebelum daripada ini di peringkat Kerajaan Negeri melalui JKR Selangor telah pun mengemukakan jumlah-jumlah peruntukan yang sewajarnya untuk menyelenggarakan seluruh jalan-jalan federal di Negeri Selangor dan jawapan sebelum ini juga saya telah maklumkan bahawa tidak semua ataupun sebahagiannya saja yang telah pun diluluskan. Maka, dari sudut tindakannya di peringkat Kerajaan Negeri sentiasa akan memohon dan memberikan justifikasi dari sudut kenapa, mengapa diperlukan bajet daripada *Federal* di Negeri Selangor dan jawapan sebelum ini juga saya telah maklum juga bahawa tidak semua ataupun sebahagiannya sahaja yang telah pun diluluskan. Maka dari sudut tindakannya di peringkat Kerajaan Negeri sentiasa akan memohon dan memberikan justifikasi dari sudut kenapa, mengapa diperlukan bajet daripada Federal.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Boleh saya mohon penjelasan. Adakah ini bermaksud sekiranya Kerajaan Negeri nak ingin gunakan peruntukan sendiri untuk

memperbaiki jalan persekutuan kita perlukan kelulusan daripada JKR Persekutuan juga. Adakah itu benar.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Pandamaran, tepat sekali.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Teratai dulu.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan sekiranya ada sesuatu jalan yang telah rosak beberapa kali, banyak kali, selepas baiki rosak lagi apakah mekanisme untuk membaiki ataupun menaik taraf jalan berkenaan supaya ia tidak akan rosak banyak kali dan tidak membazirkan duit. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Teratai. Dari sudut jalan-jalan ini kita lihat dari sudut jenis penyenggaraan yang sesuai. Ada di kalangan ataupun sebahagian jalan-jalan yang kita perlu buat penurapan semula. Ada jalan-jalan yang sekadar untuk buat *patching* dan sebagainya. Jadi mungkin Teratai boleh maklumkan secara spesifik jalan tersebut untuk kita memberikan jawapan juga yang lebih spesifik dan *detail*.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Jalan Kuari, terima kasih. Jalan Kuari.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya begini. Berkenaan dengan jalan persekutuan ini jugalah. Memandangkan kita Kerajaan Negeri selalu dipersoalkan oleh rakyat di bawah, kenapa jalan-jalan yang besar persekutuan ini Kerajaan Negeri tidak menolong dan mengambil inisiatif untuk menurap jalan-jalan yang rosak terutamanya Jalan Persekutuan 5 Sekinchan, di Kapar, sama Sekinchan, Sabak Bernam dan terutamanya jambatan antara jambatan dua penyambung jambatan DUN ya, selalu dia mendap, menyebabkan kereta kadang-kadang dia kena terbang jambatan, lepas jambatan tu dia kena terbang sampai ada yang ada *accident* dan sebagainya. Apa langkah yang kerajaan boleh berkombinasi dengan pihak JKR Persekutuan supaya perkara seperti ini ketepikan kepentingan politik untuk diselesaikan demi rakyat. Bagaimana usahanya ya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih. Mungkin boleh Sekinchan nyatakan sekali jambatan yang terbang tadi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya, macam di Sungai Burong ya, di Tanjung Karang, Sungai Burong nak pergi Sekinchan. Ada dua, tiga jambatan ye di mana kedua-dua belahnya, dua-dua bahu tepi jambatan tu dia mendap selalu dan apabila kita 80 atau 100 sahaja *confirm* terbang keretanya. Terbang ke atas macam kita dah pergi *grand prix* lah, macam lasaklah, satu pelumba lasak. Kadang-kadang ada kereta yang terbabas, kereta Kancil dan sebagainya. Mereka terbabas di tempat itu. Jadi perkara ini kita kena ambil perhatian serius, terma kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Sekinchan. Kita ambil kekusaran Sekinchan itu untuk kita fikirkan tetapi berbalik kepada jawapan saya kepada Pandamaran tadilah dari segi tanggungjawabnya satu dan kita juga keterbatasan dari struktur bajet. Kalau kita lihat jalan Federal itu bermasalah dan kita juga terpaksa untuk masuk dan menguruskan penyelenggaraan sedangkan dalam masa yang sama Jalan-jalan Negeri juga seperti mana disebutkan oleh Teratai tadi harus kita beri keutamaan. Walau bagaimanapun, terima kasih kepada Sekinchan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang, tidak hadir. Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS TERKINI TENTANG MASALAH PEMINDAHAN  
PENEROKA-PENEROKA DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT  
KERAYONG**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang masalah pemindahan peneroka-peneroka di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui?
- c) Apakah peranan yang kini dimainkan oleh Kerajaan Negeri dalam perkara ini?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Pandamaran yang bertanyakan tentang status masalah pemindahan peneroka-peneroka bandar di Jalan Papan dan Bukit Kerayong. Untuk maklumat Yang Berhormat, status bagi setinggan di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong, masih dalam keadaan sedia

ada, kekal di tapak sehingga kaedah penyelesaian dapat dilaksanakan oleh pihak pemaju selaras dengan keputusan yang telah melalui Pihak Berkuasa Negeri. Majlis Perbandaran Klang telah mengangkat Kertas Pertimbangan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor ataupun MTES bagi mendapatkan perakuan dan kelulusan senarai nama peneroka bandar yang telah dibuat bancian semula pada 14 Jun 2014. Keputusan mesyuarat EXCO telah memutuskan supaya semakan semula perlu dibuat oleh MPK ke atas 117 nama peneroka bandar, kes sama sebelum ini dan 56, 2 nama yang tidak mendiami tapak pada masa ini dan mereka yang tidak tersenarai dalam 181 penama. Untuk itu, status penama tersebut dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan Bandar sebelum dibentangkan semula ke Mesyuarat EXCO MTES.

Bagi menyegerakan urusan tersebut, satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar sendiri telah diadakan pada 7 April 2016 di pejabat Dato' Menteri Besar di mana Tetuan Melati Ehsan Sdn. Bhd., selaku pemaju secara dasarnya bersetuju untuk pembinaan 123 unit rumah teres setingkat dengan harga RM99,000.00 unit seunit. Namun unit yang diperlukan tidak cukup untuk ditawarkan kepada 181 peneroka bandar. Walau bagaimanapun, Tetuan Melati Ehsan mendapati semakan yang boleh dipertimbangkan hanya 89 peneroka bandar yang layak menerima rumah teres setingkat dengan harga RM99,000.00 seunit. Berikutan daripada itu, Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) diminta untuk mengadakan mesyuarat bagi mengesahkan memperakui senarai peneroka bandar yang benar-benar layak berasaskan terhadap senarai bancian oleh Tetuan Melati Ehsan. Ahli-ahli Mesyuarat yang hadir terdiri adalah: Ahli Parlimen Klang, ADN Pandamaran dan Majlis Perbandaran Klang. Mesyuarat yang telah diadakan pada 28 April 2016 dan mesyuarat susulan pada 23 Mei 2016 telah dipersetujui, telah dipersetujui supaya penawaran hanya kepada 123 peneroka di mana nama mereka yang akan disahkan oleh ADN Kawasan. ADN juga sanggup bertanggungjawab akan aduan yang diterima daripada mereka yang tidak ditawarkan dan mereka akan ditawarkan Rumah Selangorku ataupun Rumah Selangorku yang bertingkat.

Dari segi apakah tindakan negeri terhadap syarikat tersebut. Yang kini tengah kaji tentang apakah perkara yang seterusnya akan berlaku iaitu pihak pemaju perlu mengemukakan kebenaran merancang bagi penempatan semula setinggan mengikut tawaran harga dan bilangan unit rumah seperti mana yang telah dipersetujui. Terima kasih.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan. Saya ingin bertanya, sebenarnya menurut persetujuan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dahulu di mana sekiranya peneroka yang tidak

ingin membeli rumah itu maka Kerajaan Negeri akan membeli dengan harga RM170,000.00 seunit. Jadi, saya nak tahu sama ada peruntukan itu ada diperuntukkan dalam Bajet 2017 kerana penyelesaian akan *vote take place* dalam tahun depan. Adakah kita menyediakan perbelanjaan iaitu untuk membeli sekiranya peneroka tidak ingin membeli.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Kita telah, apa yang kita cadangkan adalah penyelesaian yang sama seperti mana kita telah lakukan di Bukit Botak. Di dalam, di Bukit Botak kita ada PKNS yang telah menyelesaikan masalah di mana kalau pembeli ataupun mereka yang menerima tidak mahu rumah tersebut ia akan dibeli dengan harga yang lebih tinggi daripada apa yang ditawarkan. Saya tidak pasti tetapi sama ada atau tidak tetapi kita ada banyak peruntukan yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah ini.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Berdasarkan kiraan saya, kalau untuk 123 yang setiap satu RM170,000.00 jumlahnya adalah sebanyak RM20,910,000.00. Jadi, itulah jumlah dia.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Tetapi ini satu peluang yang tidak, yang tidak seharusnya dilepaskan oleh para peneroka bandar. Jadi bermakna untuk semua melepaskan tawaran, mungkin pada saya adalah tidak munasabah. Lagi pun apabila ataupun lagipun dari segi apabila kita menjual balik rumah walaupun dibeli dengan harga yang mahal tetapi market *rate* di situ adalah lebih tinggi daripada itu. Jadi, bermakna adalah lebih menguntungkan sekiranya pemaju mengambil rumah itu dan menjual di *open* market di pasaran-pasaran di luar lagi tinggi daripada menjual Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Izinkan saya, saya difahamkan persetujuan itu dibuat pada masa dahulu adalah disebabkan ada peneroka memang mereka tidak mampu nak beli, walaupun dia tahu kalau dia dapat beli, dia jual dengan serta-merta, dia untung tetapi dia memang tidak berupaya dan juga tidak berupaya untuk dapatkan pinjaman bank juga. Jadi itulah keadaan yang kita ingin mengatasi.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Seperti mana yang kita, saya nak mengambil sebab kes ini sama seperti kes Selayang Mutiara atau Bukit Botak. Sebab penyelesaiannya adalah lebih kurang sama. Di dalam, di Selayang Mutiara ataupun di Bukit Botak, memang ramai yang tidak dapat membeli tetapi kita mempunyai satu perjanjian dengan bank di mana kita meletakkan sejumlah yang besar di bank yang terlibat dan bank *dapat* memberi pinjaman dengan *rate* yang rendahlah, bank *rate* yang rendah walaupun mereka tidak, mereka *not bankable* tetapi mereka juga diberi pinjaman. Sebab ianya dijamin oleh Kerajaan Negeri. Benda yang sama juga boleh kita lakukan sebab ada bank yang telah bersetuju, sebab apa, sebab harga rumah tersebut lebih tinggi dijual adalah lebih tinggi.

Pinjaman itu adalah lebih tinggi daripada harga pasaran jadi tidak ada masalah untuk bank menerimanya.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Saya nak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 72 dari kumpulan 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PERBADANAN WAKAF SELANGOR**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan rumah telah beroleh kebenaran merancang bina atas tanah-tanah wakaf?
- b) Apakah status terkini pembangunan tanah di Jalan Teratai dan Jalan Limau DUN Meru?
- c) Bagaimanakah status pemilikan kepada pembeli bagi rumah dan tanah tersebut?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Speaker. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Meru bertanya berkaitan dengan pembangunan tanah-tanah wakaf di bawah Perbadanan Wakaf Selangor. Berikut adalah bilangan rumah beroleh kebenaran merancang bina atas tanah-tanah wakaf.

- (1) Lot 3681 GM 248 Jalan Kebun Mukim Klang, Daerah Klang. Mendapat kelulusan merancang pada 26 Mac 2015 dengan jumlah bilangan unit 14. Rumah berkembar satu setengah tingkat dan 14 rumah berkembar dua tingkat.
- (2) Lot 3734 GM 249 Jalan Kebun, Mukim Klang Daerah Klang. Mendapat Kelulusan Merancang pada 26 Mac 2016 dengan bilangan unit 28 rumah berkembar dua tingkat.

- (3) Lot 4944 EMR 6695, Jalan Teratai, Mukim Kapar, Daerah Klang. Mendapat Kelulusan Merancang, Kebenaran Merancang 2 Disember 2016 dengan 13 rumah, 13 kedai pejabat 2 tingkat.
- (4) Lot 3705 GM247 Jalan Kebun, Klang, Mukim Klang. Mendapat Kebenaran Merancang 13 Januari 2016 dengan 164 rumah pangsapuri dan 4 kedai pejabat.
- (5) Lot 2338 GM 3659 Jalan Limau, Meru, Daerah Klang. Mendapat Kelulusan Merancang 29 April 2016 dengan bilangan 17 rumah teres 2 tingkat dan 20 rumah satu tingkat.
- (6) Lot 2226 GM 78 Jalan Kasban, Meru, Daerah Klang. Mendapat Kelulusan Kebenaran Merancang 24 Ogos 2016 dengan bilangan 36 rumah teres 2 tingkat. Menjadikan semuanya 343 buah rumah.

Saya minta maaf yang ketiga tadi Lot 4999 yang mendapat kelulusan kebenaran merancang 2 Disember 2015. Bilangan rumah adalah 13 unit kedai pejabat 2 tingkat dan 33 bazar strata.

Berikut adalah status terkini pembangunan tanah di Jalan Teratai dan Jalan Limau Dewan Undangan Negeri Meru.

- (1) Lot 4944 EMR 6695 Jalan Teratai, Mukim Kapar Daerah Klang. Jenis pembangunan adalah projek pembangunan komersial yang mengandungi 13 unit kedai pejabat 2 tingkat dan 33 unit bazar strata dan statusnya mendapat Kelulusan Merancang 2 Disember 2015 telah memperolehi tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri pada 20 Julai 2016 dan sekarang dalam proses bayaran premium tanah sebelum dapatkan kelulusan pelan bangunan dikemukakan.
- (2) Lot 2338 GM3659 Jalan Limau Meru, Daerah Klang. Projek pembangunan perumahan berjumlah 7 unit yang mengandungi 17 unit rumah teres 2 tingkat dan 20 unit rumah teres satu tingkat. Statusnya yang mana telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perancang pada 2 April 2016 telah memperolehi kelulusan tanah daripada pertanian kepada industri pada 22 Ogos 2016 dan dalam permohonan mendapatkan kelulusan pelan bangunan. Permohonan mendapatkan pelan bangunan yang telah dikemukakan pada 3 September 2016.
- (3) Lot 2788 Jalan Limau, Meru Klang. Projek rumah kediaman berjumlah 37 unit rumah teres 2 tingkat. Permohonan mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang telah dikemukakan pada 16 Oktober 2016 dan kini masih menunggu keputusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Perkara yang ketiga adalah projek pembangunan di atas tanah wakaf akan menggunakan konsep pajakan ataupun *lease hold* 99 tahun selaras dengan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 4/2012 bertarikh 28 Ogos 2012 di mana tanah wakaf yang dibangunkan serta pemilikan tanah tersebut tetap kekal milik Majlis Agama Islam Negeri Selangor sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf. Manakala penerima pajakan telah diberikan kebenaran atau manfaat serta kebebasan menghuni rumah yang dibekalkan, namun penerima pajakan dibenarkan untuk mewariskan, menyerahkan ataupun memindahkan pajakan tersebut dengan persetujuan dan kelulusan pihak Majlis Agama Islam Negeri Selangor.

Selain itu juga, satu perjanjian pajakan telah dimeterai antara pihak Majlis Agama Islam Negeri Selangor sebagai pemegang Amanah Tunggal Harta Wakaf dan penerima pajakan dan memorandum pajakan tanah Borang 15A akan dilaksanakan dan didaftar di pejabat tanah di mana nama penerima pajakan akan didaftarkan di dalam geran. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya ada tak perumahan-perumahan ini khas untuk golongan asnaf atau tertentu?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Permohonan ini adalah pembangunan tanah-tanah wakaf di bawah Perbadanan Wakaf Selangor yang mana dia tidak spesifik kepada sesiapa pun selagi dia beragama Islam, maka mereka boleh mendapatkan tanah (rumah) ataupun institusi perniagaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan, saya tangguhkan soalan yang perlu dijawab oleh Y.B. Seri Setia kerana saya dimaklumkan beliau berada di mahkamah pada pagi ini ya. Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENCEMARAN AIR SUNGAI**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-



- a) Nyatakan jumlah kes gangguan air akibat dari pencemaran sungai pada tahun 2016 mengikut daerah?
- b) Nyatakan tindakan yang telah dikenakan kepada kilang yang mengakibatkan pencemaran?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker, Y.B. Semenyih. Soalannya adalah berkenaan tentang pencemaran air dan pencemaran sungai. Jadi, soalan pertama iaitu kes gangguan air akibat daripada pencemaran air (maaf) pencemaran sungai pada tahun 2016.

Mengikut daerah adalah seperti berikut. Jumlahnya adalah 15 (untuk tahun ini). Pada bulan Januari sehingga Februari, Sungai Langat terdapat pencemaran sungai sebanyak 7 kali. Ini adalah di daerah Hulu Langat. 4 kali kerana disebabkan oleh pencemaran ammonia kerana masa itu tahap air dalam sungai sangat rendah. Maka loji rawatan air terpaksa berhenti supaya pencairan ammonia boleh dilakukan. 2 kali daripada pencemaran tersebut iaitu pada bulan Januari sehingga Februari adalah akibat pencemaran bau dari Sungai Semantan, Pahang. Kemudian bulan September dan Oktober tahun ini di mana saya telah sebenarnya menjawab secara panjang lebar bersekali dengan soalan 23.

September/Oktober pencemaran Sungai Semenyih dan juga Sungai Langat berlaku di daerah Hulu Langat juga dan 4 kali berasal daripada premis yang tidak berlesen di Sungai Lalang, Kampung Sungai Lalang. 2 kali pencemarannya dikenal pasti datang daripada Sungai Semantan, Pahang dan 2 kali di Nilai, Negeri Sembilan. Yang terkini ada satu kes lagi yang terkini yang berlaku pada hari Ahad (pagi) iaitu Loji Rawatan Air Labu di mana ada tumpahan minyak sawit di hadapan Ibu Pejabat Daerah Polis Sepang. Walau bagaimanapun, loji rawatan air tersebut tidak tutup terlalu panjang. Hanya dua/tiga jam sahaja kerana kita juga menggunakan kita ada satu sistem yang dipanggil ORS Labu (*Off River System Labu*) di mana kita dapat air daripada sistem tersebut sementara pembersihan berlaku di kawasan tersebut.

Soalan kedua iaitu (b) tindakan yang telah dikenakan kepada kilang-kilang yang mengakibatkan pencemaran. Saya ingin sekali lagi maklum kepada Dewan yang mulia ini, bukan saja kilang yang mencemarkan air sungai, kita ada pelbagai sumber termasuk *Switch Treatment Plan* (STP) termasuk tumpahan minyak, *accident* dan sebagainya. Ada juga kilang yang sah dan juga kilang yang tidak sah yang mencemarkan air sungai. Maka kilang-kilang yang dikawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturannya berkaitan dengan pelepasan bahan tercemar yang dikeluarkan oleh kilang-kilang. Ianya akan diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar seperti pengeluaran notis arahan, penahanan operasi peralatan, proses pengeluaran kilang dan juga tindakan mahkamah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Di sebelah kuasa Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa boleh :-

- a) Menutup premis tersebut khasnya premis yang tidak sah ataupun premis haram termasuk bukan sahaja kilang, tetapi macam-macam perniagaan pun ada lah; dan
- b) Pejabat tanah juga boleh merampas tanah kalau didapati premis kilang ataupun sesiapa yang menggunakan tanah hak milik untuk mencemar air sungai.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Y.B. EXCO mengenai tindakan-tindakan pencemaran air sungai ini yang dilaporkan yang terbaru di Loji Labu. Tumpahan minyak sawit. Saya nak minta penjelasan kes ini sudah dikenal pasti apa puncanya? Sudah dikenal pasti atau tidak? Ini satu kebetulan, kemalangan, insiden ataupun ada 'udang di sebalik batu'? Minta penjelasan sejelas-jelasnya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Sekinchan. Kalau kita dapat, kalau kita rujuk laporan yang diterima oleh pihak Lembaga Urus Air Selangor dan juga Air Selangor memang sebabnya adalah *accident* yang menyebabkan tumpahan minyak sawit. Tapi apa yang aneh adalah tumpahan minyak sawit itu betul-betul di atas anak sungai. Ini yang ganjil lah. Aneh. Pelik sangat. Pelik.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Saya ingin bertanya, bila berlaku pencemaran di sungai dan bila berlaku juga catuan menutup loji, saya lihat keadaan *tanker* daripada SYABAS dan kekerapan untuk menghantar ini dan tangki-tangki *septic* dan kekurangan di taman-taman ini adakah langkah Kerajaan Negeri untuk *upgrade* SOP nya dan sebagainya?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Semenyih. Saya hanya boleh mengambil maklum kerana saya juga menerima banyak aduan dan juga cadangan tentang *tanker* dan bukan *septic* tapi *static tank*. *Static tank*, bukan *septic*. *Static tank* yang bagi masalah kita khasnya Sungai Langat. Tapi kita mengambil maklum dan saya akan bawa saya rasa Air Selangor dan juga Y.B. Taman Templer akan menambah baik lagi cara untuk mengedarkan air kalau ada masalah di loji rawatan air.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Pencemaran air ini memang luas berlaku dan Selangor kawasannya luas. Adakah saya nak tanya Kerajaan Negeri Selangor mewujudkan satu mekanisme untuk mencegah pencemaran seperti melibatkan masyarakat memberi mereka *reward* kalau mereka buat satu laporan kepada pihak tertentu? Jadi pencemaran itu taklah meluas sangat sebelum dia jadi satu masalah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Ijok. Saya juga akan mengambil maklum pandangan ataupun syor daripada Y.B. Ijok. Setakat ini kita tidak ada *reward systems*, tetapi kalau kita lihat beberapa kes di mana sebenarnya orang awam yang memberitahu kita dalam beberapa maklumat dan juga mereka yang pertamanya dapat membaui ataupun melihat pencemaran tersebut, maka saya rasa itu adalah satu cadangan yang sangat bagus.

**TUAN SPEAKER** : Soalan Sungai Pelek saya tangguh sehingga esok. Soalan 76 telah dijawab bersekali dengan soalan 38. Sri Muda tidak hadir. Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK: PENGLIBATAN RAKYAT DALAM MENYAMPAIKAN MAKLUMAT  
BAGI MEMBANTERAS RASUAH DI SELANGOR**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah prestasi program ini bagi sesi 2008-2013?
- b) Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan sepanjang tempoh tersebut?
- c) Apakah program semasa kerajaan dalam melibatkan rakyat dalam membanteras rasuah di Selangor?

**TUAN SPEAKER** : Soalan 78 saya juga tangguh ya sehingga esok. Telok Datuk tidak hadir. Hulu Bernam soalan ditangguhkan sehingga esok. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker. Soalan nombor 81.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : MASALAH KEKURANGAN AIR DI BENDANG**

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan masalah tersebut berulang setiap musim menanam?
- b) Sila nyatakan apakah langkah-langkah pencegahan bagi mengatasi masalah kekurangan air secara holistik?
- c) Sila kemukakan apakah kaedah alternatif yang dipraktikkan bagi membantu mengatasi masalah kekurangan air?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih kepada Sekinchan yang bertanya. Tuan Speaker, masalah air di sawah yang berlaku setiap tahun adalah akibat daripada musim kemarau yang disebabkan oleh fenomena El-Nino. Sejak beberapa tahun lalu, musim kemarau akan melanda dalam bulan Februari hingga Julai. Kawasan penanaman padi di Selangor hanya bergantung kepada air Sungai Bernam dan Sungai Tengi. Selain untuk kegunaan pengairan, sumber air ini juga digunakan untuk menampung keperluan domestik dan juga industri yang lain.

Antara langkah-langkah pencegahan yang diambil dan dirangka khususnya oleh Jabatan Pertanian antaranya ialah menggunakan pam air bagi mengepam air dari parit, merangka penjadualan semula penanaman padi jika masalah air berlaku dengan kritikal dan (ketiganya) pembinaan parit tengah bagi bekalan air dalam petak sawah supaya lebih efisien. Dan antara kaedah alternatif yang boleh dibuat adalah antaranya memperhebatkan aktiviti perkembangan pertanian bagi menerangkan kesan El-Nino kepada sektor pertanian dan persediaan bagi menghadapi kemarau khususnya dalam dari sudut strategi untuk meminimumkan penggunaan air. (yang keduanya) meningkatkan kecekapan penyaluran air melalui pam air dan paip saluran yang lebih cekap dan juga membuat kajian kemungkinan *flexibility study* bagi pembinaan kolam-kolam takungan di masa yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Mengenai masalah kewangan air di bendang ini memang ini satu masalah serius Y.B. EXCO. Dan ini dia bukan berlaku semusim, dua musim ya. Ini dah berlaku sejak bertahun-tahun dan saya nak minta adakah pihak Jabatan Pertanian merangka satu kaedah secara holistik untuk menangani isu kekurangan air setiap musim supaya ia tidak

menjejaskan jadual petani menanam dan perkara ini dapat diminimumkan tidak berulang setiap kali. Adakah pendekatan yang lebih holistik dibuat?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Sekinchan. Saya juga berkongsi kekusaran dan juga keprihatinan yang sama. Cuma ingin saya maklumkan khususnya kepada Sekinchan dan pembikinan/penyediaan infrastruktur ini adalah di bawah tanggungjawab federal iaitu khusus dalam Selangor (khususnya di Sekinchan) Air di Barat Laut. Kerajaan Negeri lebih kepada *maintenance* dan juga pengurusan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan *dihighlightkan* dalam pertemuan-pertemuan bersama dengan agensi-agensi federal. Terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sedikit tambahan Y.B. EXCO berkenaan Sungai Tenggi yang sedia ada itu (di sebelah Hulu Langat), dimaklumkan daripada petani bahawa dibelah Tanjung Malim ada usaha sungai itu dibuat anak sungai ke tempat lain kerana ada tanaman pokok kelapa sawit beribu ekar di situ. Adakah perkara ini sudah dikenal pasti? Kerana ini telah menyebabkan paras air kebelakangan ini sentiasa rendah saja walaupun hujan/tak hujan dia sentiasa rendah. Ini menyebabkan satu masalah. Adakah itu dikenal pasti oleh Jabatan Pertanian?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Sekinchan. Saya akan menyiasat secara terperinci dan perkara ini tidak boleh dibenarkan berlaku kerana kita sudah menghadapi masalah kekurangan air, apatah lagi jika ada istilahnya 'penyimpangan' lencongan itu akan memungkinkan keadaan yang lebih kritikal. Terima kasih kepada Sekinchan.

**TUAN SPEAKER** : Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya pada EXCO sebab DUN saya adalah DUN yang terakhir sekali, terakhir kawasan pada di Selangor dia berakhir di DUN Sabak dan biasanya kawasan padi DUN saya itu jadi mangsa air. Saya dapati sejak daripada dulu kita banyak membuang air ke laut sebenarnya, adakah *long term* punya perancangan supaya kita tidak lagi membuang air itu ke laut tetapi boleh di alirkan ke tempat supaya proses air ini dapat berjalan mengikut jadual sebab Sabak ini biasanya keluhan di kalangan petani ialah kita menghadapi masalah yang terakhir sekali yang kadang-kadang kita paksa tambahan gunakan pam dan kadang-kadang pam pula terlalu kurang sangat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Sabak. Itu juga satu cadangan dan juga kemungkinan yang perlu kita lihat dari sudut untuk menakung air

lebih. Walau bagaimanapun seperti yang saya sebutkan tadi antara perkara yang kita perlu perhebatkan aktiviti pengembangan pertanian dari kesan El-Nino kepada sektor kepada para petani pesawah ini kerana ada kalanya sewaktu air yang lebih banyak mereka secara mudah alirkan ke parit buang dan sebagainya. Jadi kalau boleh kita mendidik ataupun *educated* di kalangan pesawah kita supaya berjimat juga walaupun air khususnya daripada *ban canal* ini. Terima kasih kepada Sabak di atas idea untuk kita fikirkan berkenaan lebih air yang kita buang ke laut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 82 telah dijawab bersekali dengan soalan 9. Soalan 83 telah dijawab bersekali dengan 23. Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 84

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMAJU DISENARAI HITAM**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemaju yang di senarai hitam kerana lambat menyiapkan Rumah Selangorku?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan agar perkara ini tidak berulang lagi?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih Yang Berhormat. Dasar Rumah Selangorku hanya mula diperkenalkan mulai 01 Januari 2014. Oleh yang demikian, sehingga kini masih belum ada pemaju yang di senarai hitamkan. Namun pihak Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa pemaju yang masih belum membina Rumah Selangorku. Kerajaan Negeri telah juga menyediakan beberapa kaedah kelonggaran syarat dan sebagainya, namun sekiranya pihak pemaju masih gagal untuk membina Rumah Selangorku, pihak Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan mengesyorkan arahan pembekuan atau *Stop Work Order* bagi pembangunan berkaitan dengan pemaju berkaitan di dalam Negeri Selangor. Mekanisme tersebut akan dilakukan *By Case Basis* dengan izin yang akan diangkat untuk persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk syor tersebut.

Untuk soalan kedua, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk memastikan perkara ini tidak berulang dengan mengadakan pemantauan melalui Mesyuarat

Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Rumah Selangorku yang membincangkan perkara-perkara seperti berikut;

- i. Melaporkan status pembangunan Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) daripada tahun 2010 sehingga kini khususnya yang masih belum mengemukakan permohonan Kebenaran merancang di PBT ini bukan sahaja Rumah Selangorku tetapi rumah 2020.
- ii. Mengenal pasti isu-isu berbangkit yang mengakibatkan pemaju masih gagal mengemukakan pelan Kebenaran Merancang.
- iii. Menyelaras dan memudah cara proses-proses kelulusan Rumah Selangorku di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi.
- iv. Mengadakan lawatan tapak secara berkala dan melaporkan kepada Jawatankuasa.
- v. Memohon pemaju untuk mengemukakan Jadual Kemajuan Kerja di tapak setiap 6 bulan sekali, dan akhir sekali
- vi. Mengesyorkan arahan pembekuan atau *Stop Work* order bagi pembangunan berkaitan yang bagi pembangunan yang tidak di jalankan dengan lancar. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Ada tak pihak Kerajaan Negeri berkuasa untuk mengenakan *charge* LAD kalau pihak pemaju lewat pada tarikh yang sepatutnya diserahkan Rumah Selangorku?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih Yang Berhormat, ini adalah seperti mana yang tertakluk ataupun yang termaktub dalam *Sale And Purcuse Agreement* ataupun Perjanjian Jual Beli dan Kerajaan Negeri bukan *we are not party agreement* bermakna bahawa dengan izin bermakna bahawa perjanjian itu adalah ditandatangani di antara pembeli dengan pemaju. Jadi bermakna yang LAD yang ditanggung sekiranya projek itu lambat adalah dibayar berdasarkan kepada perjanjian jual beli bukan berdasarkan arahan daripada Kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Berapa tempoh masa yang disyaratkan oleh Kerajaan untuk setiap pemaju menyiapkan Rumah Selangorku selepas pelancaran projek tersebut diadakan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Sekali lagi adalah tertakluk kepada perjanjian jual beli. Di mana ada yang 2 tahun ada yang 3 tahun ia berbeza bagi pangsapuri berstrata dan berbeza bagi rumah sesebuah ataupun *landed* jadi bermakna sekiranya pihak pemaju melanggar ataupun tidak menyerahkan *breaking projection* dengan izin kepada pihak pembeli selepas tempoh tersebut mereka perlu bayar LAD ataupun *Liquidated Ascertained Damages iaitu* sebagai denda kerana lambat jadi bermakna bukan Kerajaan Negeri yang tetapkan ini adalah di dalam perjanjian jual beli yang ada di dalam HDA *Housing Development Act* atau Akta di peringkat Persekutuan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku

**Y.B. LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 85

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PREMIUM LIMITED COMMERCIAL**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Ramai memilih hartanah *Limited Commercial* menghadapi masalah untuk menjelaskan premium yang tinggi. Bagaimanakah pengiraan premium dilakukan dengan merujuk kepada penilaian Jabatan Penilaian dan Selangor *Land Rules*?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Tuan Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Ke-5/2014 telah menimbang dan meluluskan cadangan pemutihan aktiviti perniagaan terhad atau *Limited Commercial* yang dijalankan di bangunan kediaman untuk dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah Daerah. Mesyuarat yang sama telah menetapkan pengenaan premium tambahan bagi tukar syarat tanah dari bangunan kediaman kepada aktiviti kategori perniagaan terhad. Pengenaan kadar ini adalah jauh lebih rendah berbanding pengenaan mengikut kaedah tanah Selangor ataupun KTS 2003 pindaan 2005. Bagi permohonan tukar syarat nyata tanah daripada kediaman kepada perniagaan mengikut Seksyen 124 (1)(a)(c) KTN 1965 kerana premium yang dikenakan separuh sahaja. Walau bagaimanapun, Mesyuarat *STANDCO* Bilangan 3



2016 pada 21 Oktober 2016 yang lalu, telah mencadangkan agar program pemutihan aktiviti perdagangan terhad yang dijalankan di bangunan kediaman untuk dilaksanakan oleh PBT dan PTD akan disemak semula memandangkan tiada sambutan daripada pengusaha di samping untuk menjaga kepentingan dan juga kebajikan penduduk setempat.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Speaker soalan 86

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : FIQH AWLAWIYYAT**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah JAIS sudah mengatur secara sistematik kefahaman tentang fiqh awlawiyyat dalam menyelesaikan masalah hidup ahli kariah masjid dan surau?
- b) Juga adakah semua guru di sekolah JAIS dilengkapi dengan kefahaman mantap untuk bertindak sebagai murabbi kepada anak murid dalam melayari kehidupan?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Selat Klang bertanya tentang berkaitan dengan fiqh awlawiyyat ataupun keutamaan. Pemahaman mengenai fiqh awlawiyyat telah diberikan kepada ahli kariah masjid dan surau secara meluas melalui majlis-majlis ilmu yang diadakan sama ada kuliah maghrib, kuliah mingguan, kuliah dhuha, kuliah berkitab, ceramah khas, forum perdana, khutbah Jumaat dan lain-lain secara langsung dan tidak langsung. Tuan Speaker, menilai kemantapan sesuatu adalah subjektif. Apa yang jelas, semua guru di Sekolah JAIS mempunyai pengetahuan yang cukup, mengenai Ahli Sunah Wal Jemaah, sesuai dengan kelayakan masing-masing. Oleh sebab pengambilan guru dibuat berdasarkan kriteria tertentu dan latihan-latihan sentiasa diberikan, Kerajaan Negeri yakin bahawa guru-guru JAIS mampu bertindak sebagai murabbi kepada anak-anak murid. Selain itu Kerja Tahunan (SKT), serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh JAIS adalah mengutamakan:

- i. Solat berjemaah,
- ii. Membaca Al-Quran dengan betul,
- iii. Penulisan Jawi,
- iv. Pengukuhan ilmu Fardu Ain dan

- v. Pembentukan akhlak yang baik kepada anak murid.

Hasil pembelajaran ini, dinilai antaranya melalui peperiksaan PSRA dan UPKK yang banyak dibantu oleh guru-guru tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Apa yang saya maksudkan ialah satu usaha yang sistematik yang terancang bukan sahaja ada masjid yang buat kitab dan ada mungkin modul-modul lain ada mungkin mengikut populariti seseorang ustaz ataupun Tuan guru tapi secara terancang. Akidahnya *awlawiyyat* nya mana dulu kena faham. Adakah yang furuk ke ataupun yang pokok. Itu yang saya nak lihat, adakah itu dibuat?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Secara khusus perkara ini tidak belum ada dirancang secara strategik walau bagaimanapun mulai tahun ini kita telah memulakan dengan menyediakan buku berkitab Mastika Hadis sebagai contoh untuk dijadikan sebagai kitab supaya kuliah-kuliah yang diadakan di masjid-masjid ini adalah secara berkitab dan *Insyah-Allah* untuk tahun hadapan Jawatankuasa Dakwah melalui JAIS juga akan merancang kita melihat perkara yang disebutkan *awlawiyyat* tadi pada hari ini kita melihat bagaimana fahaman-fahaman tentang agama dan juga ajaran sesat yang saya kira di Negeri Selangor sebagai pusat kepelbagaian ini yang kita cukup kluatir akan menyebabkan akidah kepada masyarakat yang beragama Islam ini dan *Insyah-Allah* pada tahun hadapan antara perkara pokok yang akan kita bawa ke masjid-masjid surau kuliah bagaimana pemantapan Ahli Sunah Wal Jemaah ini kita ke tengah kepada masyarakat

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Speaker boleh soalan tambahan untuk yang B. Keberkesanan *fiqh awlawiyyat* nya? Apa adakah JAIS telah melengkapi guru ini dengan kefahaman mendalam yang mencukupi tentang Darul Riyad, Hajiyat, Tasiniat untuk menjadi suatu hasanah atau kuthasanah hingga boleh melahirkan ataupun menghasilkan produk pendidikan dunia akhirat bukan menjadi orang terjebak dalam gejala sosial.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Selat Klang, saya kira sehingga pada hari ini Jabatan Agama Islam Negeri Selangor melalui bahagian pendidikan, kita mengadakan program-program seperti mana yang dimaksudkan dengan beberapa institusi-institusi latihan masuklah ILDAS dan pusat-pusat kegiatan guru. Walau bagaimanapun saya tidak nafikan dengan jumlah guru yang begitu ramai di Selangor terutamanya guru-guru di sekolah rendah agama guru-guru di Kafa dan sekolah rendah Integrasi ini kita memerlukan masa yang panjang dan juga peruntukan yang besar tetapi inilah juga perkara yang kita tekanan kerana guru-

guru yang kan melahirkan ataupun menyampaikan ilmu kepada generasi yang kita harapkan *Insyah-Allah*.

**TUAN SPEAKER** : Batu 3 tidak hadir. Soalan 88 saya tangguh sehingga esok. Soalan 89 telah dijawab bersekali dengan soalan 23. Paya Jaras tidak hadir. Kota Anggerik tidak hadir. Soalan 92 saya tangguh sehingga esok. Morib tidak hadir. Dengkil?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Puan Speaker. Minum tadi. Soalan nombor 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : WANG MARRIS**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar:-

- a) Berapa jumlah wang MARRIS yang diterima Kerajaan Negeri pada tahun 2016?
- b) Nyatakan jumlah dan tujuan perbelanjaan wang MARRIS yang telah dibelanjakan sehingga sekarang mengikut PBT?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih kepada Dengkil bertanya berkenaan jumlah wang MARRIS yang saya kira telah pun dijawab dalam jawapan yang nombor 4 soalan nombor 4 peruntukan MARRIS yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan selaras dengan ketetapan di bawah Perkara 109(a)(b) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2016 setakat 15 Oktober 2016 adalah sebanyak RM412,521,584.09. Peruntukan tersebut digunakan bagi tujuan aktiviti penyelenggaraan jalan yang selari dengan skop yang dibenarkan oleh Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Jumlah peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan.

Soalan yang kedua sehingga 15 Oktober 2016 adalah seperti berikut :-

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Majlis Perbandaran Ampang Jaya RM40,272,251.00, Majlis Perbandaran Kajang RM45,687,950.56, Majlis Perbandaran Selayang RM41,533,117.75, Majlis Perbandaran Sepang RM29,295,778.54, Majlis Perbandaran Subang Jaya RM36,600,096.42, Majlis Daerah Kuala Langat RM11,111,015.77, Majlis Daerah Hulu Selangor RM16,667,577.80, Majlis Daerah Kuala Selangor RM8,799,284.27 dan Majlis Daerah

Sabak Bernam RM13,133,118.09 dengan jumlah keseluruhan RM398,212,641.96. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya apa mekanisme yang digunakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa penyaluran MARRIS ini adalah cepat supaya kerja-kerja pelaksanaan boleh dijalankan pada bulan Januari setiap tahun bukan bulan Mac selepas itu dan tertanggung seterusnya?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Rawang. Seperti yang saya telah jelaskan dalam soalan yang ke-4, bagaimana seperti yang kita sedia maklum gerak kerja berkaitan pengurusan penyelenggaraan jalan telah dijadualkan semula bagi memastikan pelaksanaan kerja di tapak boleh dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan iaitu mulai Mac sehingga September setiap tahun. Langkah ini diperkenalkan untuk mengelakkan untuk mengelakkan kerja-kerja turapan semula jalan dalam tempoh 3 bulan terakhir setiap tahun yang diketahui umum menerima taburan hujan yang tinggi dan boleh menjejaskan turapan jalan. Penjadualan gerak kerja bagi tahun 2016 sebagai misalan kita lihat daripada bulan Oktober 2015 lagi Perbendaharaan Negeri menyediakan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk menetapkan syiling peruntukan MARRIS tahun 2016 kepada agensi-agensinya pelaksana. Bulan November 2015, surat kelulusan berbelanja dikeluarkan kepada agensi pelaksana. Bulan Disember hingga Februari 2016 agensi pelaksana diberi masa 3 bulan untuk mengemukakan senarai tajuk kerja yang berkaitan untuk kelulusan Jawatankuasa Teknikal MARRIS dan menggunakan aktiviti perolehan, menguruskan aktiviti perolehan dan bulan Mac sehingga September 2016 aktiviti perolehan diurus oleh agensi pelaksana secara berperingkat dan pelaksanaan kerja penyelenggaraan secara fizikal dibuat di tapak.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih EXCO di atas jawapan tadi. Saya ingin bertanya berkenaan dengan wang peruntukan MARRIS ini yang menggunakan Tabung Amanah. Saya difahamkan Dewan juga difahamkan semasa zaman pentadbiran Pelabuhan Klang, wang MARRIS ini tidak habis digunakan. Tetapi bila Bukit Antarabangsa mengambil alih, setiap tahun nampaknya wang MARRIS ni dibelanjakan dengan, dengan se optima mungkin. Jadi saya ingin bertanya adakah Tabung Amanah untuk peruntukan MARRIS ni masih ada lagi baki yang boleh diguna pakai untuk peruntukan tahun-tahun hadapan? Jadi minta EXCO perelaskan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Dengkil. Seperti mana yang saya juga telah maklumkan bahawa kita memang sentiasa menggunakan baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri setiap tahun dan kita letakkan untuk 2017 pun kita letakkan *target* RM600 juta walhal kita hanya menerima, jangkakan 2016 misal katanya sekitar RM493 juta sahaja. Menjawab soalan Dengkil, baki yang terkumpul setakat ini sehingga 15 Oktober 2016, baki akhir Tabung Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri MARRIS adalah sebanyak RM497,579,850.10.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PERUNTUKAN UNTUK PELANCONGAN**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keputusan EPU (*Economic Planning Unit*) terhadap permohonan peruntukan yang disenaraikan oleh Tourism Selangor, 3 PBT dan Galeri Diraja Klang.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membina tandas awam di tempat berdekatan dengan *Labour Lines*. Bukit Fraser?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Maklumat yang diterima oleh pihak Kerajaan Negeri berkenaan permohonan peruntukan pembangunan pelancongan di 3 PBT dan juga Galeri Diraja Klang masih di peringkat kajian dan penilaian di peringkat Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan sebarang keputusan berkenaan kelulusan permohonan berkenaan akan dimaklumkan pada hujung, penghujung tahun 2016 nanti.

Soalan kedua adalah berkenaan pembinaan tandas awam di tempat berdekatan dengan *label* Bukit Fraser. Jawapannya adalah Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina tandas awam.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Saya rujuk kepada jawapan b) saya mengenai tandas awam. Tempat itu memang adalah di bawah pemerintah Kerajaan Selangor. Dan selepas kalau tidak kita membina tandas awam itu maka akan menyusahkan kepada pelancong sebab mereka masuk di kawasan Bukit Fraser ni tidak ada tandas awam di bahagian depan kawasan-kawasan Kerajaan Selangor ini.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Saya nak semak dengan Yang Berhormat KKB. Kawasan depan Bukit Fraser maksudnya di mana?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Ok. Di Bukit Fraser kawasan, kawasan Negeri Selangor hanya 1/3 berbanding dengan kawasan Pahang. Dan yang di depan itu ialah di *Labour line*. Kedai yang pertama, sebelum kedai yang pertama itu ialah di mana ialah di bawah sempadan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, kalau kita jalan 100, 200 meter ada banyak kedai, ada tempat kiosk, apa maklumat pelancongan *information tourism, tourism information kiosk*, ada hotel dan sebagainya. Jadi, saya rasa tidak wajar untuk Kerajaan Negeri untuk meletak 1 tandas awam di sana kerana memang telah banyak ada di sana.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia, tidak hadir. Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, soalan saya No.97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : TEMPAT LETAK KERETA KENDERAAN BERAT**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan lokasi yang dikhaskan untuk tempat letak kereta berat dan operator yang mengendalikan tapak tersebut mengikut pecahan PBT.
- b) Apakah undang-undang yang mensyaratkan penyediaan tapak letak kereta kenderaan berat bagi mengelakkan kenderaan berat diletak di kawasan perumahan dan merosakkan jalan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker. Terima kasih kepada Rawang. Lokasi yang dikhaskan untuk tempat letak kereta berat dan operator yang mengendali tapak tersebut mengikut pecahan PBT, saya akan maklumkan secara ringkaslah ya. Di MBSA ada 12 tapak, MBPJ 1, MPK 6, di MPAJ 1, MPSJ 1, MPS 1,

MP Sepang 3, Kuala Selangor 2. Dan saya akan sampaikan maklumat yang terperinci kepada Yang Berhormat nanti.

Penyediaan tapak tempat letak kereta berat adalah berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan di dalam Manual Garis Panduan Piawaian dan Perancangan Negeri Selangor Edisi Ke-2 yang telah diluluskan pemakaian dan penggunaannya untuk keseluruhan, keseluruhan Negeri Selangor. Undang-undang yang dipakai, diguna pakai bagi mengelakkan kenderaan berat diletakkan di kawasan kediaman ketika ini adalah menggunakan peruntukan di bawah Undang-undang Kecil PBT berhubung halangan di atas jalan iaitu untuk kesalahan yang letakkan kenderaan berat di dalam kawasan taman adalah kompaun boleh dikenakan sebanyak RM1,000.00 dan boleh dibawa kes ini ke mahkamah dan dengan denda sebanyak RM2,000.00. Sekian.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Saya ingin bertanya sama ada ini tempat letak kenderaan berat ni adalah 1 syarat yang wajib untuk setiap PBT sebab kalau ikut senarai bukan semua PBT yang sebenarnya khaskan tempat untuk letakkan kenderaan berat. Secara tidak langsung juga menimbulkan masalah kepada penduduk tempatan kerana mereka bawa lori-lori untuk letak di kawasan perumahan dan sebagainya.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih Rawang. Memang dalam, undang-undang kecil memang kita benarkan kenderaan berat meletak di kawasan perumahan. Senarai yang saya bagi tadi adalah tentang operator, operator di kawasan PBT yang masing-masing dan pengusaha ataupun pemilik kenderaan berat juga boleh meletakkan kenderaan berat di luar kawasan taman perumahan di kawasan yang mungkin dimiliki ataupun tanah dimiliki oleh pemilik tersebut. Tidak ada 1 syarat yang khas bahawa mereka perlu meletak kenderaan berat di dalam senarai yang saya maksud tadi. Di tapak, tapak-tapak yang saya maksudkan tadi.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Adakah undang-undang kecil ini difahami ataupun diketahui oleh Pihak Berkuasa Tempatan? Kerana Kampung Medan menghadapi masalah ini apabila berjumpa dengan Pihak Berkuasa Tempatan, mereka kata ini bawah SPAD. Jadi saya telah bertulis, menulis kepada SPAD untuk ambil tindakan. SPAD pula mengatakan ini bawah PBT. Akhir sekali

hampir putus asa, saya telah menulis kepada JPJ. Kemudian JPJ turun untuk buat mengenakan kompaunlah kepada kenderaan berat yang telah meletakkan kenderaan mereka di tempat yang salah. Jadi, kalau ia, ia dilaksanakan berapa kali ataupun berapa banyak yang telah digunakan ataupun kompaun dikeluarkan maksimum RM1,000.00 tadi?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Taman Medan tentang maklumat yang, yang dibagikan tadi. Mungkin ini berlaku di MBPJ kalau tak silap saya. Bahawa ada, mungkin saya tak pasti. Kalau ada kes yang spesifik ataupun pegawai yang bertemu dengan Yang Berhormat tentang mereka tidak faham tentang undang-undang kecil taman ini boleh maklum kepada saya dan saya akan minta apa ni, Datuk Bandar untuk mengambil tindakan terhadap pegawai yang tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI** : Soalan saya ialah kenderaan berat ini termasuk ialah bas-bas yang besar yang memang tidak ada tempat untuk *parking*. Apa penyelesaian pihak PBT untuk membantu pengusaha-pengusaha bas ini? Tadi lori, ini yang bas.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik, lori dengan bas samalah, kenderaan berat.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Sama, mereka boleh.

**TUAN SPEAKER** : Seri Kembangan tak perlu jawab. Kuang

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB SAPARI** : Masalahnya, tiada *solution*, tiada *solution* oleh PBT. Penduduk kompelin bas-bas ini di *parking* di kawasan taman mereka tetapi tiada penyelesaian dibuat oleh PBT. Apa jawabannya?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih Kota Anggerik. Ini juga merupakan satu tanggungjawablah yang perlu diambil oleh pemilik kenderaan berat tersebut. Tidak semestinya semua apa ni, semua isu ni perlu ditanggung, dikawal oleh PBT. Kita memang sudah ada undang-undang kecil yang boleh kita menyaman atau memberi kompaun kepada mereka yang melanggar undang-undang kecil ini dan juga pihak JPJ dan juga SPAD pun boleh mengambil tindakan dan apa yang penting adalah *responsibility*, kebertanggungjawaban daripada kenderaan tersebut. Memang mereka tahu bahawa kenderaan berat ini memang tidak boleh diletak di kawasan perumahan.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM** : Terima kasih Speaker. Saya nak beritahu EXCO *this is a chicken and egg story*. Kalau



**TUAN SPEAKER :** Soalannya Seri Andalas?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM :** Ia, soalan dia? Apa tanggungjawab ya PBT kalau ada 1 masalah di dalam kawasan? Adakah kita akan cuba untuk atasi masalah ini ataupun kita nak bagi sebab-sebab ada undang-undang dan sebagainya. Ada undang-undang pun orang buat juga. Dan ada banyak kompelin tentang kenderaan berat di dalam rumah, taman perumahan dan taman-taman perumahan ini taman-taman yang lama, 40 tahun, 30 tahun yang dulu yang dibina. Sekarang ada masalah. Apa yang kita akan buat? *We must have a solution. Don't give excuses?*

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih kepada Seri Andalas. Kita tak ada bagi apa ni, *excuses*. Kita sudah bagi jawapan tadi bahawa memang ada kawasan tapak yang di, disediakan untuk mereka untuk masukkan kenderaan berat ke dalam tapak yang berkaitan. Kalau Yang Berhormat ada taman-taman yang berkaitan, nama kepada saya dan saya akan minta PBT untuk mengambil tindakan segera.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM :** Soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan gunakan tapak-tapak yang ada di dalam taman-taman sekarang yang tidak digunakan biarkan saja macam itu ataupun kawasan hijauan yang tidak diguna pakai oleh penduduk dan sebagainya luas dia cukup besar untuk kita letakkan kenderaan berat di sana. Bagi tanggungjawab kepada ADN-ADN dalam kawasan untuk berbuat sesuatu di atas tanah-tanah itu.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Ok. Saya ambil maklum tentang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Bukan semua taman ada tanah yang sesuai untuk menjadikan tapak untuk kenderaan berat. Itu yang saya ingin maklumkan tapi saya mengambil maklum tentang perkara ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Kuang tidak hadir. Kinrara tidak hadir. Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.100

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK: KUALITI JALAN RAYA NEGERI SELANGOR**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani masalah kualiti Jalan Raya Negeri Selangor?
- b) Mengapakah spesifikasi ketinggian bonggol tidak diselaraskan?
- c) Bagaimanakah cara untuk menangani masalah ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY ABDUL TALIB** : Tuan Speaker, terima kepada Seri Serdang yang juga bertanya berkenaan dengan perancangan dilakukan untuk memastikan permukaan jalan negeri di selenggara dengan baik yang saya kira saya sudah jawab pada soalan 69 iaitu berkaitan antaranya kita ada program kajian *pavement*, kontrak berpusat kerja sebut harga, garis panduan amalan baik. Begitu juga dengan spesifikasi yang sentiasa ditambah baik oleh JKR. Saya terus pergi pada soalan b) dan c) berkaitan dengan spesifikasi ketinggian bonggol yang tidak selaras di mana sebenarnya spesifikasi bonggol jalan dibina dengan ketinggian kelebaran yang tertentu bergantung kepada lokasi, kadar isi padu trafik, had laju kenderaan dan juga kadar kemalangan. Di sana ada garis panduan sekiranya bonggol-bonggol tersebut dibina berdasarkan pada spesifikasi yang telah pun ditetapkan dan JKR Negeri Selangor juga sentiasa memastikan pembinaan bonggol adalah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta mengutamakan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Soalan tambahan tidak dibenarkan selepas jam 11.30 pagi. Baiklah saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B.3 Dewan Negeri Selangor RM29,663,754.00.

**TUAN SPEAKER** : Ya Sekinchan, lima minit.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Jadual B.3 berkaitan dengan Dewan Negeri Selangor, 505001100 Gaji dan Upahan ya. Seperti apa yang kita sedia maklum Negeri Selangor kita peneraju segalanya dan Dewan Negeri Selangor juga kita berperanan cukup proaktif. Saya ucapkan tahniah kepada Tuan Speaker kerana di bawah bimbingan beliau dan semuanya seluruh Dewan sekarang ini bertambah cemerlang keberkesananannya dari segi perkhidmatannya

kepada Ahli-ahli Dewan sekarang ini, saya rasa tak ada *complain* lah. Boleh kata kompelin semakin kurang ya dan sebelum ini makanan, sekarang makanan pun bagus. Saya nak ucapkan tahniah ni, makanan pun tak ada masalah ya. Jadi saya nak bangkitkan soal pengurusan Dewan dan juga soal ADN-ADN ni, kita ada beberapa masalah perlu Dewan Negeri cuba terokai ada beberapa masalah yang kita nampak iaitu antara saya nak bangkitkan tentang elaun ataupun gaji untuk pemandu-pemandu EXCO ini saya nampak terlalu lama tidak disemak, 1620 tangga gajinya, 1620 ni dah lama sangat dah dan sekarang ni saya nampak Selangor ni kita peneraju ekonomi Malaysia. Peneraju ekonomi negeri contoh seluruh Malaysia ini dan barisan EXCO ni bekerja siang dan malam. Siang dan malam, tiap-tiap hari program penuh ya. Yang Berhormat Sijangkangnya, Yang Berhormat Sg. Pinang nya, Cempakanya nak pergi ke sana ke sini. *Driver* EXCO ni kebajikan harus dijaga. Mereka kena kerja kuat tak ada jangan ada sebarang apa *mistake* ataupun yang berlaku. Kecuaian dan sebagainya jadi kebajikan EXCO supaya mereka dapat kerja dengan tumpuan yang lebih kalau mereka ada masalah tentang tanggungan dan sebagainya kadang-kadang ini menjejaskan perkhidmatan mereka jadi saya minta Dewan Negeri kita kena semak balik, Kerajaan Negeri khususnya tangga gaji mereka 1620 ni tak cukup kena naikkan. Sedangkan minyak dah naik harga, minyak masak pun naik harga ini akibat kerajaan yang zalim Barisan Nasional ini telah menyebabkan mereka susah tanggung susah. Pilot ini kat depan, pilot dia bawa kereta dia kena jaga tu jangan main. Pihak EXCO boleh rehat sedikit kalau tidak ini bahaya jadi saya minta lah ini suara hati ya. Ini perlu, saya banyak kali dah berkali-kali perjuangan ini masih belum mendapat kesan positif daripada kerajaan.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI** : Mohon mencelah Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Hah ya.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI** : Apa kata Sekinchan saya dapati pemandu-pemandu EXCO ni dia kerja lebih masa. Dia keluar pagi seawal 6.00 pagi balik pukul 2.00 pagi. Saya cadangkan pakai dua *driver* satu orang EXCO.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Kota Anggerik. Ya, satu cadangan yang baik sebab kadang-kadang mereka saya khuatir mereka tak cukup tidur dan sebagainya kerana EXCO Kerajaan Negeri Selangor dengan EXCO Negeri Perlis dia lain. Kalau Negeri Perlis saya bagi contoh lah Negeri Perlis urusan mereka tak ada, kurang urusan jadi kalau di sini siang malam. Kadang-kadang pukul 12.00 ceramah baru habis hah itu bukan ceramah penerangan dasar Kerajaan Negeri Selangor balik dasar Kerajaan Negeri Selangor penerangan ini Skim Peduli Rakyat. Skim Peduli Rakyat hah terang sampai pukul 12.00, minum sekejap pukul 1.00 balik rumah 2.30. 2.30 EXCO sampai rumah 2.30 *driver* sampai rumah 3.30. Besok pukul 6.00 pagi

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Ni boleh tanya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Hah mana boleh.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Apakah beza ceramah dan penerangan ni? (Ketawa).

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ceramah nanti orang kata ini ceramah politik tidak. Kita penerangan Dasar-dasar Kerajaan hah ini lebih spesifik *live* kita tidak mahu salah gunakan tapi ini perkara penting. Tuan Pengerusi jadi saya minta kerajaan kali ini seruan saya pada kali ini harus diteliti betul-betul seluruhnya kebajikan yang mereka harus diperbaiki jangan dibiarkan begitu sahaja ya. Yang keduanya, bagi ADN jugalah selain EXCO kerja kuat ADN juga kerja kuat. ADN-ADN dari Barisan Nasional saya tak tahu lah tapi daripada Kerajaan ni kerja kuat kita nak jaga kawasan supaya rakyat kepuasan rakyat terhadap pentadbiran Negeri Selangor ini semakin tinggi ya

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Mohon mencelah, sini-sini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : KKB jauh sangat nun di hujung sana, minta maaf.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Sebelum Sekinchan pergi kepada ADN-ADN yang lain saya balik kepada topik pembantu EXCO, saya nak maklumkan kepada Sekinchan yang RM1620 itu tak betul, hanya RM1000 sahaja.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Kuala Kubu mungkin Kuala Kubu jauh sana dengar suara dia kurang jelas, tak pe Kuala Kubu. Itu Pembantu EXCO dengan Pilot-pilot tu, *driver* EXCO dia lain ya. Pembantu EXCO saya rasa masalah tak besar lah, itu boleh dibincangkan kemudian tapi yang pilot tu sebab tiap-tiap hari dia bawa, tiap-tiap hari dia *driver* yang mantan EXCO pun dia tahu lah kan jadi mantan EXCO dia ada luah hati nak dua *driver* tu hah, itu perjuangan tu baik. Sekarang saya nak bincang balik, Tuan Pengerusi terhadap ADN-ADN yang kerja kuat dan sebagainya sekarang kadang-kadang ada mereka yang kecil hati sebab oleh kerana ini bebanan hidup terlalu tinggi tanggungan pun besar, keluarga pun besar. Tanggungan pun besar, keluarga pun besar ada orang keluarga lagi besar pun ada jadi kesan kos saraan hidup yang tinggi, harga minyak naik, minyak petrol semua naik semua naik dan sebagainya semua naik seluruh nya naik lah di Malaysia ini di bawah Barisan Nasional seluruhnya naik melainkan air hujan yang turun dan ini yang ada.

Jadi saya minta, elaun untuk mesyuarat ini hari ini kita datang Mesyuarat Dewan sampai pukul 6.00 ada, 7.00 pun ada tapi elaunnya RM75.00. RM75.00 lebih murah daripada Ahli Majlis. Ahli Majlis pun ada RM150.00. Saya nak berjuang untuk seluruhnya termasuk di Barisan Nasional. Kita berjuang untuk seluruhnya sebab ini kebajikan. RM75.00 kalau tak silap saya puluh tahun tidak disemak. Tidak disemak, RM75.00 mantan EXCO Kota Anggerik telah berjuang dari dulu dah. Dari dulu, kini

belum berjaya lagi ya sambung kesinambungan ini kita sambung supaya 75.00 ini disemak ya dua ratus ketiga ratus ini perlu mengikut peredaran masa. Kesesuaian masa itu satu.

Yang keduanya, soal *loging*, soal hotel ini dan sebagainya macam sabak saya ambil contoh sabak. Sabak datang mesyuarat ke sini jauh dia kena duduk hotel dan sebagainya tapi sekarang yang ada dalam enakmen RM100.00. RM100.00 bajet hotel, Sekinchan sekarang bajet hotel satu bintang, hotel satu bintang RM120.00. RM120.00 ini RM100.00 ADN RM100.00. Kita kasihan Sabak, Kuala Kubu dan sebagainya. Saya tanya Concorde Hotel RM250.00 satu malam. Concorde Hotel itu tak termasuk *breakfast* makanan pagi tak ada. Kalau makanan pagi RM300.00.

Jadi saya minta, kita kurang-kurang pun ikut gred M52, 54 ke ataupun kurang-kurang RM300.00 untuk hotel dan sebagainya. Ini perlu dikemas kini mengikut masa lah tak perlu kita sebut berulang-ulang demi kebajikan ADN-ADN dan sebagainya. Kalau perkara ini dapat diselesaikan, tanggungan kurang kita kerja lebih kuat ya apa yang kerajaan dah selesai kerajaan seperti Belanjawan 2017 ini memajukan bangsa memakmurkan negeri kita dapat diimplementasikan di bawah ADN bantu kerajaan sebagai jambatan ini penting ya jadi saya minta lah pihak kerajaan dalam soal kebajikan ini harus diteliti secara menyeluruh dan saya ucapkan tahniah lah kepada kerajaan dan juga Tuan Speaker kerana Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Dewan ini yang diteraju oleh Tuan Speaker bersama dengan kaedah reformasinya telah berjaya menjadi contoh di seluruh negara di mana dalam teguran-teguran audit telah memberi pengitaran kepada kita. Jawatankuasa-jawatankuasa dalam buku Laporan Audit Ketua Negara memberi pengitaran. Kita ada 7 sampai 10 Jawatankuasa di Parlimen sampai hari ini pun cakap saja hah. Bagaikan lepas batuk di tangga tapi di Selangor kita cakap, kita buat dan kita buat *reform* hah ini lah Kerajaan Negeri yang lain. Jadi saya rasa setakat ini lah penting saya minta sekali lagi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, pilot-pilot untuk *driver* Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tu siang malam, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pukul 7.00 pagi dah sampai ke SUK kadang-kadang saya 7.30 sampai dia dah sampai. Wah, lagi laju dengan Sekinchan. Laju, maknanya *pilotnya* kerja tak berhenti-henti ya dan malam kalau apa ada jadualnya

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Malam Menteri Besar ceramah banyak, ceramah politik banyak sangat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Bukan ceramah politik, penerangan dasar Kerajaan Negeri Selangor ini, Dengkil tak faham. Kita pergi ke Pahang beritahu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Sampai ke Pagoh pula.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Rakyat di Pahang tak dapat air percuma. Rakyat Selangor dapat air percuma. Rakyat di Pahang, di Pekan tak dapat Skim Peduli

Sihat. Rakyat di Selangor dapat peduli sihat bagi tahu orang Pahang supaya orang Pahang buka mata pilihan raya akan datang bagi kita pergi ke Putrajaya bagi Barisan Nasional masuk muzium itu sahaja. Hah itu yang penting. Jadi saya rasa setakat ini sahaja lah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas. 5 minit ya.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, isu yang telah dibangkitkan jangan bangkitkan lagi ya. Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Speaker. Vot B.03 kod ialah 290000 saya nak bangkitkan perkara untuk pekerja-pekerja di dalam pejabat DUN ya kerani masing-masing yang bekerja. Saya tidak ada masalah dengan bayaran gaji mereka dan gaji pokok mereka tetapi saya nak sentuhkan di sini bahawa kita pasti berikan SOCSO untuk mereka semua, ini penting sebab mereka tidak ada *cover* mereka pergi kerja dan balik dan sebagainya kalau sesuatu jadi dalam perjalanan di antara pejabat dan rumah dan sebagainya siapa yang bertanggungjawab? Baru-baru ini di pejabat saya, pekerja saya telah berlaga dengan kemalangan bila waktu balik rumah dari kerja dan lepas tu kos hospitalnya memang tinggi dan ADN pun kena tanggung juga sikit so sebab itu saya minta pejabat Dewan kaji peruntukan ini SOCSO untuk RM1,500.00 sahaja gaji mereka dan boleh dibayar oleh kerajaan bukan banyak juga untuk adakan satu *safety net* untuk mereka bila mereka keluar sama dengan tadi saya bawa ini dalam pertanyaan kepada Wanita PWB juga yang saya katakan.

Lagi satu saya minta teliti insurans ADN-ADN yang telah kita ambil lah bukan dengan sangat senang hati kita ambil dulu lah sebab sudah pun dibuat dan dijanjikan tetapi saya minta kerajaan untuk teliti balik skim insurans itu sebab saya ingat kita boleh dapat lebih dari apa yang telah diberikan kepada kita pada waktu ini. Saya ingat ini Pegawai Kewangan dan EXCO ambil perhatian atas permintaan ini dari ADN-ADN di Selangor ini. Itu sahaja terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Saya bagi satu lagi pembahas, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Rawang ingin merujuk kepada muka surat 54 butiran program 505000 tentang pentadbiran dan kewangan. Saya cuma ada satu cadangan sahaja memandangkan pihak Kerajaan Negeri setiap tahun kita akan ada satu hala tuju dengan program yang baru jadi saya ingin mencadangkan supaya pihak Dewan ataupun mana agensi berkenaan supaya adakan satu sistem latihan secara berkala kepada pegawai kita ataupun kerani kawasan kita supaya mereka boleh sentiasa *update* sendiri daripada segi

pengurusan dan juga macam mana cara supaya mereka boleh *handle* dengan lebih mesra pelanggan dan sebagainya. Itu sahaja cadangan saya.

**TUAN SPEAKER** : Bagi pihak kerajaan ada sesiapa yang ingin memberi maklum balas. Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berhubung perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk elaun untuk mesyuarat bagi pemandu dan *sd* ataupun tuntutan hotel bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pembayaran SOCSO bagi *staff* Dewan Negeri saya percaya pendirian yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk sama ada memberikan bonus ataupun menaikkan elaun ianya berasaskan kepada satu prinsip yang jelas iaitu untuk melihat produktiviti itu mesti dipertahankan. Bukan soal ganjaran ataupun *reward* yang hendak diberikan tetapi ianya mestilah dikaitkan dengan produktiviti negeri. Sebab itulah apabila kita menimbangkan kenaikan elaun ataupun bonus bagi anggota perkhidmatan awam itu adalah asasnya kerana mereka telah bekerja dengan kuat dan gigih bagi membantu meningkatkan hasil negeri dan sekali gus meningkatkan produktiviti negeri.

Jadi tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya percaya perkara ini boleh dipertimbangkan dan saya akan berbincang dengan Perbendaharaan Negeri untuk melihat apakah perkara ini boleh dilakukan tentang SOCSO yang dicadangkan oleh Seri Andalas ianya akan mengikut terma perkhidmatan awam dan ini akan kita bincangkan dengan pihak Perbendaharaan.

**Y.B TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Dato' Menteri Besar ada satu, saya cadangkan, kita nampak ni dulu kita ada masalah bila kita menaikkan gaji dan elaun ADN dan kita buat ini lepas 10 tahun ataupun 11 tahun cuma naiknya nampak dah, dah sangat besar sangat. Boleh kah kita buat kajian *every 3 years we study* untuk menaikkan dan *allowance* dan sebagainya *every 3 years* sebab kedudukan sekarang kewangan dan sebagainya mengukuh tetapi kita punya nilai ringgit pun kita kena kaji tiap-tiap 3 tahun macam mana kehidupan ADN dan juga kakitangan sebagainya. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Kita akan melihat keupayaan kewangan negeri pada setiap masa dan sudah tentulah isu produktiviti juga akan kita pertimbangkan cuma tempoh sama ada 3 atau 5 tahun itu kita kena melihat situasi ekonomi semasa. Terima kasih.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM** : Sedikit pencerahan. Tuan Pengerusi terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita akur bahawa tentang keberkesanan dan sebagainya ia mendatangkan implikasi kewangan dan sebagainya kepada Kerajaan Negeri dan pada masa yang sama satu perkara lagi yang saya ingin panjangkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ialah

ini tidak melibatkan kewangan yang besar iaitu siling perumahan pinjaman perumahan untuk ADN ini Yang Amat Berhormat kita mintak diteliti kerana sekarang ini RM350,000.0 pinjaman kerajaan kepada ADN-ADN ini hanya boleh duduk rumah Selangor, Selangorku tetapi ADN nak minta rumah Selangorku tak eloklah nanti orang cakap kenapa ADN mohon rumah Selangorku RM250.00 kan ini RM350.00 PRIMA pun tak boleh dapat PRIMA RM400.00 ya, PRIMA RM400.00 saya minta siling pinjaman itu dinaikkan RM700,000 ke RM1 juta supaya pinjaman boleh dapat tinggi. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Siling untuk pinjaman perumahan saya baru dapat maklumat daripada Perbendaharaan boleh dipertimbangkan dan dikaji oleh Kerajaan Negeri. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa sebenarnya baru-baru ini bulan September lebih kurang sebulan yang lalu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun meluluskan semakan terhadap elaun dan juga faedah bagi pegawai dan kakitangan semua Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, jadi perkara ini memang senantiasa diambil kira oleh Kerajaan Negeri dan saya percaya perkara yang dibangkitkan juga dalam pertimbangan Perbendaharaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B. 3 iaitu wang sejumlah RM 29,663,754.00 untuk Kepala B. 3 – Dewan Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B. 4 – Perbendaharaan Negeri, RM 360,968,986.00

**TUAN SPEAKER** : Jadual B. 4 – iaitu wang sejumlah RM 360,968,986.00 untuk kepala B.4 – Perbendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B. 6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, RM1,800,000,000.00

**Y.B TUAN SPEAKER** : Jadual B. 6 – iaitu wang sejumlah RM 1,800,000,000.00 untuk kepala B.6 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B. 7 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, RM 1,711,071.00



**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerusi..

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Saya merujuk kepada perkara ini saya dapati masih ramai lagi kakitangan di SUK ini yang kontrak yang tidak disahkan jadi apa pandangan supaya ...

**TUAN SPEAKER** : Muka surat mana dan kod mana ya, Kota Anggerik.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : 64, gaji. 11000 gaji dan upahan. Saya dapati ramai kakitangan di SUK ini yang bertaraf kontrak jadi masa depan mereka tak pasti nak buat *loan* pun susah. Jadi apa pandangan kerajaan supaya mereka yang telah berkhidmat lebih 10 tahun diserap jika kakitangan tetap oleh Kerajaan Negeri khususnya yang "A" *officer* sebab "A" *Officer* ialah *Federal Officer* jadi kita perlukan khidmat mereka tetapi Kerajaan Negeri tidak memberi jawatan tetap kepada mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah pihak kerajaan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, Kota Anggerik perkara ini telah pun dijelaskan dalam sesi soal, soalan lisan baru-baru ini di mana ianya perlu kelulusan daripada JPA dan pihak sumber manusia di SUK telah pun berurusan dengan pihak JPA untuk mendapat kelulusan tetapi memang seperti yang saya nyatakan minggu yang lepas kekosongan ini bukan sahaja berlaku di Negeri Selangor tetapi diperingati Persekutuan dan juga Negeri-negeri yang lain maka untuk menyerap jawatan kontrak ini memang menjadi satu agenda Kerajaan Negeri namun ianya juga tertakluk kepada kelulusan yang akan diberikan oleh JPA kerana ia akan ada implikasi kewangan yang besar termasuk pencen dan sebagainya. Namun baru-baru ini pada awal tahun ini memang kita telah mendapat kelulusan bagi mereka yang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun akan diserapkan ke jawatan yang telah ditentukan oleh JPA. Terima kasih.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerusi...

**TUAN SPEAKER** : Ya, Kota Anggerik.

**Y.B TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Bukan hanya di SUK saya difahamkan di PBT juga ramai kakitangan kontrak yang telah lama berkhidmat tetapi PBT ini dia ada *authomy* tetapi tidak memberi jawatan kepada mereka.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Ya, Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara ini juga kita kena semak tentang struktur perjawatan yang ada di PBT masing-masing.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B. 7 - iaitu wang sejumlah RM 1,711,071.00 untuk kepala B. 7 – Caruman Kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B. 8 – Jabatan Pertanian, RM 22,756,726.00

**TUAN SPEAKER :** Sabak lima (5) minit.

**Y.B TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 64 pada tajuk Gaji dan Upahan. Saya telah...

**TUAN SPEAKER :** 68

**Y.B TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** 64, 68...

**TUAN SPEAKER :** B.8

**Y.B TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Ha... betul, pada Gaji dan Upahan. Saya telah membuat lawatan ke Jabatan Pertanian beberapa minggu sebelum sidang DUN kerana masalah padi yang berlaku masalah bila masa musim penanaman padi, pesawah menggunakan khidmat jentera yang sebahagiannya adalah milik Jabatan pertanian sebahagiannya ialah melalui swasta-swasta. Apa yang menjadi masalah ialah apabila menggunakan khidmat swasta benih padi yang disediakan itu tidak melalui kawalan dan seliaan daripada Jabatan Pertanian yang kadang-kadang benih padi itu adalah benih yang kurang bermutu dan apabila ditanam menghadapi masalah. Kemudian jawapan yang diberikan Jabatan Pertanian ialah mereka sebenarnya kekurangan tenaga untuk membuat pemantauan terutama pada masa kemuncak iaitu pada masa penanaman padi oleh sebab itu saya nak mencadang dengan sejumlah kewangan untuk menambah lagi kakitangan jabatan pertanian terutama sekali bahagian pemantauan terhadap mutu benih yang dikeluarkan yang digunakan oleh pesawah-pesawah sebab bila pesawah pergi ke Jabatan Pertanian maka Jabatan Pertanian kata itu bukan dibawah seliaan Jabatan Pertanian kerana ia dikeluarkan melalui swasta dan biasanya bila pesawah dia menggunakan jentera swasta maka benih padi pun disediakan oleh pihak swasta juga. Jadi ini mendatangkan masalah yang pesawah mendapat benih padi yang kurang bermutu. Jadi saya mencadang untuk supaya pihak Kerajaan Negeri boleh melihat isu ini untuk menambah lagi jumlah kakitangan Jabatan Pertanian khususnya untuk Bahagian Pemantauan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Paya Jaras.

**Y.B TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja tentang pertanian ini. Kalau Sabak membangkitkan banyak hal

padi mungkin situasi beliau melibatkan banyak padi tapi bagi kawasan-kawasan bagi kawasan-kawasan yang dalam Bandar saya kira Jabatan Pertanian ataupun EXCO Pertanian harus juga melihat kepada alternatif-alternatif lain. Sebagaimana sekarang ini banyak dulu kita pernah dengar bahawa Kerajaan Negeri punya skim-skim untuk rakyat yang berminat kepada pertanian dan ada skim-skim yang diberikan cuma saya tidak pasti prosedur yang diletakkan untuk memudahkan rakyat. Sekarang ini, Tuan Pengerusi kita lihat sekarang ini banyak alternatif-alternatif tanaman yang telah disebut-sebut macam pokok rama-rama, saya pun tak taulah apa rama-rama ini, pokok rama-rama, pokok belimbing, berbagai-bagai alternatif lain. Jadi saya kira kalau Kerajaan Negeri boleh melihat kepada potensi tanaman-tanaman untuk kawasan-kawasan yang dalam sekitar dalam kampung dalam Bandar ini. Mungkin ada tanah-tanah dipermudahkan tanah-tanah kerajaan yang kita boleh teroka dan memberi kemudahan supaya rakyat lebih terlibat kepada pertanian. Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada *Vot. B.08, 68* muka surat berkaitan 50500 Gaji dan Upahan ya. Gaji dan Upahan. Berkaitan dengan isu Jabatan Pertanian yang kita sering dengar adalah berkaitan dengan bagaimana untuk mendidik satu perkara yang penting yang kurang diberi perhatian iaitu bagaimana untuk mendidik pada petani-petani kalau di kawasan jelapang padi seperti Sekinchan, Sabak dan sebagainya. Tentang kesedaran, kesedaran menggunakan baja-baja, baja-baja yang merosakkan jangka panjangnya merosakkan tanah-tanah ya kualiti tanah dan sebagainya, baja-baja kimia dan sekarang kita menuju ke negeri maju maka saya mintak pihak Jabatan Pertanian mengadakan kempen-kempen ataupun taklimat dan sebagainya kebanyakannya supaya dapat kita kembali kepada cara pertanian yang lebih mesra alam ya dan lebih mementingkan produk yang mendatangkan kesihatan ia tidak mengurangkanlah penggunaan baja-baja kimia ini dan sebagainya. Baru-baru ini apa isu yang saya bangkitkan ialah musim menuai hampir sampai dan musim yang kedua bulan sebelas ini akhir bulan sebelas dan jangkitan daripada serangan penyakit "*hawon-hawon*" "*BLB*" ini saya nampak teroka saya turun padang tengok kali ini agak serius di mana petani saya jangkakan akan mengalami kerugian, kerugian yang banyak kerana hasil mereka sudah pasti akan terjejas. Oleh hal yang demikian, saya mintak Jabatan Pertanian kena selidik benih, selidik benih yang disalurkan itu khususnya 284 benih MR 284 yang rata-rata yang majoriti yang kena penyakit ini MR 284. Kenapa benih MARDI yang baru ini kualiti yang baru ini boleh menyebabkan perkara yang sedemikian dia tiada daya ketahanan sedangkan sudah diselidik sudah dibuat bertahun-tahun. Itu satu perkara yang harus diambil perhatian saya mintak penjelasan daripada Jabatan Pertanian dan seterusnya bagaimana dengan perkembangan kaedah perintis projek perintis penambahan hasil padi oleh Jabatan Pertanian yang dilaksanakan sejak bertahun-tahun Projek Perintis bagaimana perkembangannya. Kali ini di mana sasaran kita? Di mana tempat yang kita kenal pasti untuk projek perintis ini? Dan saya cadangkan kalau boleh 1 Smart

Selangor ya projek perintis penanaman padi ya, Smart Selangor diadakan di Sekinchan dan sebagaimana satu projek supaya sebilangan besar tanah dijadikan projek perintis Smart Selangor penanaman padi yang menjadi contoh kepada semua petani bukan sahaja di Sabak. Sungai Burong, Sawah Sempadan, Tanjung Karang. Termasuk menjadi contoh kepada seluruh petani di seluruh Malaysia termasuk di Kedah dan sebagainya. Kita minta Selangorlah bukan sahaja daripada ekonominya, dalam pertanian kita dalam penanam padi kita nak jadi sebagai peneraju. Ini saya minta pihak cadangan ini diperhalusi oleh pihak Jabatan Pertanian. Sekian, terima kasihlah Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Pengerusi. Saya ingin menyentuh muka surat 68 Kod Objek 10000, 20000 dan 30000. Pertamanya tentang isu yang berkaitan dengan emolumen dan perkhidmatan dan bekalan. Kerja-kerja pertanian itu luas. Dan kalau kita lihat dalam konteks Selangor, permohonan untuk susu segar, susu lembu segar sangat tinggi. Dan demikian juga dengan buah-buahan termasuklah dalam aset binatang, pokok dan benih. Kalau kita perhatikan pada hari ini, banyak benih-benih yang didatangkan daripada luar negara dan saya telah kemukakan perkara ini dalam bajet yang lepas. Di mana benih-benih ini sepatutnya melalui 1 kawalan. Kawalan untuk memastikan tidak senang-senang untuk membawa benih. Mungkin ia menjadi 1 parasit, kemudian dia akan menyusahkan lagi pertanian di negara kita. Jadi saya mohon bahawa isu benih, binatang, pokok ini diberikan 1 kawalan dan penguatkuasaan yang rapi. Begitu juga dengan tiap-tiap tahun kita membawa lembu korban. Ada yang daripada Negeri di tanah di Malaysia dan ada juga daripada luar negara. Dan saya telah bertanya dalam sesi yang lepas di mana adakah kawalan yang ketat dilakukan? Adakah dia tidak dilakukan dengan baik? Nanti kita takut dia membawa penyakit-penyakit yang akan sukar ditangani. Dan demikian juga tentang susu tadi. Saya melihat bahawa apa yang telah dilakukan ini memerlukan penyelarasan di antara GLC dengan izin yang mengendalikan PKPS. Pertaniannya agak baik tetapi masih lagi tidak memenuhi keperluan pasaran untuk membekalkan susu dan buah-buahan. Jadi kalau boleh dikemaskinikan maka kita akan melihat bahawa apa yang pernah diuar-uarkan iaitu pertanian adalah perniagaan akan dapat menjadi 1 pendekatan yang baik di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM** : Sedikit sahaja Speaker. Muka surat 68 ya. Saya nak bawakan perkara *food security* di dalam Negeri Selangor. Dan kita nampak memang kita ada 1 masalah yang besar tentang *food security*. Walaupun kita katakan di, di utara dengan sawah dan ada kawasan tetapi sayur-sayuran harian ya, ini akan menjadi 1 isu besar di dalam Negeri Selangor. Saya minta kerajaan untuk teliti kalau *community farming* ini boleh

ditetapkan di dalam Negeri Selangor. *Community farming* ini bolehlah meningkatkan kemiskinan bandar juga untuk diberikan kepada orang-orang yang telah ada sedikit pengalaman dengan tanaman sayur-sayuran di dalam kawasan-kawasan bandar di mana tanah-tanah yang diperolehi oleh Majlis Perbandaran dan juga Negeri Selangor sendiri yang tidak di, diguna pakai untuk masa sekarang. Boleh diguna pakai untuk diberikan untuk *community farming* di dalam beberapa kawasan. Tapi untuk ini, kita kena adakan 1 *strong wheel* di mana kita perlu tukarkan untuk kawasan itu sementara untuk diberikan kepada 1 pun 1 perkara pertanian perhijauan juga ataupun kawasan kehijauan juga di dalam Negeri Selangor dan saya minta Kerajaan Negeri buat 1 kajian untuk masa depan. Jangan panjang sangat kajian tu. *This is straight forward issue*. Kita mahu buat ke tak mahu buat itu sahaja yang kita kena buat pendirian. Tapi saya minta Kerajaan Negeri Selangor untuk bagi peluang untuk adakan 1 apa tu, *feasibility study* ataupun 1 tempat yang buat. Dulu dan lepas tu nampak boleh kah tidak kita boleh lanjutkan program ini di dalam Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tambahan sedikit Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Pengerusi. Saya juga ingin membangkitkan 1 perkara di bawah Butiran 51000 muka surat 69 bawah 29000. Saya ingin mengatakan bertanya kepada pihak pertanian. Apakah fokus sekarang ini untuk membantu pertanian komuniti bandar yang kita lihat sekarang ini pertanian tidak lagi di kawasan-kawasan luar bandar semata-mata tetapi di kawasan komuniti bandar? Saya ingin memberi satu contoh. Sekarang ini Alhamdulillah, tiga daripada komuniti di Batu Tiga yang telah pun memulakan usaha untuk memastikan kawasan-kawasan terbiar ini telah dimanfaatkan. Tiga daripada komuniti yang ada iaitu di Seksyen 24, 17 dan Seksyen 20 telah pun masuk *final* Maha hujung tahun ini. Tetapi malangnya kita lihat tidak ada apa-apa bantuan ataupun bantuan sama ada dari bentuk *by* apa ni, khidmat ikhtisas ataupun profesional untuk membantu mereka untuk memastikan tanaman-tanaman yang ada ini ataupun bajet Jabatan Pertanian dapat datang ke bawah untuk membantu memastikan bahawa tanaman yang mereka usahakan ini dapat memberikan impak ataupun jumlah pulangan yang tinggi. Dan selepas itu pula kita lihat tidak ada satu perancangan khusus apakah selepas itu nanti akan diberikan satu orang kata, hala tuju yang bagus kepada komuniti bandar ataupun kebun komuniti bandar ini untuk memasarkan produk-produk mereka. Jadi, saya mencadangkan supaya satu usaha dimulakan di bawah pembangunan perkembangan ini dengan mewujudkan satu pasar ataupun satu pusat pengumpulan semual produk-produk pertanian yang telah diusahakan oleh komuniti bandar. Saya yakin ini tidak berlaku di Shah Alam sahaja tapi mungkin di tempat-tempat lain untuk dijadikan seolah-olahnya satu pasar tani baru yang diusahakan sendiri oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi itu sahaja daripada saya Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih ya Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada muka surat 69 Butiran 51000. Saya nak tanya kepada Jabatan Pertanian, EXCO Pertanian samada, ada rancangan besar untuk Selangor untuk menjadi *sufficient* dalam bahan-bahan pertanian macam beras ataupun buah-buahan. Adakah rancangan kita nak jadi pengeksport buah-buahan sebab saya dapati di Selangor, lagi-lagi di Ijok tu banyak kawasan terbiar, tidak diurus. Ini akan merugikan Kerajaan Negeri sebab saya pun tak tahu ada tanah persendirian, tanah kerajaan yang tidak diurus yang terbiar. Ini tak dapat mendatangkan hasil apa-apa.

Yang kedua, saya nak tanya apa status *fruit valley* dekat dengan Ijok tu? Nampak macam *stagnant* dan tak ada apa-apa. Itu 1 kawasan yang cantik, yang subur tetapi sepatutnya kawasan tu menghasilkan buah-buahan yang boleh dieksport dari Selangor. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah. Sekarang saya jemput pihak kerajaan untuk memberi maklum balas.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker, terima kasih kepada sahabat-sahabat Ahli Dewan yang telah pun menunjukkan minat yang berkaitan dengan perihal pertanian. Pertamanya, Sabak ada menyatakan berkaitan dengan kekurangan pegawai-pegawai untuk menyelia dan memantau perihal benih padi. Pertamanya untuk pengetahuan Sabak, dari sudut pemantauan benih padi ini adalah di bawah skop tugas Federal, skop tugas Federal tetapi saya kira berkait juga dengan Sekinchan yang membangkitkan berkenaan dengan benih-benih padi yang kurang bermutu yang disebutkan oleh Sekinchan. Dan saya kira kita juga telah berbincang dalam penggulungan ucapan belanjawan yang mana dari sudut benih-benih padi khususnya *variety* padi baru, MR 284 seperti mana yang disebutkan tadi kita akan turun bersama-sama dengan agensi-agensi untuk memberikan maklumat kepada pesawah-pesawah khususnya berkaitan dengan langkah-langkah kawalan kerana perkara ini berlaku bukan semata-mata disebabkan oleh *variety* padi baru itu, benih padi MR 284 tetapi dari sudut kaedah-kaedah pengawalan itu tidak dilakukan dengan sempurna. Paya Jaras ada membangkitkan berkenaan dengan trend terkini khususnya yang berkaitan dengan tanaman herba rerama dan sebagainya. Itu memang menjadi salah satu daripada fokus kalau kita lihat nanti dalam bajet pembangunan. Ada satu kursus vot untuk tanaman herba termasuklah rerama yang saya ingat sekarang diminati dan digilai oleh Paya Jaras sendiri untuk memakai kerana khasiatnya yang begitu *power* saya kira.

Seterusnya, Sekinchan ada bangkitkan berkenaan dengan mendidik para petani ya. Yang itu juga memang senantiasa dilakukan oleh Jabatan Pertanian khususnya oleh pegawai-pegawai pengembangan yang sentiasa memantau perihal pendidikan dan juga penyampaian maklumat ataupun informasi. Hulu Kelang ada membangkitkan

beberapa perkara termasuk tentang susu lembu dan juga lembu korban. Hulu Kelang itu termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Dah, dah melangkaui. Cuma yang benih-benih ini memang ada satu agensi khusus yang membuat kawalan khususnya di *airport* untuk benih-benih daripada luar dimasukkan ke dalam negara. Untuk memantau perihal penyakit dan juga benih-benih tertentu sahaja yang dibenarkan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Penjelasan. Tapi saya dapati bahawa banyak benih-benih. Kalau kata buah tin sahaja, fik ada berbelas-belas spesies pecahan dibawakan, dibawa di Selangor bahkan di Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Ia, dia bukanlah istilah tidak boleh atau tidak dibenarkan jenis-jenis, benih-benih dari luar tapi mesti melalui prosedur-prosedur yang dibenarkan. Jadi saya tak pasti mungkin kena rujuk secara khususlah benih-benih buah tin dan sebagainya tapi di sana ada prosedur khusus untuk kemasukan benih-benih ataupun juga tumbuh-tumbuhan daripada luar negara. Seri Andalas ada menyentuh berkenaan *community farming*. Sebenarnya untuk pengetahuan Seri Andalas sedang giat di laksanakan. Bukan sahaja di peringkat Kerajaan Negeri yang saya kira telah pun disebut dalam belanjawan iaitu kebun rakyat dan di peringkat PBT juga memang secara aktif telah pun mengadakan *community farming* dan setakat ini ada kurang lebih dalam 47 kumpulan khususnya di Lembah Klang. Dan sebahagiannya untuk pengetahuan Seri Andalas yang disebutkan oleh Batu Tiga tadi. Beberapa tempat di Seksyen 24, 17, 20 itu sebagai contoh. Memang ada satu program khusus di peringkat PBT dan di peringkat Kerajaan Negeri juga kita akan laksanakan secara agresif iaitu kebun rakyat. Silakan Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM** : Terima kasih EXCO. Saya, saya faham ya. Beberapa ADN ambil inisiatif sendiri untuk buat demikian. Saya pun buat juga di dalam kawasan saya pun ada juga beberapa sukses *instory* untuk bagi. Tapi saya lihat tidak ada apa tu, input dari Majlis Perbandaran, kawasan-kawasan tertentu. Di mana ADN-ADN kena, kena pergi tengok siapa di dalam kawasan untuk dapatkan isu ini untuk disebarkan ataupun untuk bagi peluang untuk orang-orang tempatan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Andalas. Jadi mungkin dengan pemakluman ini khususnya dalam Dewan untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan sekalian. Pertama telah pun wujud program ini di peringkat Kerajaan Negeri kebun rakyat, di peringkat PBT dinamakan sebagai kebun komuniti ini dan juga bantuan-bantuan juga diberikan oleh PBT dan juga oleh Jabatan Pertanian itu sendiri. Dan seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pemberian TOL kepada tanah-tanah rizab kerajaan termasuk dalam 5 kategori yang dibenarkan adalah tanaman kontan. Jadi ini juga boleh disebar luaskan pemakluman ini oleh Ahli Dewan kepada masyarakat setempat dan yang terbaru juga bagaimana sekarang ini

tanah-tanah kerajaan, tanah-tanah yang telah pun di, akan dirizabkan untuk kegunaan PTP ya, Pentadbir Tanah Persekutuan. Dasar sekarang kita tidak terus wartakan tetapi kita letakkan di bawah Pegawai Pengawalnya, Dato' SS, Dato' SUK kita dan Pegawai Tadbirnya PBT seperti tapak sekolah dan sebagainya kerana kedapatan banyak tapak-tapak ini tidak diguna pakai. Maka boleh digunakan untuk tujuan *community farming* yang saya maksudkan tadi.

Ijok membangkitkan berkenaan dengan satu pelan induk. Memang kita memang sedang proses akhir untuk menyiapkan pelan induk pembangunan pertanian Negeri Selangor dengan usaha sama Universiti Putera Malaysia. Silakan Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Ijok ingin tanya, adakah dah wujud satu macam di Selangor ni, *agriculture mapping* di Negeri Selangor. Kita kenal pasti kawasan-kawasan yang mana sesuai untuk sesuatu tanaman.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih, Ijok. Untuk pengetahuan Ijok kita memang sudah ada, tetapi saya kira sudah agak *off slick*. Saya tak pasti, saya semak tahun bila, tetapi saya ulang sekali lagi bahawa *content* itu akan juga termasuk dalam Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor yang akan siap by Disember 2016. Dalam bulan hadapan. Di sana ada, dari sudut *mapping*, dari sudut perancangan jangka masa panjangnya, begitu juga dengan perihal macam mana untuk kita meningkatkan SSL di Selangor. Untuk pengetahuan tuan-tuan sekalian untuk tanaman makanan ini sahaja, dalam negeri Selangor ini, penggunaan tanah hanya sekitar dalam 5 atau 6 peratus sahaja. Jadi perlukan satu kajian khususnya penggunaan teknologi-teknologi moden yang memberikan produktiviti perluas itu lebih tinggi. Jadi itu saya kira nanti, saya kira setelah selesai Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor nanti, ada masa ruang untuk kita berkongsi secara bersama. Untuk Selangor *Fruit Vallley*, saya kurang pasti dari sudut maklumat yang terkini, yang mungkin dalam pengetahuan Ijok. Mungkin dalam tempoh yang terdekat ini, Ijok boleh melawat di Selangor *Fruit Valley*, yang saya kira dari sudut perkembangannya, *very tremendous*, sangat baik, dengan tanaman-tanaman, infrastruktur, tanaman herba ada di sana, rusa ada di sana juga. Tanaman-tanaman yang diusahakan oleh usahawan tani, penuh dan sebagainya. Jadi saya mengalu-alukan Ijok untuk datang ke Selangor *Fruit Valley* untuk melihat. Dan dalam tempoh akan datang, tak silap ingatan saya dalam 2017, pertengahan di mana akan dibuka untuk umum datang kerana Selangor *Fruit Valley* akan dilaksanakan agro pelancongan di sana.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Itu yang saya kemukakan tadi, penyelarasan antara kegiatan *STANDCO* Pertanian dengan GLC, PKPS, kerana Selangor *Fruit Valley* adalah di bawah PKPS.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : So persoalannya, untuk pengetahuan PKPS adalah sebahagian daripada *STANDCO* Pemodenan Pertanian dan Industri



Asas Tani yang memang, masa ke semasa memang kita sentiasa berhubung rapat. Dan sebenarnya banyak program-program yang kita buat secara bersama, perbincangan secara bersama, yang saya kira kalau kita mengikuti penggulungan dan jawapan-jawapan saya di Dewan, kita lihat di mana PKPS banyak membantu untuk menyelesaikan beberapa isu dengan pertanian itu sendiri. Juga untuk Selangor *Fruit Valley* sebenarnya di peringkat *STANDCO*, kita turun bersama-sama, walaupun Selangor *Fruit Valley* di bawah kelolaan PKPS itu sendiri. Jadi semua *STANDCO* kita dah turun, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian, UPEN, secara bersama dan hubungan di antara agensi dan juga jabatan yang sangat rapat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya ingin bertanya, saya rasa EXCO belum lagi menjawab soalan saya tentang perkembangan daripada program kebun komuniti. Yang saya tanyakan tadi bukan isu tanah atau pun TOL tetapi saya bertanya tentang keberhasilan atau hasil-hasil yang telah didapati. Sekarang yang banyak, yang baik ini, sebenarnya ke mana kah kita boleh pasarkan, ataupun apakah usaha pertanian untuk memasarkan produk-produk ini ataupun usaha jabatan pertanian untuk membuat produk-produk *up-stream*, contohnya kalau di seksyen 20 itu, ada tanaman roselle, contohnya. Apakah usaha bantuan dan sebagainya, khidmat nasihat yang boleh diberikan. Selain daripada mungkin tempat pasaran usaha tani yang telah diusahakan oleh komuniti bandar ini. Jadi kena ada satu. Kalau tidak, usaha yang dibuat oleh kebun komuniti di seluruh bandar-bandar ini, jadi satu pembaziran. Sebab produk dah banyak lepas tu, terbiar ataupun kering di pokok-pokok sahaja. Jadi itu soalan daripada saya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Batu Tiga berkaitan dengan kebun komuniti. Yang pertamanya dalam keadaan ekonomi pada hari ini, *living cost* yang tinggi, kita galakkan, kita makan apa yang kita tanam. Itu yang pertamalah. Yang keduanya bila berlakunya lebihan, sebenarnya di sana ada, di Selangor ada beberapa pusat pengumpulan, walaupun *limited*. Yang keduanya, yang ketiganya, seperti mana yang diumumkan oleh Bukit Antarabangsa, berkaitan dengan 2017, kita meminta beberapa PBT untuk mewujudkan pasar rakyat. Itu juga membantu di mana bukan sahaja petani-petani biasa tapi juga peserta-peserta kebun komuniti boleh terus memasarkan di pasar rakyat yang akan dibangunkan pada 2017. Dan di bawah program *STANDCO*, kita ada pasar agro. Pasar agro, yang sekarang ni kita telah mengintai tapak-tapak yang dataran niaga di setiap daerah di bawah *STANDCO* Pembangunan Desa untuk dinilai. Dan mana pasar agro ini adalah, kita akan buka ruang kepada para petani, khususnya juga kepada peserta-peserta kebun komuniti ini untuk memasarkan terus ke pasar-pasar agro yang telah pun kita kenal pasti untuk di adakan tahun ini kita ada satu sahaja di Gombak. Dan mungkin dalam tempoh sebulan dua ini, ada satu lagi di Bagan Terap. Dan pada tahun hadapan banyak lagi tempat-tempat yang kita tengah lihat untuk kita adakan pasar *agro*, bagi membolehkan, seperti mana yang disebutkan tadi, pengguna boleh *direct* membeli,

daripada petani, dan petani boleh terus menjual tanpa daripada, tanpa pencelahan oleh orang tengah.

**TUAN Pengerusi** : Jadual B. 8 - iaitu wang sejumlah **RM22,756,726.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Enam Ribu Tujuh Ratus Dua Puluh Enam)** untuk Kepala B. 8 Jabatan Pertanian menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. DIPERSETUJUI**.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B. 9 – Pejabat Tanah dan Galian, **RM23,261,846.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Juta Dua Ratus Enam Puluh Satu Ribu Lapan Ratus Empat Puluh Enam)**.

**TUAN Pengerusi** : Pandamaran.

**Y.B. Tuan Tan Pok Shyong** : Terima kasih, Tuan Speaker, saya merujuk kepada muka surat 73, Butir Program 511000 Pendaftaran, Kod 20000, Perkhidmatan dan Bekalan. Saya ingin membangkitkan satu masalah yang kini di hadapi oleh semua peguam sebenarnya kerana kita baru sahaja di minta oleh jabatan kastam untuk mengenakan GST ke atas *filing fees* di mahkamah dan juga fee perserahan, iaitu *presentation fees*. Yang kita maksudkan bagi pihak anak guam kami ke dalam pejabat tanah. Atas hanya satu alasan bahawa kerana resit yang dikeluarkan oleh pejabat tanah, dia dikeluarkan kepada firma peguam. Jadi dia kata yang salah satu keperluan dalam *guideline* yang diberikan oleh Jabatan Kastam adalah, sekiranya dia boleh dikategorikan sebagai satu *disbursement* yang mana boleh dapat mengecualikan GST, ia *invoice* ataupun resit perlu dikeluarkan atas nama anak guam terus. Jadi atas alasan itu, kita rasa sangat tidak adil kerana itu bukan satu perkhidmatan sebenarnya yang diberikan oleh pihak peguam. Kerana kita hanya memasukkan ataupun menyerahkan bagi anak guam kami. Tetapi bayaran diterima daripada firma peguam. Jadi dia keluarkan resit kepada firma peguam. Tapi disebabkan itu, anak guam kita sekarang perlu bayaran GST. Dan kalau berbanding dengan *fee presentations* di Selangor dan negeri-negeri lain, saya difahamkan bahawa *fee* di Pejabat Tanah Negeri Selangor adalah lebih tinggi. Contohnya kalau dalam, kalau di Kuala Lumpur. Kesemua perserahan untuk pindah milik hanya RM100.00, tetapi di Selangor dia, berdasarkan harga belian. Jadi dia boleh sampai RM1,000.00 dan sebagainya. Kalau RM1,000.00 anak guam akan perlu membayar 6% iaitu RM60.00, hanya disebabkan resit itu bukan dikeluarkan terus kepada anak guam. Jadi, boleh saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri kerana di sebabkan oleh GST ini, pejabat, ke semua pejabat tanah di Negeri Selangor mengeluarkan resit terus kepada penerima milik. Kerana yang biasanya yang menanggung kos pindah milik itu, penerima milik. Jadi, ini cadangan yang sama juga kita tak kemukakan kepada pihak mahkamah kerana juga atas alasan yang sama. Jadi itu sahaja cadangan saya yang ingin dibuat kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN PENERUS** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat yang sama, 511000 Pendaftaran juga. Iaitu berkenaan permasalahan di kawasan saya sendiri. Berkenaan dengan *master title* untuk dipindahkan kepada hak milik individu ataupun hak milik strata. Saya ingin membangkitkan permasalahan di Putera Perdana. Taman Putera Perdana ini seperti mana yang kita maklum, telah pun diambil alih oleh Kerajaan Negeri akibat daripada pemaju yang telah tidak dapat meneruskan perniagaan mereka contohnya TALAM Corporation. Dan Kerajaan Negeri telah sudah mengambil alih liabiliti dan aset untuk TALAM Corporation ini. Jadi, Kerajaan Negeri juga sudah mendapatkan hasil dengan program-program merakyatkan ekonomi Selangor. Berjuta-juta juga diperolehi untuk aset-aset yang diambil daripada TALAM. Tetapi namun demikian, masih lagi terdapat banyak masalah di Taman Putera Perdana ini. Contohnya daripada 23 apartmen dan taman di Putera Perdana ini, yang melibatkan lebih 80,000 penduduk, masalah *master title* ini, masih lagi belum diuruskan, masih lagi terdapat apartmen-apartmen yang tidak dapat ditukar kepada *strata title*. Contohnya di taman ataupun Apartmen Teratai yang datang berjumpa saya untuk menyelesaikan masalah ini. Mohon Kerajaan Negeri ambil tindakan. Supaya selain daripada apartmen-apartmen, taman-taman juga boleh menyelesaikan masalah pindah milik daripada *master title* kepada *individual title*. Yang ini saya ucap terima kasih juga, seperti *La Cottage* itu juga telah diselesaikan, tetapi banyak lagi taman-taman lain yang belum diselesaikan.

Yang keduanya, berkenaan dengan Taman Putera Perdana juga. Juga melibatkan PTG. Yang mana, saya juga mengambil maklum tentang keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyelesaikan tapak balai polis, balai bomba dan pejabat pos di Taman Putera Perdana. Ini kemudahan-kemudahan awam ini di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi masih lagi juga belum diselesaikan pindah milik kepada Pentadbir Tanah Persekutuan. Jadi saya mohon Kerajaan Negeri mengambil keperluan-keperluan untuk penduduk di kawasan tersebut. Selain daripada itu, masalah *strata title* juga, yang mempunyai ataupun masalah-masalah *Master Title* juga tidak tukar kepada *strata title*, di Pangsapuri Taman Langat Murni, RTB Bukit Changgang. Yang ini dikatakan sepatutnya pemaju yang menyelesaikan masalah ini. Pemaju sudah dikatakan tak ada duit. Dan penduduk di situ dah hampir 15 tahun, sukar nak menjual rumah, sukar nak menukar hak milik kepada orang lain. Disebabkan oleh pemaju tidak mempunyai kewangan untuk menyelesaikan masalah ini. Itu di Pangsapuri Taman Langat Murni di RTB Bukit Changgang, mohon Kerajaan Negeri juga untuk membantu menyelesaikan masalah penduduk di situ.

Yang ketiga, juga masalah yang sama di Taman Lestari Permai. Yang ini tempatnya berdekatan dengan Seri Kembangan, tapi masih lagi masuk lagi dalam kawasan DUN Dengkil, dalam kawasan PBT Majlis Perbandaran Sepang, masalah isu *Master*

*Title* Fasa 1A, yang belum selesai, juga menjadi masalah kepada penduduk di dalam kawasan tersebut. Itu sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Kalau kita lihat dalam belanjawan tahun lalu dan tahun ini, ada satu peruntukan khas diminta oleh PUU, sebagai ganti rugi kerana kita kalah di mahkamah. Saya dapati ini kerana kecuaiannya pegawai-pegawai kita dalam menyelesaikan masalah tanah. Dan Kerajaan Negeri telah kalah di mahkamah. Dan terpaksa bayar ganti rugi, saya rasa Kerajaan Negeri kena memberi perhatian khusus pada kes-kes begini. Satu kerugian kalau Kerajaan Negeri saman di mahkamah dan kita kalah di mahkamah.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik, kod mana tadi yang Kota Anggerik bangkitkan?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Rujuk kepada 72, apa ini haa.. Saraan Hidup. 200 perbelanjaan dan perjalanan berkaitan kakitangan PTG.

**TUAN SPEAKER** : Dengan keputusan mahkamah? Saya rasa langsung tidak berkaitan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tidak. Kakitangan telah cuai dalam pengendalian dalam kes-kes tanah menyebabkan Kerajaan Negeri di saman.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan muka surat 72, kod 11 000 dan 10 000, gaji dan upahan serta emolument. Di mana sebagai Wakil Rakyat saya masih belum mahir lagi apabila isu Pentadbir Tanah Daerah dan PTG. Tapi pada masa-masanya DO boleh memberi keputusan dan ada masanya di tujukan kepada PTG. Adakah kaedah-kaedah tertentu yang perlu diperkemas lagi gerak kerja ahli rakyat di setiap tempat. Keduanya, apabila penduduk memohon tanah, prosesnya lama kadang-kadang. Kadang-kadang ada yang cepat. Boleh tak? kalau ikut peraturan yang ada, akta yang ada, undang-undang yang ada Kerajaan Negeri melalui PTD/PTG menyediakan senarai tahap-tahap tahun mana yang boleh mohon secara terbuka. Maknanya, isunya sekarang ini apabila rakyat memohon tanah, dia dapat tahu di situ ada tanah kosong tanah rizab kerajaan, rizab tanah Melayu seumpamanya, mereka mendakwa lambat diluluskan tapi apabila ditanya ada orang lain telah memohon. Jadi timbul isu subahat, dakwaan mereka bahawa kami yang memberitahu. Mereka bertanya dan kemudiannya ada audit dalaman yang mohon mereka dapat permohonan tersebut. Jadi kalau boleh di memperkemas lagi memberi sebagai penjelasan. Sebagai Wakil Rakyat saya perlu memberi penjelasan ini kepada rakyat di Hulu Kelang.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Vot B09, muka surat 72 50500010 berkaitan gaji dan upahan. Dalam konteks ini berkaitan PTG, Jabatan Galian dan Tanah Negeri Selangor saya ingin mengucapkan tahniah kepada PTG kerana PTG Selangor saya nampak pemantauan saya antara yang terbaik prestasinya, terbaik kerana dia menyumbangkan dalam Belanjawan 2017 anggaran 52% daripada tanah PTG dalam konteks di sini cukup baik saya beri pengiktirafan di sini ya. Dan seterusnya saya juga hendak tekankan, soal tadi sedikit Kota Anggerik tentang saman isu tanah, saya rasa tidak patut sangat pegawai kita dikatakan cuai dan dipersalahkan. Saya nampak ada beberapa kes, contoh-contoh sahaja, saya imbas lalu. Beberapa kes yang kita kalah berkaitan isu tanah adalah kerana arahan daripada pihak eksekutif di Pelabuhan Klang dahulu. Pelabuhan Klang sebagai Dato' Menteri Besar dahulu banyak memberi arahan digesa dan mengarahkan perjanjian kontrak yang disemak tidak betul, dia batal, batal, batal akhirnya kerajaan yang menanggung kerugian. Ini emosilah dalam konteks ini cuai Pelabuhan Klang ini. saya hendak tekankan jangan dipersalahkan kakitangan PTG. Dan seterusnya saya juga ingin tekankan dengan cadangan saya banyak-banyak fail, satu hari saya kira lebih dalam 1000 fail strata dan permohonan sebagainya di PTG. PTG kita tiap-tiap hari meriah di tingkat 4, tingkat 2, tingkat 3 penuh dengan pelanggan-pelanggan. Selangor ini rancak dengan ekonominya tak macam negeri-negeri lain, kadang-kadang PTG mereka satu bulan pun tidak sampai 500 fail. Tapi Selangor satu hari dekat 1000 fail. Nampaknya bebanan kerja itu besar. Bebanan itu besar. Saya minta Kerajaan Negeri boleh pertimbangkan bagi peruntukan yang lebih konteks sebab kakitangan cukup di PTG supaya urusan permohonan strata, *title* dan sebagainya, geran, dan sebagainya boleh diproses dengan cepat. Saya hendak puji sebab ada sistem apa nama *on line* carian cara talian (*on line*) ini sistem yang diperkenalkan oleh PTG. Satu *platform* baru yang sangat cepat. *Key in* nama, ic dan sebagainya kita tahu mana tanah-tanah kita. Mana tanah aset *property* kita. Di mana-mana. Ini satu penambah baik yang cukup hebat di PTG Selangor. Ini kita pernah dulu. Ini pendahuluan yang patut kita bagi kredit yang seterusnya saya nampak selalu wujudnya kelemahan iaitu bukan sahaja di peringkat PTG tapi sepatutnya PTG cepat. Lanjutan permohonan dan sebagainya urusannya cepat tapi kertas, kertas MMKN daripada Pejabat Daerah dan Tanah itu, lambat. Selalu di sana sangkut, dia tidak mengikut SOP. Walaupun SOP itu ada, ISO 90022 ada tetapi masa selalu terlajak. Terlajak, terlajak, terlajak permohonan rakyat di bawah nak sampai ke sini dia tidak boleh sampai, dia ada *gab*. Dia ada di situ jadi saya minta perkara itu dipertimbangkan dikemaskinikan ya, diperbaiki supaya kertas ringkasan atau pun kertas MMKN sampai di PTG ikut pada *time*, ikut kepada ISO 9002 ikut SOP yang dikenakan bukan tulis tema sahaja di situ tapi tidak sampai. Semak, tulis di situ tapi tidak sampai. Tak sampai. PTG menunggu. Kalau PTG di sini saya selalu nampak dia siap *on time*, ini pemantauan saya ya. Jadi itu perlu PTD/Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh 9 daerah ini perlu dipercepatkan.

Ya. Itu satu. Yang kedua, lanjutan daripada isu yang saya katakan tadi tentang, saya hendak buat cadangkanlah tentang Selangor kita menitikberatkan pendapatan dari hasil hartanah ini 52% ini. Dan saya nampak banyak tukar milik. Permohonan tukar milik rumah dan sebagainya tapi kita *duty stem*, itu semua diambil oleh Kerajaan Pusat / Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri kerja tidak nampak apa-apa pun, tidak nampak apa-apa pun. Jadi saya hendak cadangkan kepada Yang Amat Berhormat menambah baik, kita fikirkan boleh membuat satu kaji selidik. Fikirkan kalau ada penukaran nama, permohonan tukar nama, perjanjian jual beli untuk rumah kedua. Rumah pertama tidak perlu. Rumah kedua Kerajaan Negeri perlu mengenakan bayaran khas. Bayaran khas ini supaya untuk Kerajaan Negeri kerana saya nampak Kerajaan Negeri apa pun *ellek* (Tamil), tiada apa-apa tapi kerja banyak, kerja banyak semua hasil yang sebelah Pembangkang ambil. Ini tidak betul ni. Sini satu benda yang perlu kita perbetulkan. Jadi satu bayaran cas khas boleh dikutip kecil supaya hasil negeri boleh bertambah di sini. Jika saya jual rumah nombor dua, saya ada keuntungan saya bayar sedikit apa bayaran khas kepada Kerajaan Negeri saya sanggup tapi dengan syarat cepat, cepat, kita sanggup bayar sedikit untuk kerajaan tapi kalau ini benda banyak ia boleh menjana satu hasil tambahan kepada Kerajaan Negeri, ini saya minta ia diperhalusi dan seterusnya ada lagi satu perkara sebelum saya akhiri adalah berkenaan ada rungutan di Kampung-kampung Baru. Kampung-kampung Baru di Negeri Selangor ini premium lanjutan tanah Kampung baru ini dia agak tinggi kebelakangan ini. Dia semak dari tahun ke tahun setiap tahun Jabatan Penilaian ia dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan dia menilai makin tinggi, makin tinggi jadi ramai penduduk di Kampung Baru ia dapat waris daripada harta pusaka tanah-tanah rumah Kampung Baru ini secara turun temurun ini mereka merasa bebanan warisnya untuk membayar lanjutan yang begitu tinggi walaupun kita ada intensif 30% dan itu saya rasa mereka rasa kalau boleh premium itu diadakan kadar seperti dulu seperti RM1 X 1 kaki persegi atau RM2 X 1 kaki persegi kerana saya hendak beritahu PTG dan Kerajaan Negeri bahawa Kampung Baru, Kampung Baru ini dia ada ceritanya. Dia ada apa kronologinya, ada latar belakang sejarah yang berlainan dulu kenapa diwujudkan kampung baru. Diwujudkan Kampung Baru disebabkan waktu British dia hendak mengenggang komunis. Dulu kita dimarahi, komunis tidak boleh berkawan dengan komunis. Marah tahu. Marah komunis, jahat komunis, kita pembangkang dituduh komunislah macam-macam tapi sebelah sana sekarang kawan baik dengan Komunis. Sekarang salam-salam, berpeluk-pelukan dengan komunis oh... perkataan, fahaman komunis sebelah sana, fahaman komunis di negeri China dengan fahaman Komunis Malaysia itu berbeda, tapi mereka sekarang macam ni. Dia tuduh kita komunis. Tak apa itu soal Komunis. Soal komunis jadi ini cakap tak serupa bikin sebenar Barisan Nasional, UMNO sekarang terpaksa menuntut dengan Komunis. Sekarang saya hendak beritahu soal Kampung-kampung Baru ini, soal Kampung Baru ini jadi ia ada sejarah yang tersendiri, keunikan yang tersendiri, orang kampung terpaksa tinggalkan kampung halaman kampung baru ia menjadi keunikan di Negeri Selangor dia tidak banyak saya harap Yang Amat Berhormat timbangkanlah ya dengan kadar yang munasabah. Munasabah supaya satu kaki RM 1 atau RM2 jangan tiap-tiap tahun

naik. Mereka walaupun ada 30% diskaun mereka rasa beban juga. Saya minta ini diperhalusi. Jadi saya rasa untuk PTG ini saya minta PTG teruskan kerja kuat tambah hasil untuk negeri Selangor dan ganjaran yang sepatutnya diberikan kepada PTD, PTD atau pun PTG. Khususnya PTD yang mencapai kutipan yang melebihi sasaran. Bagi insentif, satu insentif khas kepada mereka kerana mencapai sasaran tunggakan, capai yang kita hendak. Tunggakan itu penting, dalam tuntutan tidak dikutip kita tidak dapat hasil. Terima kasih ya.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Pengerusi, saya rujuk. Ijok rujuk kepada muka surat 73, butiran 511000, kod 10 000 dan 20 000. Masalah tanah sangat ketara di Ijok, yang legasi daripada Barisan Nasional sekarang telah mengalir atau pun sampai kerajaan sekarang, saya harap sebab banyak tanah-tanah mereka menunggu ukuran untuk mendapatkan tanah. Ini satu masalah di Pejabat Saya tiap-tiap minggu dibanjiri oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan saya sebut kawasan Kampung Seri Sentosa, Kampung Seri Aman, Kampung Seri, Kampung Keretapi yang dulunya telah dijanji akan mendapat tanah tapi sampai sekarang asyik-asyik apabila saya rujuk ke Pejabat Daerah dia kata tanah itu belum habis diukur atau belum lagi di *survey*. Sampai bila? Ini telah menimbulkan masalah besar saya haraplah dan sebab-sebab dia kata kekurangan kewangan dari UPEN ke Pejabat Daerah. Kalau kekurangan jika hendak dipercepatkan saya syorkan bolehkah syarikat ukur secara persendirian buat ukur mempercepatkan daripada kita menunggu kan kerajaan apa, pejabat kerajaan untuk hendak lengkapkan ukuran itu. Dan yang keduanya saya memang setuju dengan Sekinchan telah membangkitkan tentang premium di Kampung Baru. Kadang-kadang premium yang dinaikkan kadar tidak munasabah, sangat-sangat tinggi dan ini akan membebankan penduduk-penduduk atau pengusaha tanah di Kampung-kampung Baru lebih-lebih lagi kawasan Ijok. Sekian. Saya harap kerajaan akan pertimbangkan, mengurangkan premium di Kampung-kampung Baru. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Bahas terakhir. Paya Jaras.

**Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Tuan Pengerusi saya mengambil bahagian dalam perbincangan. Pada pagi ini saya hendak pergi kepada perkara-perkara polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, rakyat di bawah secara umumnya membandingkan kalau urusan tanah ini di antara kerajaan yang lama dengan kerajaan yang baru setelah 2008 rata-rata menyatakan bahawa ada polisi yang telah diletakkan sebagai terlalu ketat dan tidak mesra rakyat. Saya melihat di antara perkara yang saya hendak sentuh adalah masalah pada 27 Julai 2016 telah dikeluarkan satu pekeliling berkenaan *summary rejection* terhadap semua permohonan-permohonan tanah yang dikemukakan bagi tanah yang tidak diusahakan atau tidak dibangunkan sebelum 2008. Kadang-kadang UMNO / Barisan Nasional mengajar kita dalam kerajaan lama bahawa ADN ini adalah orang yang

menasihati untuk membangunkan DUN masing-masing. Kadang-kadang Tuan Pengerusi, kadang-kadang orang mari kepada kita dan ada perkara asas untuk kita bantu mungkin orang ini orang susah orang yang perlukan kediaman, kadang-kadang kita keluarkan surat sokongan tetapi ada surat DUN yang sampai ke Pejabat Tanah kadang-kadang ada sebahagiannya kita dijawab dengan surat *summary rejection*. saya rasa kalau bolehlah Kerajaan Negeri bagilah muka sikit kepada ADN-ADN ini. Kita keluar surat, kita ADN tiba-tiba dapat *summary rejection* dan disain oleh pegawai bawah pula tu. Lihat merit yang kita kemukakan. Kadang-kadang ada rumah yang didiami 30, 40 tahun dahulu. Dulu tidak dinamakan rizab. Sekarang dinamakan rizab. Dulu dia tidak dinamakan jalan sekarang dia namakan jalan. Kadang-kadang kita berniat untuk membantu orang-orang ini apa salah kalau kita *elocate* orang-orang ini ke tempat, mungkin tanah yang kosong yang sesuai untuk didiami itu sebab kita menyokong.

Saya merasa hairan kalau ada pekeliling *summary rejection* mengapa di kaunter permohonan boleh mohon pula. Dibenarkan permohonan, borang diberi bila rakyat serah borang ke Pejabat Tanah diterima borang tetapi jawapannya *summary rejection*. Tidakkah ini seolah-olah macam tidak berapa nak kena. Kalau *summary rejection* tidak boleh tutup kaunter jangan bagi jual borang, kalau begitu. Tetapi kita tidak mahu ke arah begitu, kita mahu kerajaan sekarang ini dilihat sebagai mesra, membantu rakyat. Kalau sekarang ini Skim Selangorku oleh membuat rumah di atas tapak tanah sendiri. Kita bagi tanah kepada orang makcik, pakcik, *uncle*, *aunty* yang susah ini, kita bagi dan bantu dia bina rumah. Sekarang ini kita lihat bahawa kita mempunyai masalah daripada definisi rizab dulu tidak dinamakan rizab, sekarang dinamakan rizab. Suka tidak suka mahu tidak mahu rumah itu dah ada, kadang-kadang 20, 30 tahun mungkin sehingga 40 tahun dahulu. Apa salah kalau kita buat pemutihan kerajaan pernah menyebut bahawa kalau jalan itu rizab JKR walaupun walau pun rizab sungai tetapi sekiranya JPS atau pun JPS atau pun JKR atau pun Pejabat Tanah merasakan tidak digunakan tanah itu dia boleh beri pelepasan untuk diberikan geran. Jadi saya minta kerajaan menilai balik pertama polisi *summary rejection* ini yang kedua polisi-polisi tentang kita nak membangun tanah. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menyebut dalam bajet bahawa premium menyumbangkan sebahagian besar dalam pewartaan Negeri Selangor. Tetapi saya rasa kita perlu melihat kepada perkara ini. Perkara tol yang dibenarkan di dalam beberapa perkara saya minta kerajaan mengambil kira pandangan ADN-ADN kita tentang tanah yang nak diberi tol ini. Kalau semua orang datang minta tol, orang daripada negeri-negeri lain daripada Johor, Kelantan, Kedah ke tiba-tiba minta tanah tol diberi tol. Saya harap peranan ADN mesti dilibatkan dalam perkara-perkara tol ini. Jangan nanti kita bagi surat sokongan tidak dilihat orang lain datang pula diberi tol. Ini perkara-perkara yang menimbulkan ke tidak manis dalam pentadbiran di peringkat ADN itu sendiri. Dan seterusnya saya nak bangkitkan tentang *task force* dulu PTG membentuk satu pasukan *task force* untuk mengkaji kedudukan enam kampung di Paya Jaras iaitu Jalan Rahiden di Paya Jaras, hilir TNB dan beberapa kawasan dalam enam kawasan Paya Jaras. Maklumat diterima adalah permohonan



bertindih di antara satu blok dengan yang lain. Saya lihat kadang-kadang isu pertindihan ini adalah satu kaedah untuk tidak nak proses permohonan. Kalau tanah itu dah ada rumah bertindih macam mana pun kita kena bagi pada orang yang ada rumah dan tanah tersebut. Kalau bertindih macam mana pun kita kena buat keputusan memberi kepada yang hak supaya ini selesai kalau tidak kita seolah-olah berlari diri daripada isu perkara bertindih, struktur bangunan tidak selari dengan pelan, permohonan meliputi kawasan rizab dan pelbagai. Dan saya rasa perkara ini seolah tidak ada penamatnya kalau kita tidak tangani masalah yang dibangkitkan ini. Tentang *master title* saya minta bantuan PTG untuk melihat bandar baru Sungai Buluh yang dibina oleh MK Land dahulu yang sekarang projek dan syarikat tersebut di bawah liquidity. Saya lihat kerajaan mengeluarkan satu kaedah untuk membantu mereka ini, ada dah bayar penuh pinjaman, ada yang masih dalam pinjaman bantu mereka untuk mendapatkan geran-geran tanah mereka ini dan ada beberapa perkara saya melihat perkara-perkara tentang ada Pemaju di Taman Bukit Indah yang mana projek itu telah selesai tetapi rupa-rupanya pada zaman UMNO dahulu projek ini dimulakan tanpa ada kelulusan pelan yang sempurna. Kita kena lihat balik, kena selesaikan masalah baik memang banyak kerja, memang sebagaimana Sekinchan kakitangan kita *opt pay* tetapi ADN-ADN sedia membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada dalam urusan tanah ini, Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI** : Baiklah sekarang saya jemput pihak kerajaan untuk memberi maklum balas

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Tuan Pengerusi izinkan saya memberikan maklum balas awal tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang pertama daripada Yang Berhormat Pandamaran yang telah membangkitkan isu peraturan baru GST yang dikenakan pendaftaran. Untuk makluman Yang Berhormat urusan pendaftaran di PTG tidak mengenakan sebarang GST dan fee pendaftaran yang dikenakan adalah berdasarkan kepada KTS Kanun Tanah Selangor. Walau bagaimanapun peraturan baru yang telah dikenakan oleh pihak persekutuan ini akan diteliti oleh pihak PTG dan kita akan melihat bagaimana ianya tidak akan membebankan kepada anak guam.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Boleh saya bagi penjelasan sedikit.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ya.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG** : Sebenarnya bukan PTG yang perlu mengenakan GST tetapi selepas peguam membayar bagi pihak anak guam, apabila bila peguam ingin mengutip balik bayaran itu, peguam perlu mengenakan GST ke atas anak guam jadi dia kena bayar GST pada peguam, peguam perlu bayar kepada Jabatan Kastam.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Ya itu yang saya maksudkan tadi di peringkat PTG memang tidak dikenakan bayaran GST namun kerana peraturan ditetapkan oleh pihak persekutuan dan PTG saya sudah minta untuk mereka menyemak perkara itu. Ini kerana kita tidak mahu membebankan kos tambahan kepada anak guam. Yang Berhormat Dengkil telah membangkitkan isu pengeluaran hak milik strata daripada hak milik induk yang melibatkan beberapa taman seperti Taman Putera Perdana, Taman Lestari Permai dan juga Taman Langat Murni. Memang Kerajaan Negeri sedia maklum dan menyedari beberapa projek perumahan ini belum lagi dikeluarkan strata *title* kerana ianya berpunca daripada beberapa masalah yang sebahagiannya telah disebut oleh Yang Berhormat Dengkil sebentar tadi. Ada sebahagian pemaju telah pun menggulung tikar, ada sebahagian daripada pemaju yang tidak lagi membayar premium kepada Kerajaan Negeri dan ini memang mungkin dasar pentadbiran kita iaitu yang mengeluarkan kebenaran merancang kepada pemaju-pemaju yang berkenaan walaupun mereka belum membayar premium. Dasar hari ini telah mereka perlu menjelaskan premium sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri sebelum kebenaran merancang dikeluarkan. Maka perkara-perkara seperti inilah yang telah melengahkan pengeluaran hak milik strata daripada hak milik induk. Walau bagaimanapun PTGS dan juga PTG yang berkenaan sedang mengambil tindakan kerana akhirnya pemaju yang perlu mengemukakan permohonan untuk hak milik strata di setiap hak milik unit yang berkenaan dan sekiranya pemaju melengah-lengahkan untuk mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa negeri maka kita sedang mengemukakan satu tindakan tegas terhadap pemaju-pemaju berkenaan. Walau bagaimanapun perkara ini memang dalam perhatian Kerajaan Negeri supaya urusan niaga hartanah tersebut tidak berlaku kelewatan ataupun gangguan semasa yang akan datang. Yang Berhormat Kota Anggerik membangkitkan ganti rugi di Mahkamah memang ianya satu beban tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekinchan kita tidak boleh membebankan hanya kepada pegawai-pegawai kerana beberapa keputusan itu juga dibuat di peringkat negeri. Yang Berhormat Hulu Kelang telah membangkitkan tentang macam mana kita nak hapuskan tanah-tanah kerajaan khususnya memang benar kita mengambil sikap yang terbuka untuk memastikan sebarang cadangan di mana-mana Pejabat Tanah Daerah untuk melupuskan tanah-tanah kerajaan mestilah dipamerkan dan dibuat secara terbuka supaya mereka yang berminat ke atas tanah tersebut boleh menyertai proses pembidaan bagi tanah-tanah yang berkenaan. Yang Berhormat Sekinchan ada menjelaskan beberapa program penambahbaikan urusan tanah di peringkat Kerajaan Negeri, saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Sekinchan mengambil maklum tentang ini inisiatif yang telah dan akan dijalankan. Walau bagaimanapun ada perkara yang dibangkitkan kertas maklum balas daripada Pejabat Tanah dan Daerah lewat sampai ke PTG. Cuma untuk maklumat Sekinchan sebahagian besarnya adalah berpunca daripada maklum balas yang perlu diterima daripada jabatan dan agensi teknikal sebelum kertas-kertas tersebut disiapkan dan dihantar kepada pihak PTG. Perkara ini telah memang ditegur terhadap beberapa jabatan yang mengambil masa yang terlalu lama untuk memberikan maklum balas teknikal sehingga melengahkan permohonan tersebut

dan saya berharap perkara ini tidak akan berulang masa yang akan datang. Tentang kampung tempoh lanjutan pajakan bagi Kampung baru di mana premium dan dikenakan agak tinggi termasuk Yang Berhormat Ijok membangkit perkara yang sama umumnya kita memberikan potongan 50 % terhadap premium lanjutan tempoh pajakan bagi kampung-kampung baru. Maka saya berharap Yang Berhormat Sekinchan dan Yang Berhormat Ijok dapat mengemukakan secara khusus mana-mana individu ataupun pemilik yang menghadapi masalah yang membebankan dari segi kadar premium berhubung lanjutan tempoh pajakan untuk kita ambil tindakan segera.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta sedikit penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berhubung dengan jawapan untuk premium lanjutan pajakan Kampung Baru, skim yang ada kerajaan beri ialah 30 % untuk 99 tahun 30 % potongan apa yang kerajaan luluskan pekeliling untuk rumah kedai. Kita ucapkan terima kasih saya bagi rakyat DUN Sekinchan dan seluruh Negeri Selangor mengucapkan terima kasih kerana memberi satu insentif yang tidak pernah berlaku di dalam sejarah di Negeri Selangor dan di negeri-negeri yang lain. Komisen khususnya diberi kepada kedai-kedai lama insentif sedemikian tetapi memandangkan tanah kampung baru ini ada 30 % sahaja. Jadi setiap tahun ulasan daripada Jabatan Penilaian itu makin bertambah, bertambah, bertambah maka 30 % mereka rasa tidak membantu sangat. Tadi Yang Amat Berhormat bagi tadi 50 % jadi saya nampak tadi, minta penjelasan di mana 50 % itu datang ya, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan, saya akan minta PTG mengemukakan surat pekeliling tersebut supaya perkara ini dapat diambil perhatian bagi kawasan-kawasan terlibat. Yang Berhormat Paya Jaras membangkitkan soal keresahan tentang *summary rejection* yang dibuat di peringkat daerah untuk makluman Yang Berhormat ini bukanlah satu keputusan yang dibuat di peringkat bawahan. Ini adalah keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang diambil tindakan oleh pegawai-pegawai di peringkat daerah. *Summary rejection* yang kita laksanakan ini adalah untuk mereka-mereka yang menerokai tanah selepas 2008. Sekiranya mereka telah menduduki di atas tanah kerajaan sebelum 2008 tidak timbul soal *summary rejection* kerana kita tidak mahu ada juga individu dan pihak yang mengambil kesempatan dengan meneroka tanah-tanah ini selepas tahun 2008. Sebahagiannya tidak pun mempunyai sebarang bangunan ataupun aktiviti atas tanah tersebut tetapi bagi mereka yang telah menduduki tanah kerajaan dalam satu tempoh yang begitu lama sebelum 2008 memang ada satu dasar untuk menimbangkan permohonan tersebut dan kita memberikan kadar premium yang amat rendah bagi mereka yang memiliki tanah tersebut. Sekiranya ada bangunan ataupun aktiviti di atas tanah yang telah diterokai sekian lama yang

melibatkan tanah-tanah rizab khususnya rizab sungai sudah tentulah Kerajaan Negeri akan berusaha untuk *reallocate* kerana kita tidak boleh memberi hak milik ke atas mana-mana tanah rizab kerajaan. Kerana itu akan mengganggu pembangunan jangka panjang.

**TUAN PENERUSI** : Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sila duduk sebentar. Dewan perlu bersidang semula. Baiklah jam telah menunjukkan 1.00 tengah hari maka saya tangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula, kita perlu bersidang sebagai Jawatankuasa sekarang. Baiklah saya jemput Bukit Antarabangsa untuk sambung penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi saya telah pun selesai memberikan *respon* kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dan ada beberapa perkara lain yang ditimbulkan saya telah minta supaya pihak PTG memberikan maklumat secara bertulis kerana beberapa perkara yang dibangkitkan agak spesifik tentang kes-kes tertentu tetapi pada dasarnya saya telah pun memberi *respon* kepada perkara yang berbangkit, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(9) iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia 23,261,846.00 untuk kepala B(9)-Pejabat Tanah dan Galian menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Dipersetujui. Jadual B(10) Jabatan Perhutanan RM 24,746,604.00

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Puan Pengerusi

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu, lima minit

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran (505000) Kod Objek (11000) Gaji dan Upahan saya nak saya mohon penjelasan mengenai penambahan RM1.38 juta ini di atas Dasar Baru 2017 mengapa tiba-tiba menambah begitu banyak wang iaitu 1.5 kali ganda daripada dasar yang sedia ada saya telah meneliti senarai perjawatan 2017 dan mendapati bilangan jawatan tidak bertambah yang (2) saya rujuk kepada Butiran (56000) yang belakang Operasi Hutan Kod Objek 29000 Perkhidmatan Ikhtisas saya mohon perbelanjaan ini digunakan untuk di kawasan yang berhampiran hutan untuk mencantas atau menebang pokok teduhan yang dikategorikan sebagai *No Mens Trees* dengan izin, kita pernah dengar *No Mens Roads* yang mana jalan yang terbiar dan tidak dikawal selia oleh mana-mana pihak seperti JKR, JPS, PLB atau Pihak Berkuasa Tempatan *No Mens Trees* adalah pokok entah di tanam oleh burung atau pun siapa-siapa tetapi pendekatan dengan rumah orang kampung atau pun perumahan baru yang berdekatan hutan. Bila penduduk mengadu pokok terlalu besar atau mungkin tumbang pada bila-bila masa maka pening lah Ketua Kampung kerana Pihak Berkuasa Tempatan akan memberi alasan bahawa pokok itu bukan di bawah kawal selia mereka bagi penduduk mereka tak kira PBT ke JKR ke JPS ke PLB ke asalkan tindakan segera diambil bagi menyelesaikan pokok teduhan yang mereka mengadu. Terdapat beberapa kes pokok teduhan tumbang dan merosakkan

harta benda penduduk dan kemudahan awam di Kuala Kubu Baharu maka saya mohon Jabatan Perhutanan yang mempunyai kepakaran boleh membantu rakyat terutama di Hulu Selangor bagi menyelesaikan pokok-pokok bahaya ini, sekian terima kasih.

**TUAN Pengerusi** : Damasara Utama

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat (77) (560000), Pengerusi saya hanya ingin berkata sedikit tentang Jabatan Perhutanan di mana saya mendapati bahawa kelulusan dalam kelewatan untuk Jabatan Perhutanan telah melambatkan Projek Mitrigasi Dua merujuk kepada penyata JPK Kertas Bilangan 82 / 2015 dan saya dengan ini dengan lebih spesifik lagi kelulusan kelewatan ini telah mengakibatkan melambatkan kerja-kerja di SSP 3 pakej 3 untuk memasang paip sepanjang 1.8 kilometer merentasi Taman Botanik Shah Alam. Kebelakangan ini saya juga mendapat maklum balas daripada pasukan daripada Projek Langat 2 dan juga menghadapi sekatan yang sama harap kerajaan boleh mengambil maklum sebab projek-projek loji rawatan air setelah dibuat kena pemasangan banyak paip dan banyak paip ini akan merentasi hutan-hutan di Selangor atau pun di bawah kawalan Jabatan Perhutanan saya minta supaya Jabatan Perhutanan boleh mengambil maklum memastikan bahawa permohonan untuk pemasangan paip sangat kritikal tidak boleh lambat dan supaya kita boleh mengelakkan kelewatan projek loji rawatan air. Sekian sahaja.

**TUAN SPEAKER** : Teratai

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Puan Pengerusi, Teratai merujuk kepada muka surat ke (76) Butiran (505000) Kod Objek (110000) Teratai hanya ingin merakamkan terima kasih kepada Pengarah kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor atas tindakan cepat atas aduan yang telah saya laporkan tempoh hari itu. Seterusnya Teratai merujuk kepada muka surat yang ke (77) Butiran (560000) yang mana merupakan operasi hutan Teratai ingin mengetengahkan keperluan penduduk-penduduk di Teratai khususnya bagi para pendaki bukit yang mana mereka telah mendaki Bukit Saga atau pun Bukit Apek sangat lama dalam tempoh sejak lebih sepuluh tahun yang lepas. Akibat daripada sebahagian Bukit Sungai Puteh telah dikeluarkan daripada hutan simpan ia telah menyebabkan pendaki-pendaki bukit berasa sangat kecewa jadi apa yang berlaku ialah pendaki-pendaki bukit memang mereka faham atas dasar pembangunan dan kemudahan sememangnya Kerajaan Negeri Selangor akan memasukkan kemudahan-kemudahan untuk meringankan kesesakan lalu lintas dan yang lain. Akan tetapi mereka berharap supaya hutan simpan yang melibatkan yang mempunyai pokok-pokok yang besar itu dapat dikekalkan yang mana pokok-pokok itu mengambil masa yang mungkin lebih daripada ratusan tahun untuk membesar sehingga dia menjadi satu tumbuhan yang unik kepada merupakan satu aset penting untuk dalam Negeri Selangor. Selain daripada itu dengan kenaikan harga barang memang aktiviti mendaki bukit

merupakan satu aktiviti yang baik dan secara semula jadi supaya menaikkan penduduk-penduduk kita orang sebagai manusia dengan alam semula jadi. Jadi saya berharap supaya Kerajaan Selangor dapat menimbangkan supaya dari Bukit Saga, Bukit Apek dan Bukit Sungai Puteh mengekalkan tempat untuk pendaki-pendaki bukit supaya mereka dapat meneruskan aktiviti riadah dan juga aktiviti mendaki bukit yang merupakan salah satu amalan hidup mereka.

Selain daripada itu, bagi hutan merupakan satu tadahan air yang penting jadi selalunya kita mendengar ada banyak tempat berlaku banjir kilat. Hutan merupakan satu tempat yang untuk tadahan air yang mana terdapat mengurangkan kejadian banjir mungkin banjir kilat di kawasan-kawasan setempat jadi Teratai berharap supaya Kerajaan Selangor dapat mengambil serius apabila memberi pertimbangan terhadap projek-projek Kerajaan Pusat seperti mana lebuh raya atau pun timbunan yang telah berlaku di sini. Memang terdapat memorandum yang telah dihantar

**PUAN Pengerusi** : Teratai ini adalah bajet perbekalan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Jangan sentuh, isu pembangunan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Ya Puan Speaker, maka Teratai berharap supaya kerajaan mengambil hasrat atau pun penduduk dalam apabila mereka menjalankan mengambil tindakan atau pun bertindak. Teratai juga ingin merujuk kepada butiran Program aktiviti pembangunan memang sebelum ini memang daripada permintaan penduduk Teratai pernah meminta supaya Kerajaan Selangor menjadikan Bukit Saga sebagai satu tempat pelancongan yang mana selalunya ramai bukan sahaja penduduk Teratai tetapi ramai agensi Kerajaan yang menjalankan latihan di kawasan Bukit Saga, jadi Teratai berharap supaya apabila Kerajaan Selangor menjalankan atau pun Jabatan Perhutanan Negeri Selangor apabila membuat sesuatu keputusan atau pun menjalankan satu pembangunan Teratai berharap supaya Jabatan Perhutanan Selangor dapat mengambil serius tentang hasrat dan juga pandangan penduduk terdapat memorandum telah dihantar dalam tahun ini yang mana terdapat 8000 penduduk yang memang membantah supaya hutan, Bukit Sungai Puteh dikeluarkan daripada hutan simpan dan Teratai berharap supaya Jabatan Perhutanan Selangor dapat mengadakan satu pendengaran dan mendengar bantahan atau pun alasan atau pun kebimbangan penduduk atas cadangan untuk mengeluarkan Bukit Sungai Puteh kepada hutan simpan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Puan Pengerusi saya merujuk kepada muka surat (77) Butiran Program (560000) Emolumen dengan peningkatan sedikit daripada pada tahun lepas RM12,658,537.00 saya ingin

menyentuh tentang dasar yang telah diamalkan sebelum ini iaitu menggalakkan penduduk yang tinggal di kampung yang berhampiran dengan hutan untuk mengusahakan tanah hutan sebagai tanaman buah-buahan dan sebagainya yang ada di Hulu Kelang dekat dengan Bukit Tabur dan dekat dengan mendaki ke atas itu adalah kuasa pemerintahan pentadbiran Kerajaan dulu sebelum Pakatan Rakyat selepas BN Menteri Besarnya telah menganjurkan penduduk yang tinggal di Kampung Klang Gate yang berhampiran untuk memajukan mengusahakan tanaman buah-buahan dan seorang satu ekar dan ada yang telah mendapat geran 17 orang di kalangan hampir 80 orang tidak mendapat geran. Itu telah saya bawa dalam sidang dewan pada sesi yang lepas lagi yang ada pada hari ini adalah tentang masa pentadbiran Pakatan Rakyat Pakatan Harapan iaitu tanah yang berada di kawasan berhampiran dengan kawasan Kampung Kemensah pernah 30 tahun dulu digalakkan agar orang kampung bertanam dengan tanaman buah-buahan tapi sekitar tahun 2008 atau 2009 tanah itu telah digazetkan sebagai tempat tadahan air, dan hutan simpan kekal. Jadi persoalan saya adakan di sana ada dasar saya telah tanya soalan ini dasarnya yang penting tanah rizab Melayu dikekalkan pada sekian peraturan tertentu dan boleh dipindahkan ke tempat lain. Adakah kerajaan boleh menimbangkan sekiranya penduduk mahu mendapat hasil daripada tanaman mereka itu, agar tanah yang asalnya itu sebagai Kampung Sungai Telaga telah menjadi hutan simpan kekal ditukarkan dengan satu kawasan lain dan tempat itu dilupuskan dan di hak milikan kepada peneroka, sekian itu yang ingin saya cadangkan.

**TUAN SPEAKER** : Bahas terakhir, Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Puan Pengerusi, saya menarik perhatian Dewan Vot B(10) muka surat (76) perkara 505000 berkaitan dengan 11000 Gaji dan Upahan tentang Jabatan Perhutanan ini. Puan Pengerusi bahawa kita sedia maklum Negeri Selangor kita berbangga kerana kita terus mengekalkan kelestarian kehijauan hutan khazanah

hutan kita dalam keadaan terkawal di mana 31% kehijauan kita kekalkan sampai hari ini. Ini komitmen Kerajaan Negeri baru ini. Kerajaan Negeri sejak 2008 dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana tak ada sebarang aktiviti pembalakan yang dilakukan untuk menjana hasil kepada negeri. Selangor tak perlu bergantung pada aktiviti pembalakan untuk menjana ekonomi Selangor pada masa yang sama saya menarik perhatian dewan yang mulia ini berkaitan dengan isu-isu pembakaran oleh hutan paya gambut yang sebelum ini menjadi isu khususnya dalam waktu ketika musim El-Nino dan sebagai. Mutakhir ini kita nampak isu ini sudah terkawal dan berkurangan tak ada pembakaran yang tidak terkawal. Ini satu kejayaan, satu penambah baik oleh Jabatan Perhutanan. Saya harap perkara ini terus dapat dipantau keberkesanan sedemikian supaya pembakaran-pembakaran khusus oleh hutan paya gambut ini dapat dikawal ke tahap minimum. Pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini berkaitan dengan



hutan simpan Sungai Karang khususnya di belakang Sekinchan ini ada hutan simpan Sungai Karang di situ adalah hutan paya gambut. Kawasan tadahan air yang cukup penting untuk penanaman sawah padi di daerah Sabak Bernam, di Sekinchan Jelapang Padi ini. Jadi saya minta perlu dipantau oleh Jabatan Perhutanan supaya pastikan kawasan ini tidak diceroboh dan sebelum ini ada masalah tentang kawasan-kawasan tertentu diceroboh oleh penduduk di teroka untuk penanaman kelapa sawit dan sebagainya. Saya harap benda seperti kelapa sawit dapat diminimumkan sebab kelapa sawit ini sejenis tumbuhan ini memerlukan air yang banyak. Air yang banyak jadi ia akan menjejaskan air di hutan simpan Karang dan sekali gus akan menyebabkan air di sungai Tinggi dan sebagainya paras air akan menurun seperti yang saya tegaskan kepada EXCO Pertanian sesi pagi tadi. Oleh sebab itu peranan Jabatan Perhutanan dalam konteks ini sangat penting untuk memastikan kawasan tadahan air ini terus membekalkan air yang mencukupi kepada kawasan jelapang padi ini. Pada masa yang sama saya juga ingin menarik perhatian tentang sesetengah tempat khususnya di Kampung Sungai Bagan Janggut ada kawasan tertentu yang rizabnya adalah hutan simpan paya bakau. Tetapi masih ada diterokai oleh penduduk sejak sekian lama dan mereka duduk di situ mereka ingin mendapatkan hak milik tetapi ada kekangan kerana di situ hutan simpan dan sebagainya. Isu ini berlanjutan sehingga hari ini saya rasa belum ada mencapai satu keputusan maka saya meminta Jabatan Perhutanan boleh keluar sedikit warta yang sedikit supaya kampung di situ isunya dapat diselesaikan kerana ia sudah berpanjangan kerana perkara ini dapat diambil maklum oleh Jabatan Perhutanan dan Kerajaan Negeri untuk penyelesaian kampung di Sungai Janggut tersebut. Pada masa yang sama menyentuh sedikit tentang hutan paya bakau ini di persisiran pantai negeri Selangor penuh dengan hutan paya bakau. Ini penting dan perlu dipelihara dan aktiviti pencerobohan menebang pokok-pokok paya bakau ini mesti dipantau. Kita tidak mahu ada sindiket yang cuba melakukan penebangan dia akan menjejaskan ekosistem di kawasan persisiran pantai. Semuanya perlu pemantauan yang ketat. Saya harap dapat dilakukan secara terbaik oleh Jabatan Perhutanan. Sekian sahajalah untuk Jabatan Perhutanan Tuan Pengerusi.

**TUAN PENERUSI** : Baiklah pihak kerajaan untuk memberi maklum balas. Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker dan juga pembahas-pembahas. Saya mula dengan seruan daripada Kuala Kubu Baru untuk Jabatan Perhutanan Negeri Selangor menjaga kawasan-kawasan yang di gelar sebagai *no mans land* ataupun *no mans tree*. *Man* ye bukan *women*. Jadi saya pada hari ini saya hanya boleh jelas kepada dewan yang mulia ini Jabatan Perhutanan Negeri Selangor hanya jaga kawasan yang diwartakan sebagai hutan simpan. Kalau di luar hutan simpan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ataupun JPNS memang tidak boleh melangkah ke kawasan-kawasan lain kerana ia mungkin melibatkan pihak PBT dan kerajaan, rizab sungai, rizab jalan, hak milik persendirian dan sebagainya. Jadi lebih baik kalau Kuala Kubu Baru boleh memberi kita lokasi

kerana di negeri Selangor memang tidak ada *no mans land* atau *no mans tree*. Sudah tentu ada pemiliknya atau orang yang diberi tanggungjawab untuk menjaganya. Kalau kawasan di bawah PBT ataupun Pejabat daerah memang kita boleh mengawasi dan melihat kalau terdapat aduan. Saya juga ingin menekankan kerja Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bukan untuk mencantas pokok. Itu saya rasa adalah kerja PBT. Kerja JPNS adalah untuk menjaga pokok, memelihara pokok dan juga kalau boleh memulihara kawasan hutan simpan yang dirizabkan. Soalan kedua yang dibangkitkan oleh KKB tentang mengapa ada kenaikan dan sebagainya nanti saya akan beri secara bertulis. Damansara Utama juga telah membangkitkan isu kelewatan kelulusan. Untuk makluman Damansara Utama dan juga dewan yang mulia ini Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bukan sengaja nak melewatkan apa-apa kelulusan tetapi semua syarat-syarat untuk permit penggunaan sebagai contohnya harus dan mesti ditepati sebelum satu permit penggunaan dikeluarkan. Tidak kira projek ini adalah projek yang sangat *urgent* dengan izin atau tidak semua syarat-syarat mesti ditepati sebelum permit dikeluarkan. Maka nanti kira juga akan semak kerana saya juga terima aduan yang sama khasnya untuk Langat 2. Tetapi untuk Projek Langat 2 saya difahamkan ada sebahagian syarat itu belum ditepati maka kita tidak membenarkan Jabatan Perhutanan untuk mengeluarkan permit penggunaan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Nak minta penjelasan daripada Y.B. EXCO di mana kalau semua dokumen sudah siap apakah KPI yang di mana kelulusan akan diambil.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Setelah semua dokumen disiapkan maka serta-merta kalau satu dokumen ataupun separuh dokumen tidak lengkap maka kita tidak akan keluarkan permit penggunaan. Saya difahamkan saya ada dapat maklumat 2 minggu yang lepas ada satu isu yang berkenaan dengan tentang Langat 2 memang syarat-syarat itu tidak dipenuhi 100%. Memang kita akan bantu, bukan kita tolak sahaja tetapi kita beri pandangan, kita beri bantuan nasihat iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor supaya pemohon-pemohon itu dapat memenuhi semua syarat kerana hutan simpan adalah satu kawasan sensitif alam sekitar. Kalau ada sedikit kelonggaran maka memang ada kesan yang tidak baik kalau tidak dikawal secara teliti. Yang Berhormat Teratai telah bangkitkan isu yang sangat dekat dengan beliau iaitu khasnya untuk pendaki-pendaki yang suka buat dengan izin *trekking* dekat Sungai Putih, Bukit Saga dan sebagainya. Untuk makluman dewan yang mulia ini Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tidak sewenang-wenangnya mahu keluar apa juga kawasan Hutan Simpan. Kalau nak keluar pun kita mengambil perbandingan sebagai contohnya kita perlu lihat adakah projek infrastruktur kebangsaan yang penting perlu melalui hutan simpan. Biasanya kalau boleh kita tidak mahu apa-apa projek infrastruktur untuk melalui hutan simpan. Tapi kadangkala kita terpaksa kerana pilihannya seperti ini. Kita boleh melalui kawasan perumahan orang, kawasan perkampungan orang dan menjejaskan rumah dan juga hak milik mereka ataupun kita boleh cari satu *middle point* dengan izin iaitu satu penyelesaian yang mengurangkan kegelisahan penduduk-penduduk khasnya

pemilik-pemilik rumah di mana kita boleh menggunakan sebahagian ataupun sempadan *the boundaries* dengan izin daripada hutan simpan dijadikan untuk laluan infrastruktur. Jadi saya nak tekankan bukan kita secara terbuka nak bagi kawasan hutan simpan. Kita selalu menentang sekuat-kuat boleh di mana jua. Walau bagaimanapun kalau kita rasa ada kepentingan awam dan adalah penting untuk projek itu jalan maka kita akan memberi laluan tetapi dengan syarat juga. Satu adalah kita mesti ada pendengaran awam seperti mana yang kita dapat syarat tersebut dalam Akta Perhutanan Negara (Negeri Selangor). Keduanya mesti ada tanah gantian kalau tanah itu diberi milik dan kebiasaannya kita memohon pemilik projek ataupun pemohon projek mengganti kawasan hutan yang lebih besar daripada kawasan yang diambil. Ketiga, soalan daripada Hulu Langat saya pernah dengar kes ini juga iaitu penanaman buah-buahan di kawasan hutan simpan yang dijalankan 20-30 tahun yang lalu. Setakat ini kita tidak ada rancangan untuk mengeluarkan kebun-kebun tersebut daripada rizab hutan simpan seperti yang saya telah sebut kalau kita nak dikeluarkan daripada Warta Hutan Simpan maka pemilik ataupun pemohon tersebut perlu ganti tanah tersebut jadi memang saya rasa susahlah untuk penduduk-penduduk di kawasan perkampungan khasnya untuk mencari tanah atau membeli tanah untuk mengganti tanah tersebut. Di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Selangor kita juga ada program menanam pokok-pokok buah-buahan tetapi matlamat penanaman pokok-pokok buah-buahan yang sebenarnya adalah untuk fauna iaitu untuk haiwan yang duduk dalam hutan simpan. Kita juga membenarkan secara dasar hak untuk merayau dan juga mengutip buah-buahan dari kebun yang terdapat dalam hutan simpan kepada orang asli khas sahaja untuk orang asli kerana mereka ada hak yang tertentu dalam akta orang asli dan juga disebut dalam beberapa Warta Kawasan Rayau. Akhirnya Yang Berhormat Sekinchan telah membangkitkan dua perkara yang spesifik iaitu pembakaran hutan simpan gambut khasnya di Sungai Karang ataupun dekat Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor kerana hutan simpan Sungai Karang ia luas dan juga dia macam *join* dan ada kongsi sempadan dengan hutan simpan Raja Musa. Saya ada berita yang baik untuk dewan yang mulia ini iaitu minggu depan ada satu macam *exhibition* di London di mana mewakili negara Malaysia Untuk *Canopy* Khas Commonwealth di mana majlis tersebut akan dibuka oleh Ratu United Kingdom Queen Elizabeth II Hutan Simpan Raja Musa diberi pengiktirafan untuk mewakili negara Malaysia. Sebagai satu contoh pengurusan hutan yang bagus khasnya di Malaysia. Jadi kita semua pun rasa bangga di mana Hutan Simpan Raja Musa diberi pengiktirafan tersebut. Walau bagaimanapun, kita tidak berhenti dalam usaha untuk menjaga Hutan Simpan Gambut khasnya di Sungai Karang dan juga Raja Musa. Kita pada tahun ini kita boleh lihat ada beberapa kes pembakaran Hutan Gambut yang sangat besar tetapi bukan di Sungai Karang ataupun di Raja Musa tetapi di tempat lain, di luar Negeri Selangor dan di luar negara Malaysia. Kita telah melaksanakan beberapa teknik untuk mengurangkan pembakaran hutan simpan gambut termasuk pembinaan ban, *check dam*, kita pastikan walaupun musim El-Nino pada tahun ini tetapi dekat Sungai Karang dan Raja Musa tahap air yang meliputi hutan tersebut tahapnya tinggi kerana kita telah buat *check dam* bukan semasa musim kering tetapi semasa musim

hujan iaitu sebelum El-Nino berlaku. Itu adalah satu cara di mana kita buat dengan izin *water management* untuk mengurangkan pembakaran di hutan gambut.

Akhirnya juga daripada Yang Berhormat Sekinchan iaitu Hutan Simpan Bakau satu isu yang berkenaan Kampung Sungai Janggut. Bukan sahaja di Kampung Sungai Janggut tetapi ada beberapa kampung khasnya Bagan di mana di Sabak Bernam dan juga Kuala Selangor di mana mereka sudah lama duduk dalam kawasan yang diwartakan sebagai hutan simpan. Setakat ini kita tidak ada dasar untuk mengeluarkan kawasan tersebut dan juga mengeluarkan hak milik dalam hutan simpan tetapi dengan kerja yang sangat menyeluruh daripada Yang Berhormat Seri Kembangan memang ada beberapa cadangan untuk menyelesaikannya. Mengapa kita tidak mengeluarkan Hak Milik khasnya Hutan Simpan Bakau sekarang kita cakap bakau bukan gambut kerana kawasan Hutan Simpan Bakau yang di pinggir laut dan juga sungai adalah penting untuk menahan khasnya kalau ada air pasang yang sangat tinggi, kalau ada apa-apa masalah yang berlaku di pinggir laut ataupun di pinggir sungai, maka ini adalah satu rintangan yang amat-amat diperlukan. Kita jangan tunggu sehingga ada tsunami ataupun air pasang besar baru kita nak tanam pokok bakau. Kita ada cukup tetapi pendapat Jabatan Perhutanan Negeri Selangor masih tidak cukup lagi jadi kita perlu tambah lagi Hutan Simpan, Bakau.

Dan akhirnya Tuan Speaker, saya ingin maklum kepada Dewan ini bahawa pada 24 November kita akan ada satu Program Penanaman Pokok bakau besar-besaran di mana Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan akan mencemar duli ke kawasan paya bakau untuk mengadakan satu program penanaman pokok besar-besaran dan saya berharap semua Yang Berhormat akan masukkan dalam jadual supaya kita boleh sama-sama dapat menjayakan program tersebut. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B10 iaitu wang sejumlah RM 24,740,604.00 untuk kepala B10 Jabatan Perhutanan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B11 – Pejabat Mufti RM3,894,615.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B11 iaitu wang sejumlah RM RM3,894,6015.00 untuk Kepala B11 - Pejabat Mufti menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B12 – Jabatan Kerja Raya RM 126,031,684.00.

**TUAN SPEAKER** : Tolong pastikan tidak menyentuh isu pembangunan ya. Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Pengerusi, saya hanya ingin membangkit tentang isu yang di muka surat 85; 513000 – Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Raya. Batu Tiga ingin *highlight* atau ingin naikan satu isu yang mana isu penyelarasan bagaimanakah sebenarnya pihak JKR menyelaraskan semua jalan yang sebenarnya bila ia dimiliki oleh dua agensi, satu agensi daripada *federal* dan satu agensi dari pihak Kerajaan Negeri iaitu JKR Negeri. Contoh yang ingin saya bawa adalah di Jalan Jubli Perak. Jubli Perak adalah satu jalan yang agak panjang, jumlah jalannya atau panjang jalannya adalah 11,816km. Ianya daripada hujung ke hujung tetapi ia meliputi pelbagai agensi yang akan menyenggara jalan ini. Jadi persoalan yang ingin saya timbulkan untuk Jalan Jubli Perak ini, JKR Negeri memiliki 4,042km daripada 11,000 km jalan tersebut. Pihak *federal* JKR *Federal* pula bertanggungjawab kepada 1,012km Jalan Jubli Perak ini. Persoalan yang timbul adalah setiap kali ada apa-apa perkara berbangkit di dalam menguruskan Jalan Jubli Perak ini kita dapati pihak PBT atau jalan PBT, JKR Negeri telah pun melaksanakan tanggungjawab yang baik, cepat dan cekap dalam menguruskan penyelenggaraan Jalan Jubli Perak ini. Malangnya pihak JKR *Federal* yang hanya 1km ini pengurusannya telah mengabaikan jalan ini. Jadi saya ingin menimbulkan persoalan, apakah pihak JKR tak kiralah bagaimana kaedahnya untuk menguruskan jalan ini kita mengharapkan supaya ada satu perbincangan yang baik daripada 11,000km panjang jalan ini yang perlu diuruskan kita tidak mahu ada satu jalan yang terabai yang mana nanti kesannya kepada Kerajaan Negeri nampak jelas sebab ini jalan utama jalan yang penting jadi saya nak juga mencadangkan supaya pihak Jabatan Kerja Raya duduk semula untuk melihat mungkin dengan pihak Perbendaharaan untuk mungkin mengambil jalan sepanjang 11,012km ini untuk dimasukkan di dalam dijadikan jalan negeri. Jadi tidak lagi timbul persoalan siapa yang akan menguruskannya dan kalau lah pihak semua Yang Berhormat keluar daripada Tol EBOR jalan yang saya namakan ini adalah keluar sahaja dari Tol EBOR ke kiri nak ke Batu Tiga kita lihat jalan itu terabai. Hanya 1km sahaja tak la panjang jadi kalau lah kesan kewangannya tidak membabitkan saya berharap ada satu penyelarasan untuk ianya dimasukkan sama ada di dalam jalan negeri atau pun diserahkan kepada perbandaran. Itu sahaja Pengerusi, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Pengerusi, muka surat 84; 50100 Gaji dan Upahan. Pertamanya terima kasih kepada JKR Selangor yang telah mulakan kerja-kerja untuk naik taraf Jalan Mokhtar Dahari. Keduanya ialah soal seluruh kerja-kerja pembangunan di Negeri Selangor dikendalikan oleh JKR. Apakah JKR punya kemampuan untuk mengendalikan semua tender yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan? Pengalaman yang lepas, prestasi pembangunan agak rendah dan tahun hadapan kita akan tambah pembangunan, jadi soalnya samada tak cukup *staff* atau budaya dalam JKR sendiri yang mana saya dapati semua kerja-kerja baik di JAIS atau di SUK adalah dikendalikan JKR. Jadi saya harap JKR dapat mempertingkatkan kecekapan. Saya cadangkan kalau boleh

tender-tender tu selesai sebelum bulan Mac ataupun bulan Jun, *by Jun* semua *job will take off*. Di Kota Anggerik sebuah sekolah agama (SRA) sampai sekarang di Denai Alam belum lagi tender. Saya diberitahu Disember baru tender sedangkan bajet lulus tahun lepas. Jadi patut bajet tahun ini tapi bajet tahun depan digunakan. Jadi teguran saya pada JKR ialah supaya kecekapannya, kita tahu berapa jumlah *job nya* dalam setahun, berapa jumlah *staff* yang ada. Jadi supaya kecekapan JKR dapat dipertingkatkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Puan Pengerusi. Saya sedikit sahaja tentang JKR. Merujuk kepada muka surat 87; 505100 JKR Petaling. Saya pernah membangkitkan isu lampu jalan di hadapan Petron FT54 cuma saya mewakili seluruh penduduk Paya Jaras dan kumpulan 47,000 kami di Paya Jaras ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada EXCO dan khususnya kepada Jurutera Jalan, Saudara Saufan Haron kerana dalam tempoh yang singkat selepas ucapan saya itu telah naik 6 tiang, kita minta 3 diberi 6 di jalan tersebut. Alhamdulillah, terima kasih. Dalam hal yang lain juga FT54 ini dan jalan yang sibuk sekarang ini cuma ada perkara lain yang saya minta bantuan untuk dilihat dari segi penyelenggaraan jalan terutama isu berkenaan dengan jejantas lintas yang merbahayakan, sangat merbahayakan di hadapan Petron Bandar Baru Sungai Buloh di samping saya minta JKR mempertimbangkan mengadakan satu lagi lampu isyarat di persimpangan jalan keluar Jalan Haji Baie daripada Kampung Paya Jaras Ulu yang melibatkan ribuan penduduk setiap pagi di situ. Satu perkara yang lain saya minta tentang tanah JKR di *coolie line* Bukit Darah. Pernah Jabatan Kerja Raya ini adalah tanah milik JKR dan diwartakan di bawah Jurutera Negeri. JKR Pusat pernah meminitkan bahawa tanah ini hendaklah diberi serah kepada setinggan-setinggan setempat tetapi sehingga kini daripada tahun saya ingat 80an sehingga hari ini tanah tersebut belum lagi dibatalkan wartanya untuk diproses kepada pemilikan penduduk-penduduk setinggan yang merupakan bekas-bekas pekerja JKR daripada dua tiga keturunan yang lalu. Itu sahaja Puan Pengerusi.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya ada dua isu, yang pertama ialah muka surat 85 perkara butiran program 513000 – Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Raya terutamanya penyelenggaraan jalan raya. Di sini saya ingin bertanya banyak jalan JKR sekarang adalah sebahagian daripada kawasan perbandaran. Mungkin satu masa dulu dia adalah kawasan perhubungan antara bandar ke bandar tetapi sekarang dia sudah menjadi tepu bina di sepanjang jalan raya di Shah Alam, Puchong dan sebagainya. Kenapa pula JKR tidak serah jalan ini kepada PBT? Saya rasa lebih sesuai, lebih

senang nak *follow up* kalau semua jalan raya ini diserahkan kepada PBT masing-masing, jalan negeri ini diserahkan kepada PBT supaya dapat disenggara oleh PBT.

Itu yang pertama, yang kedua apa yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Kota Anggerik ini saya rasa tidak wajar berlaku yang kelewatan JKR untuk membuat pembinaan sebab semua program ada perancangan. Saya nak tanya ada tak pegawai Jurutera JKR sendiri yang membuat kerja-kerja *design* dan tender ataupun konsultan pihak luar? Saya tahu JKR memang ada konsultan dari pihak luar untuk sesetengah projek. Kalau ada konsultan luar memang tidak timbul isu kelewatan. Jadi ada tak cukup pelantikan konsultan luar ataupun *management problem* konsultan luar ataupun memang beban kepada pegawai ini terlalu banyak. Tolong bagi penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Vot B12 50500 Bahagian Gaji dan Upahan. Berkenaan dengan JKR ni saya ingin timbulkan berapa perkara yang penting khususnya berkaitan dengan Lebuhraya Tengah, perancangan Lebuhraya Pantai Barat (WCE), *West Coast Expressway* dengan izin baru-baru ni satu berkenaan dengan keselamatan, keselamatan yang dilakukan oleh pihak kontraktor di mana satu insiden kematian berlaku baru-baru ini dalam surat khabar kita nampak sepasang suami isteri maut akibat daripada jentolak itu terbalik dan sebagainya ini dari segi keselamatan, secara umumnya. Sekinchan juga DUN Sekinchan juga terlibat dengan jajaran menaik taraf Jalan Persekutuan 5 yang dilintasi WCE ini. Jadi dari soal keselamatan ini kita amat prihatin kita minta Pengarah JKR dapat menjadi koordinasi supaya memantau kerja semasa. Ya terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Sekinchan, mohon mencelah. Sekinchan, Lebuhraya Pantai Barat projek *federal*. Saya difahamkan keseluruhan pembangunan itu tidak dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri tidak tahu pun apa yang dibuat di situ. Jadi pandangan Sekinchan adakah perlu mereka melaporkan kepada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Negeri berhak untuk masuk terlibat dalam pembangunan sebab bila berlaku kemalangan, ia melibatkan orang Selangor tetapi kita tidak boleh masuk ke projek-projek *Federal*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Yang Berhormat Kota Anggerik yang prihatin tentang isu keselamatan juga di mana kita mintalah ada penyelarasan di antara Kerajaan Negeri khususnya di antara JKR Negeri dengan JKR *Federal*. Tujuan kita sama iaitu untuk memberi infrastruktur yang terbaik untuk rakyat. Pada masa yang sama, kita juga membela, mempertahankan hak rakyat. Jadi soal pembangunan di Negeri Selangor, ia tidak memberi maklum dan sebagainya kita harap perkara ini tidak berlaku supaya pihak Negeri dimaklumkan dan dia juga diberi hak dalam Jawatankuasa Bersama. Ada satu Jawatankuasa Bertindak Bersama

memantau. Jangan kerana ini projek *Federal* dan sebagainya, akhirnya pandangan, idea dan sebagainya, teguran daripada Kerajaan Negeri diketepikan. Ini tidak sewajar berlaku. Berbalik kepada insiden yang berlaku, kematian itu, kita simpatilah. Takziah kepada keluarga. Tetapi yang penting Dewan yang mulia ini, kita minta dalam pelaksanaan kerja-kerja ini, soal keselamatan itu harus dipertingkatkan. Jangan kerana kita nak mengejar jadual kerana takut ada kelewatan, kena penalti, kena *fine* dan sebagainya, kita abaikan keselamatan dan akhirnya jadi mangsa orang Selangor, pengguna jalan raya dan sebagainya. Ini cukup penting ya. Di DUN Sekinchan, sepanjang jajaran ini sekarang tengah sibuk buat penambahan, pindah longkang ke dalam dan kita nampak ia telah menimbulkan soal keselamatan. Jadi saya minta soal keselamatan ini dititik berat. Ini satu.

Yang kedua, dalam kerja-kerja WCE ini ia melibatkan banyak pemindahan utiliti, paip air dan sebagainya, kabel dan sebagainya, Telekom. Akhirnya ia juga menjejaskan rutin harian penduduk sekitar khususnya di Pekan Sekinchan. Kebelakangan ini, terlalu kerap bekalan air terganggu, terputus akibat jentolak, jengkorek dan sebagainya, *excavator*, mengorek dan sebagainya. Selalu setiap hari boleh dikatakan terkena dan menyebabkan air terputus dan sebagainya. Saya minta pihak JKR dapat memantau agar kerja-kerja itu dapat dielakkan, cuba sedaya-upaya kurangkan gangguan tersebut ke tahap yang minimum. Ini yang kita harapkan dan juga dua belah Jalan Persekutuan 5 di Pekan Sekinchan khususnya daripada Balai Polis, *traffic light* dan sebagainya. Kedua-dua belah sebelum ini ada lampu jalan pada waktu malam kerana kenderaan di situ terlalu sibuk. Waktu malam memang ada, khususnya di hadapan Bernas dan di hadapan Kilang Kee Hing semua ada dinyalakan lampu jalan. Oleh kerana projek ini datang dan belum sampai pun ke peringkat itu, tetapi lampu jalan terus tidak menyala sampai hari ini. Hari ini kita buat aduan ke JKR Daerah dan JKR Daerah kata ini kita dah serahkan kepada kontraktor WCE dan sebagainya. Akhirnya tiada orang yang ganggu, tiada orang yang *incharge*, yang terkawal. Jadi tak tahu siapa yang seharusnya bertanggungjawab memastikan lampu itu dinyalakan. Saya minta perkara ini juga dititik beratkan, diambil maklum ya bagi memastikan gangguan-gangguan sedemikian dikurangkan. Pada masa yang sama, Jalan Persekutuan 5 inilah, yang tadi pada sesi sebelah pagi saya telah timbulkan. Jalan-jalan berlopak, berlubang-lubang di Kapar dan sebagainya, ke Jeram pun macam itu. Jambatannya kedua-dua belah itu tidak rata. Semakin tidak rata menyebabkan bahaya kepada pengguna lalu lintas. Saya mintalah JKR dapat sampaikan kepada JKR Persekutuan. Perkara ini perlu segera dibuat. Jangan mengabaikan hak orang Selangor ini, hak pengguna yang datang dari pelbagai sudut. Ini penting.

Satu lagi perkara ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan jajaran WCE ini melalui pekan Tanjung Karang. Sampai hari ini saya rasa ada satu lagi peringkat belum muktamad lagi tentang jajaran tersebut. Jajaran tersebut ya. Saya minta perkara ini diputuskan oleh Kerajaan dengan segera dan pastikan kelancaran projek WCE ini cepat, *on time* supaya pengguna-



pengguna jalan raya akan mengelakkan daripada kesesakan yang sekarang kadang-kadang kita hadapi pada waktu-waktu kelepasan umum, hari Ahad dan sebagainya. Banyak aduan disebabkan jalan. Banyak *traffic light* di Kuala Selangor, di Tanjung Karang dan sebagainya menyebabkan perjalanan ke Sekinchan dan sebagainya kadang-kadang ambil masa sampai 3 jam. Ini perkara yang saya nak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dalam perbahasan kali ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang, pembahas terakhir.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya nak bawa tiga perkara. Pertama saya telah maklumkan dalam Dewan yang mulia ini tentang 2 projek di bawah JKR :-

- i) Baik pulih prasekolah JAIS di Taman Permata, telah diluluskan peruntukan sebanyak RM20,000.00.
- ii) Pembinaan masjid di Ukay Perdana yang telah diperuntukkan peruntukan RM7 juta.

Pelaksana projek adalah JKR. Saya telah nyatakan bahawa kita tidak kuarir tidak cukup duit, tetapi kita kuarir tentang kepantasan, kecekapan agensi untuk melaksanakannya. Untuk itu apabila telah di *complain*, dengan izin maka prasekolah itu telah selesai, telah siap tetapi masjid masih lagi tidak tahu nasib masa depannya di Ukay Perdana.

Kedua, tentang pengurusan *traffic light*. Saya ingin mencadangkan sekiranya ada perancangan sebagai operasi dalam peruntukan pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya, jambatan dan sebagainya di bawah aktiviti 513000 kerana peruntukan MARRIS saya difahamkan tidak boleh digunakan untuk membina *traffic light* dan ada keperluan di beberapa DUN khususnya di DUN saya. Sekiranya diwujudkan kerjasama di antara Agensi Negeri dan Jabatan Negeri dengan PBT, adakah kemungkinan dibina *traffic light-traffic light* di tempat-tempat yang diperlukan.

Yang ketiganya tentang kemudahan-kemudahan jalan yang semakin teruk. Saya ingin perhatikan iaitu di kawasan Pelabuhan Klang. Kalau boleh ia diperbaiki kerana ia merupakan penggunaan rakyat jelata. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas. Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Pengerusi, terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang telah menyentuh perihal B12, JKR. Yang pertamanya, berkaitan dengan Batu Tiga yang *highlight*kan beberapa jalan yang mungkin

sebahagian kecil di bawah *Federal* untuk diserahkan kepada Negeri. Ia perlu melalui prosedur kerana merujuk kepada Akta Jalan Persekutuan 1959, kita perlu bawa ke peringkat Jemaah Menteri dan sebagainya. Walau bagaimanapun, cadangan itu diambil untuk diteliti. Begitu juga, saya kira yang saling berkait, Bukit Gasing daripada jalan Negeri di bawah JKR untuk diserahkan kepada PBT juga akan dilihat dari sudut kaedah dan prosedurnya macam mana supaya permasalahan yang dibangkitkan itu dapat diselesaikan dengan baik.

Bagi saya kira Paya Jaras, terima kasih kembali. Cuma banyak perkara-perkara dibangkitkan tadi, FT54 itu *Federal*. Mungkin Paya Jaras mengambil ruang di sini untuk *highlight*kan berkaitan dengan permasalahan *Federal* yang saya kira telah pun dijawab dalam sesi pertanyaan dan penggulungan sebelum daripada ini.

Berkaitan dengan Kota Anggerik, dari sudut kemampuan mengendalikan projek atau pun tender-tender ini. Setakat ini masih lagi dalam istilahnya dalam kemampuan. Mungkin di sana sini, ada perkara-perkara yang menatijahkan kepada kelewatan dan sebagainya mungkin perlu dilihat secara spesifik. Seperti mana yang kita tahu bahawa dari sudut perunding, juruukur begitu juga dengan kontraktor, semuanya dilakukan oleh pihak-pihak ketiga, bukannya *direct* daripada JKR. Walau bagaimanapun, secara spesifik, projek-projek yang telah pun dinyatakan oleh Kota Anggerik tadi akan dilihat apakah punca sebenar sekiranya benar ada kelewatan di sana.

Sekinchan ada kaitkan berkenaan WCE. WCE adalah projek *Federal* yang di sana juga ada peraturan-peraturan seperti *Traffic Management Plan* yang sebagainya yang seharusnya diikuti, langkah-langkah keselamatan dan sebagainya. Sudah pasti sewajarnya, pihak yang menjalankan projek-projek WCE ini harus mengikuti segala garis panduan yang dinyatakan. Dari sudut jajaran, begitu juga dengan akibat daripada pemindahan utiliti dan sebagainya menyebabkan gangguan kepada penduduk dan sebagainya. Mungkin satu sudut, kita perlu lihat bahawa kesulitan pada hari ini adalah untuk kesenangan pada masa hadapan. Tapi walau bagaimanapun, kita perlu lihat supaya pihak kontraktor perlu mematuhi segala garis panduan-garis panduan dan sebagainya. Berkaitan dengan jajaran itu, sekarang masih lagi di peringkat Lebuhraya Malaysia perlu menyediakan T.I.A, S.I.A. dan sebagainya untuk dibentangkan kembali ke Negeri khususnya di MTES untuk kita muktamadkan dari sudut jajaran khususnya permintaan supaya tidak di *by pass*, dengan izin Bandar atau Pekan Tanjung Karang. Jadi kita akan tunggu nanti, LLM akan kemukakan kembali kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Satu lagi, *sorry*, minta maaf. Hulu Kelang. Hulu Kelang juga saya kira secara spesifik beberapa masjid dan juga sekolah tadi. Kita akan minta di peringkat JKR untuk melihat dan meneliti apakah punca-punca permasalahan atau pun kelewatan. Saya kira berkaitan dengan *traffic light*, jalan dan sebagainya boleh diuruskan dengan adanya siri-siri perbincangan di antara semua pihak khususnya yang

dinyatakan oleh Hulu Kelang peringkat JKR Negeri dan juga peringkat PBT untuk mengusahakan wujudnya *traffic light* yang boleh menguruskan masalah gangguan trafik. Terima kasih kepada semua.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B12 iaitu wang sejumlah RM126,031,684.00 untuk Kepala B12 Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata YA. YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B13 Jabatan Pengairan Dan Saliran – RM117,383,018.00

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan. Banyak masalah ya di Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya, ya, ya. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini berkenaan Vot 13 ini berkaitan dengan 50500 – Gaji dan Upahan daripada JPS ini. Memanglah masalah-masalah sentiasa ada kerana Selangor ini terkenal dengan kemajuan yang begitu pesat. Jadi apabila ada kemajuan, mesti timbul masalah-masalah tertentu. Kita kena selesai, kita kena bahas di dalam Dewan. Jadi pihak pembangkang mereka tidak ada kemajuan dan tidak ada pembangunan, jadi mereka lesu begitu sahaja. Itu bezanya antara Kerajaan Negeri dengan sebelah Kerajaan sebab peruntukan untuk pembangunan dari segi bajet di peringkat Persekutuan itu hanya 17%. Jadi mereka tak sibuklah, kita sahaja sibuk di sini.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan, terus kepada *point*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ya, kita teruskan ya. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu sedikit saringan ya, sedikit mukadimah dan saringan ini untuk jelaskan apa yang sebenarnya berlaku. Jadi soal JPS ini saya nak mintalah perhatian Pengarah JPS ini sebab peruntukan untuk tahun ini kepada JPS besar. Saya kluatir dengan limpahan pembangunan yang patut dilakukan oleh Agensi pelaksana ini saya takut kekurangan kakitangan mereka. Di setiap daerah, kadang-kadang hanya satu JD ya, Jurutera Daerah satu sahaja tetapi projeknya melimpah datang. Takut tak sempat, saya kluatir tak sempat untuk melaksanakan, mencapai KPI, prestasi perbelanjaan ya. Jadi perkara ini harus diperhalusi. Perlu tambah kakitangan atau pun macam mana perancangan itu kena dilakukan awal supaya kita dapat mencapai sasaran kita. Kita bagi permohonan lebih, peruntukan lebih. Boleh kita capai objektifnya, boleh kita *deliver*, itu penting dengan izin ya, itu satu.

Yang kedua, permintaan Sekinchan untuk kita mengadakan satu kunci air di Parit 5, Sekinchan ini oleh JPS kerana kita kluatir sekarang ini cuaca tidak menentu seperti

sebelum ini. Kita boleh ramal dengan lebih jelas, sekarang tidak menentu. Kadang-kadang air pasang dan sebagainya besar dan fenomena. Yang kedua, hujan berterusan dan kunci air sedia ada yang dibuat oleh IDAR dulu jadi gajah putih di situ. Tidak pun digunakan, rosak terus ya. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pun turun di kawasan, terjah di situ, tahu perkara ini. Jadi perkara ini kita minta supaya kunci air yang baru segeralah dilaksanakan di Parit 5 supaya penduduk di sekitar taman-taman dan kampung tradisi Melayu ini boleh keluar daripada igauan, kadang-kadang kekhuatiran itu ada, takut banjirlah air naik dan sebagainya. Itu untuk konteks, dalam konteks kunci air. Pada masa sama jalan, di Sekinchan Jaya di *traffic light* no 2 ya di Parit 6 Sekinchan longkang parit untuk menyalurkan air ke laut kedua tebing ini sudah lama, saya bangkitkan. 2 tebing ini dia sentiasa mengalami runtuh tanah dan sebagainya. Jadi saya minta pihak JPS sediakan peruntukkan lah buat satu *determine wall* dan sebagainya supaya dua-dua belah longkang itu dapat dikawal runtuh-runtuh ini, seperti apa yang dibuat di Meru, saya nampak di Meru di Meru ada satu longkang besar, satu projek besar ditaruhkan oleh JPS disitu *piling* nya dan sebagainya, tebingnya dibuat dengan begitu sempurna Meru pun begitu bahagialah. Tapi saya yakin Sekinchan pun akan dibuat akan datang menyusul kerana kita negeri pembangunan. Jadi perkasakanlah di Sekinchan parit 6 itu longkang itu dibuat. Jadi saya haraplah pihak JPS dapat ambil maklum permintaan daripada Sekinchan jadi saya pun tidak perkara ini sajalah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Hulu Kelang pun banyak masalah

**TUAN SPEAKER** : Bagi dua pembahas lagi....Sri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAN** : Terima kasih Speaker. Muka surat 96 ya dan kod bilangan ialah 20000 berikut Perkhidmatan dan bekalan. Saya minta ya saya telah bawa isu ini dalam DEWAN juga dengan perkara ini kepada pegawai perkhidmatan JPS. Saya harapkan bahawa tahun ini saya Nampak bajet kita pun sudah meningkat sampai RM125 juta untuk segala gunanya di seluruh Negeri Selangor tetapi kena bantuan kepada kawasan-kawasan kena bantuan kepada kawasan-kawasan yang selalu berada dengan banjir dan saya harap kerja yang kita nak nampak ialah bila sudah lulus bajet untuk kerja itu dilakukan dengan cepatnya dan kita boleh nampak *progress* projek itu di bawah. Masalahnya ialah yang saya bawak bajet yang lepas sudah dilulus tetapi sudah sampai ke hujung tahun ini tetapi belum nampaknya lagi. Walaupun katakan sudah ada tender dan sebagainya sudah masuk tetapi masih saya menunggu juga sebab saya nak Menteri Besar datang melancarkan projek itu tapi tak boleh lancarkan projek sebab belum lagi siap tender dan projek di dalam. Itu yang diberitahu pada saya. So saya mintak bahawa kakitangan di dalam JPS ini untuk mempercepatkan proses ini. Proses ini lama sangat ya.....untuk beri tender, dokumen *consultant* dan sebagainya. So saya minta, inilah yang satu saya minta walaupun negeri telah

bagikan bajet yang cukup yang kita nak tengok nampaknya projek ini dilaksanakan dengan cepatnya di bawah. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga

**Y.B. HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih tuan pengerusi. Batu Tiga hanya ingin membangkitkan isu yang berkaitan antara muka surat 93 dan 98. Butiran 530000 Teknikal di bawah jenis perbelanjaan 170000 dan juga 29000 iaitu isu yang berbangkit tentang menjaga kunci air. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kunci-kunci air di seluruh Selangor di seluruh Selangor sekarang ini telah pun dinaiktaraf tetapi kita lihat penjaga kunci air ini kebanyakan nya ia dijaga turun-temurun oleh satu keluarga. Maknanya kalau dia, bapak dia dulu atau datuk dia yang jaga bawak ke anaknya pergi ke cucunya dan sebagainya. Jadi saya nak mencadangkan supaya, tak pa yang menjagakan tu tak ada masalah kalau ianya turun temurun tetapi kita ingin, saya ingin mencadangkan ataupun ingin bertanya pada pihak kerajaan apakah kita ada satu latihan khusus kepada penjaga-penjaga kunci air ini supaya mereka memahami bagaimana dari sudut teknikalnya bagaimana dari sudut penaiktarafan kunci-kunci air ini boleh dioperasi dengan baik. Yang keduanya soalan saya kita kena menjaga juga kebajikan mereka sebab kadangkalanya bila musim-musim air pasang dan sebagainya mereka ni langsung tak ada cuti, 24 hours, 24 jam dengan izin yang mana ianya terpaksa menjaga tetapi kita lihat apakah mungkin kita boleh memberikan sedikit elaun tambahan pada musim-musim tertentu ini supaya mereka dapat menjaga kunci-kunci air ini dengan baik. Jadi itu dua soalan saya tentang penjagaan kunci air. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Tiga pembahas sahaja Sg. Air Tawar

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Belah, belah pembangkang ini kata Sekinchan tadi lesu, Ni saya bagi.....

**TUAN SPEAKER:** Nanti saya bagi nanti, untuk B yang lain. Baiklah Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Dan saya dapat rasakan bagaimana ahli-ahli Dewan teruja dengan peningkatan bajet dan kita juga sama-sama mengharapkanlah, mendoakan supaya segala perancangan dan pelaksanaan berjalan dengan baik. Terima kasih dengan Sekinchan khususnya yang berkaitan dengan sejauh manakah keupayaan kita untuk membuat pelaksanaan dengan bajet yang begini tinggi. Dan sudah pasti di peringkat jabatan sudah membuat perancangan yang terbaik, perancangan yang terbaik. Dan kalau kita lihat bahawa dari sudut peruntukkan yang naik secara mendadak 2015 peningkatan 79%, peningkatan dan sekali lagi 2016 2017 ni sehingga 68.70%. Sebenarnya dalam tahun lepas tahun 2016 kita telah menyelesaikan sebahagian besar lantikan perunding juruukur dan kerja-kerja reka bentuk dan sebahagian besar

juga hanya tinggal untuk pelaksanaan pada 2017. Lepas tu ahli Dewan mungkin nanti dalam pembangunan boleh lihat *allocation* semasa untuk 2017, untuk projek-projek yang tertentu. Sebab ada seperti mana yang mungkin agak silap faham di mana pada tahun ini 2016 bajet-bajet untuk reka bentuk yang telah pun di *allocate* kan perkara itu telah pun disempurnakan. Maka kita tunggu untuk 2017 untuk pelaksanaan. Dan saya juga berkongsi dan merasai kerisauan yang telah pun dibangkitkan oleh Sri Andalas. Jadi, Insya-Allah kita akan pastikan segala perancangan kita dapat kita jalankan dengan baik. Batu Tiga menyentuh berkenaan dengan Kunci Air. Terima kasih di atas keprihatinan khususnya berkenaan dengan kebajikan mereka. Yang terpaksa kerja sampai 24 jam dan sebagainya. Kalau kita lihat kepada....

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Minta penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara tak bangkitkan apa-apa tadi.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tapi ada ayat yang dia gunakan tadi saya nak penjelasan sikit. Ada kena mengena tapi tak ada bagi tadi. Sikit saja. Bukan bahas tapi nak sikit saja pasal pelaksanaan tadi tu.

**Y.B. TUAN Zaidy Bin Abdul Talib** : Ok, silakan, silakan..

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Saya lihat tadi peningkatan bajet tu meningkat untuk tahun ini memang baiklah tetapi tadi saya dengar Y.B. EXCO kata nak memastikan supaya pelaksanaan itu berjalan dengan baik. Kalau untuk bajet tahun lepas pun pelaksanaannya tidak baik, macam mana Y.B. EXCO nak memastikan bila bajet tu dah meningkat projeknya dah banyak Pelaksanaan tu akan bertambah baik.

**Y.B. TUAN Zaidy Bin Abdul Talib** : Terima kasih Kota Damansara. Mungkin Kota Damansara boleh perjelaskanlah yang dimaksudkan tidak baik tahun ini tu aspek yang mana

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Ya lah sebab tadi saya tak dapat kesempatan untuk nak, nak, nak bagi sedikit masalah yang timbul dalam kawasan saya. Contoh, bajet yang diberikan sebanyak RM21 juta untuk menaiktarafkan Sungai Pelempas di Kampung Melayu Subang. Sekarang dah tergendala berbulan-bulan. Ini contoh. Pelaksanaannya tak baiklah kan...sama macam tadi Sekinchan kata tadi oh dengan rasa bangganya kata Kerajaan Negeri Selangor bagus kan. Ini adalah salah satu daripada sifat pemimpin yang bongkok dan sombong tau. Macam mana bongkok dan sombong ni? Pertama cakap besar, kedua puji diri sendiri....

(pertengkingan antara Kota Damansara dan Sekinchan)

**TUAN SPEAKER** : Itu sebab, itu sebab saya tak benarkan. Bukan sebab saya nak menghalang ADN daripada berbahas tetapi masuk isu yang tak berkaitan. Kota Damansara ya. Taman Templer tolong teruskan, isu pelaksanaan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Ok terima kasih, terima kasih kepada semua. Saya mungkin mengambil sedikit untuk *highlight* kanlah supaya kita jelas bila mana permulaan projek bajet-bajet kita ni diluluskan. Dia ada beberapa proses yang perlu diikuti. Antaranya ialah lantikan perunding, lantikan juruukur, untuk siasatan tanah dan sebagainya. Ia mengambil masa kurang lebih tempoh dalam satu bulan untuk lantikan. Dan disana untuk menyediakan reka bentuk terperinci ni adalah kurang lebih lima bulan untuk kita tahu dari sudut *detail* dan akhirnya detail itu dia punya BQ nya boleh kita *transform* kan dalam bentuk tender *document*. Kita tak boleh terus nak tender nak laksana. Dia perlu ada lantikan perunding, juruukur dan dia akan *come out* dengan reka bentuk terperinci dan sebagainya dan itu dah ambil masa dalam enam bulan kemudian proses tender iklan penilaian *tender board* penilaian dan sebagainya kurang lebih dalam 3 bulan. Jadi proses itu tak dapat tidak mesti dilalui. Jadi selepas itulah pembinaan dan pelaksanaan dalam tempoh setahun ataupun setahun setengah ataupun dua tahun. Jadi *Insyallah* kita bersabar kita yakin dengan peningkatan bajet dan juga perancangan oleh *team* JPS khususnya ini mampu untuk melaksanakan dengan yang terbaik *Insyallah*.

Saya pergi pada Batu Tiga tadi tentang kunci air, tentang petugas-petugas yang telah pun diamanahkan untuk menjaga kunci air. Kalau kita lihat dari sudut bagaimana petugas ataupun pengawal kunci air ini telah pun memberikan khidmat yang cukup cemerlang sebenarnya dalam kita menghadapi fenomena air pasang besar baru-baru ini. Kalau bukan kerana kecekapan mereka sudah pasti akan berlaku banjir di beberapa daerah kerana air pasang besar itu akan masuk mengalir ke kawasan-kawasan yang rendah di beberapa daerah. Jadi Alhamdulillah saya kira khidmat mereka cukup cemerlang. Walau bagaimana pun berkenaan dengan latihan kursus dan sebagainya sudah ada dari masa ke semasa tapi mungkin dengan keprihatinan Batu Tiga tadi boleh dilihat semula antara sudut aspek-aspek yang lain perlu ditambah baik dari sudut latihan, kursus begitu juga dengan kebajikan sehingga 24 jam bertugas juga dilihat mungkin boleh kita bukan setakat elaun tapi juga dari sudut mungkin *moral support* emosi dan sebagainya perlu kita raikan. Terima kasih kepada Batu Tiga dan terima kasih kepada semua.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B13 iaitu wang sejumlah RM117,383,018.00 untuk kepala B13 Jabatan Pengairan dan Saliran menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Y.B. yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Y.B. yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B14 Jabatan Agama Islam Selangor.  
RM289,719,389.00.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan dulu, lima minit.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Pengerusi. Taman Medan ingin merujuk kepada muka surat 100 bawah kod objek 20000 Perkhidmatan dan bekalan. Taman Medan ingin bangkitkan isu pemantauan tanah milik JAIS, Jabatan Agama Islam Selangor. Ada tiga tapak yang di bawah kawasan Taman Medan. Satu Taman Medan ingin mengucapkan terima kasih kepada JAIS yang telah membenarkan tanah milik JAIS ni digunakan untuk kepentingan awam iaitu membenarkan dibangunkan gelanggang sukan untuk penduduk sekitar. Tapi isu yang ingin dibangkitkan oleh Taman Medan kali ini ialah tentang 2 tapak iaitu satu tapak yang sepatutnya digunakan untuk pembinaan surau tetapi tidak digunakan buat masa ini kerana mungkin dana kutipan tidak mencukupi tapi telah digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak mengikut undang-undang. Terdapat banyak gerai-gerai ataupun aktiviti jualan yang tidak mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Ini berlaku di tapak sepatutnya surau Istiklan di PJS1. Yang keduanya tapak sepatutnya dibina kubur tapi buat sementara ini telah disewakan kepada individu dan apa yang berlaku individu tersebut telah menjalankan aktiviti kitar semula tetapi yang menjadi masalah telah berlaku banyak kali pembakaran terbuka. Dan ini telah menimbul kacau ganggu kepada penduduk di kawasan tersebut. Walaupun amaran ataupun notis telah diberikan kepada pihak individu tersebut. Jadi Taman Medan mohon pada pihak JAIS untuk memantau tanah-tanah milik JAIS ini supaya tidak berlaku aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang dan juga menimbulkan masalah bagi penduduk sekitar. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Pengerusi

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPAR** : Saya merujuk muka surat 100 lagi sekali 5000 Gaji dan upahan. Pengerusi, saya dapati JAIS ni antara agensi yang punya banyak aset. Masjid-masjid, KAFA dan banyak pembangunan yang disediakan di JAIS. Tapi masalah utama JAIS tidak punya *Technical Department* sendiri. Jadi, soal penyelenggaraan, sepertinya, banyak kali saya sebut supaya JAIS punya satu jabatan yang mengendalikan soal-soal teknikal. Sekurang-kurangnya kalau kerja-kerja kecil JAIS boleh kendalikan sendiri tidak serahkan semua kepada JKR yang menyebabkan kelewatan untuk bangunan di JAIS. Itu yang pentingnya. Tentunya ada masalah dalam birokrasi, banyak kali saya nyatakan ini dan memang ada keperluan dan saya jumpa banyak lagi, *even* Pengarah sebelum ini, dia kata memang diperlukan sebuah *technical department* di JAIS tetapi hingga hari ini tidak diwujudkan di JAIS supaya ada *technical department* sendiri. Satu contoh di tempat saya di mana Masjid Seksyen 7, di mana ada keperluan untuk bina kolah tetapi JAIS



telah bina kolah tanpa *drawing*. Orang dah tegur dah kepada pihak pentadbiran bahawa kolah ini akan runtuh. Tetapi oleh sebab JAIS tidak mempunyai *technical department*, tidak ada *drawing* dan saya sebut, kalau saya mengaji kurang 2 harkat pun ditegur. Apsal 2 harkat, tak boleh, 2 harkat kena sambung 2 harkat. Kalau *technical department drawing* tak ada, akhirnya kolah runtuh dan puluhan ribu duit dibazirkan. Saya, inilah tugas saya pada JAIS.

**TUAN SPEAKER** : ADN Barisan Nasional, ada..ADN pembangkang, ada sesiapa yang nak bangkitkan? Tak ada ya? Dengkil. Nanti saya takut, keluar kata saya tak bagi peluang Jabatan Agama Islam pula. Ada? Dengkil?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Speaker, sentuh berkenaan dengan masalah tempatan juga. Dan dengan, Tuan Pengerusi..adoiii Sekinchan ni emosional betul lah. Ok. (Ahli Dewan ketawa). Tuan Pengerusi, saya nak sentuh 2 perkara berkenaan dengan kelulusan JAIS untuk surau-surau di kawasan DUN Dengkil lah. Yang pertama, surau di Taman Alam Lestari Permai, yang ni, suraunya dah naik. Tetapi, masalahnya, mereka belum dapat kelulusan daripada JAIS dan juga daripada PBT. Jadi, saya minta mohon supaya JAIS berunding dengan PBT supaya mempercepatkan surau ini. Begitu juga surau di Taman Lestari Permai, masalah yang sama, surau dah ada tetapi tak dapat kelulusan JAIS dan juga PBT. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang. Pembahas terakhir.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak timbulkan satu perkara sikit. Kod bersurat yang dibincangkan, 1000 dan 2000, Emolumen dan Perkhidmatan dan Bekalan. Saya telah memberi sokongan kepada, surat sokongan kepada *Serai*, Taman Keramat Hulu Kelang, untuk pembinaan bumbung bagi perhimpunan pelajar-pelajar dan guru setiap minggu. Dan saya telah mendapat *respond* daripada Setiausaha Sulit Menteri Besar bahawa surat saya telah dimintakan kepada Pengarah JAIS untuk dipertimbangkan. Jadi, saya harap ada penjelasan kerana itu sudah berlaku hampir satu tahun yang lalu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, pihak kerajaan Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkaitan dengan Anggaran Perbelanjaan Perbekalan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Satu yang disentuh oleh Taman Medan tadi berkaitan dengan 2 tapak yang pada hari ini telah digunakan sebagai penggunaan aktiviti gerai-gerai dan juga 1 tapak yang telah digunakan sebagai tempat kitar semula digunakan..dan berlaku pembakaran terbuka yang memberikan impak kepada masyarakat tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa tapak-tapak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang, sama ada sifatnya yang tapak bagi tujuan pembangunan, surau,

pendidikan dan sebagainya ya, memang ada tapak-tapak yang kita sewakan kepada pihak-pihak tertentu mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Pun begitu, sekiranya mungkin berlaku, tapak-tapak yang digunakan tanpa kebenaran untuk penyewaan, maka, kita akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan mereka daripada penggunaan tapak-tapak tersebut.

Bagi mereka-mereka yang menyewa, menggunakan tapak-tapak kepunyaan di bawah kawalan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, maka mereka haruslah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Pihak Jabatan Agama Islam akan membuat pemantauan daripada semasa ke semasa. Pun begitu, saya tidak nafikan bahawa ada juga mungkin kelemahan dan juga terlepas pandang daripada pihak Jabatan Agama Islam dan saya sangat-sangat mengalukan terutamanya apa yang dimaksudkan oleh Taman Medan tersebut yang mana beliau sendiri telah menghantar *whatsapp* gambar dan juga maklumat tentang penyalahgunaan ataupun pembakaran terbuka yang dilakukan di situ dan saya telah *forward* kan kepada pihak Jabatan Agama Islam dan secara umumnya Jabatan Agama Islam juga telah membuat pemantauan dan saya dimaklumkan masih lagi berlaku pembakaran dan ini juga saya minta kerjasama daripada masyarakat tempatan yang mana saya kira kalau dia menyebabkan kacau ganggu berkaitan dengan pencemaran dan sebagainya harus juga, Jabatan Alam Sekitar juga terlibat sama untuk..akhirnya kita dapat mengawal aktiviti-aktiviti seperti ini. Pun begitu, saya maklum bahawa tapak ini adalah tapak Jabatan Agama Islam Selangor, sudah tentulah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor mempunyai tanggungjawab ke atas tapak tersebut. *Insyallah* saya akan *follow up* semula dengan Jabatan Agama Islam untuk tujuan..keputusan yang terbaik yang kita boleh ambil. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Saya..pandangan saya lah ditarik balik penyewaan tapak tersebut sebab dia telah melanggar syarat penyewaan berkali-kali.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : *Even* antara keputusan yang telah saya bincangkan dengan .. bagi pihak Pengarah Jabatan Agama Islam untuk kita ambil balik sekiranya ianya terlalu serius untuk kita buat penguatkuasaan. Perkara yang kedua, ialah berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik. Saya sedia maklum bahawa di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor kita mempunyai banyak aset, banyak bangunan-bangunan, surau, masjid, sekolah-sekolah yang harus kita pantau yang secara teknikalnya kita mempunyai unit teknikal yang terlalu kecil. Pada masa ini kita hanya ada Unit Pembangunan dengan jumlah kerja-kerja yang perlu dipantau yang begitu besar, yang saya kira sudah tentulah pada masa ini, sudah sampai masanya untuk kita wujudkan satu *department* pembangunan ataupun *department technical* untuk kita melihat segala bentuk penyelenggaraan dan pembangunan supaya akhirnya ia akan memberikan impak yang terbaik daripada segi peruntukan-peruntukan yang diuntukkan pada tahun semasa. Cuma pada masa ini, mengambil langkah yang kita boleh lakukan adalah dengan melantik

seorang Jurutera yang boleh membantu daripada segi pemantauan dan penyelenggaraan terutamanya melibatkan kerja-kerja keselamatan, sama ada sekolah, bangunan sekolah, bangunan masjid surau dan sebagainya. Dan saya sedia maklum, berkaitan dengan isu kolah runtuh yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik dan saya kira itulah antara kekangannya apabila kita tidak mempunyai penjawat-penjawat yang mempunyai kepakaran-kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dan sudah tentu ini perlu diambil perhatian yang serius. Berkaitan dengan kelulusan surau yang dibangkitkan oleh Dengkil di 2 Taman iaitu Taman Alam Bestari Permai dan Taman Lestari Permai.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Alam Idaman, yang satu Lestari Permai, satu Alam Idaman berdekatan dengan Taman Desa Ayer Hitam.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih, Dengkil. Sebab itu lah saya kira, kalau dapat, ataupun memang sebaiknya daripada segi prosedur sebelum berlaku pembinaan ini harus mendapat kelulusan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan pembangunan itu haruslah mendapat Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya akhirnya ia tidak akan menimbulkan masalah kepada pengguna ataupun masyarakat Islam yang akan menggunakan prasarana tersebut kerana seperti mana yang saya faham tadi, bangunan telah sedia ada tetapi belum sama ada kelulusan daripada Jabatan Agama Islam mahupun PBT ataupun PBT, ya. Jadi, saya harapkan ini saya akan ambil perhatian dan saya minta peringkat dari Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan juga PBT untuk membantu tentang perkara tersebut.

Perkara yang berkaitan yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang, surat sokongan *Serai*, pembinaan bumbung perhimpunan ya, saya kira dengan peruntukan yang kita ada di peringkat Jabatan Agama Islam, kita meletakkan *priority-priority* yang menjadi perkara-perkara keselamatan terlebih dahulu. Sebab dengan kewangan yang kita mempunyai kekangan ini, saya kira *priority-priority* itu harus diambil kira. Sebagai contoh, mungkin faktor fizikal bangunan-bangunan yang ada ataupun pendawaian elektrik yang mungkin boleh menyebabkan keselamatan terganggu gugat, kebakaran dan sebagainya saya kira dengan pembinaan bumbung, tempat perhimpunan berbumbung ini bukan lah satu *priority* yang boleh menjejaskan keselamatan. Saya kira, sekiranya ada peruntukan yang kita boleh utukkan..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Boleh saya jelaskan. Ibu bapa merasakan keyakinan yang tinggi pada kerajaan Selangor yang biasanya diuar-uarkan mempunyai lebih simpanan *reserve* yang besar. Jadi, mereka berharap sekiranya ada lebih, bina lah untuk mereka.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : *Insya-Allah* Ya, lah. Saya ingat ibu bapa, masyarakat melihat memang..mungkin itu sebagai *priority* tetapi di peringkat jabatan sendiri. Pada masa ini kita melihat *priority* keselamatan itu adalah yang lebih

kita utamakan. Saya pun kluatir juga kalau pembinaan bumbung tempat perhimpunan ini, tempat perhimpunan berbumbung ini sebagai satu *priority*, saya kluatir semua Sekolah Rendah Agama yang ada di Selangor akan memohon dan saya kira di luar dari kemampuan kita. Tak apalah..apa pun saya akan lihat bersama-sama dengan Jabatan Agama Islam melihat kepada keperluan yang dibangkitkan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B14 iaitu wang sejumlah RM289,719,389.00 untuk Kepala B14 Jabatan Agama Islam Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. (Ahli berkata ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B15, Jabatan Kebajikan Masyarakat RM22,989,515.00

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan Vot B15 505001100 Gaji dan Upahan berkaitan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ya, Masyarakat! Kita sedia maklum, Kerajaan Negeri mengambil sikap kepedulian yang tinggi ya, yang peduli rakyat terhadap masyarakat khususnya golongan-golongan warga emas, ibu tunggal dan golongan-golongan Marhaen. Jadi, dalam konteks bantuan-bantuan yang ada disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya ingin timbulkan dalam Dewan yang mulia ini dengan satu masalah iaitu JKM Negeri Selangor satu ketika dulu kita ada soal, timbulkan isu bantuan am. Bantuan Am, Skim Bantuan Am ya, untuk JKM ini. Jadi, satu ketika dulu kita dalam teguran audit, Ketua Audit Negara telah menimbulkan bahawa Selangor kedua terendah dalam peruntukan untuk Bantuan Am kepada JKM ini, penerima-penerima iaitu RM175.00 ya, yang RM175.00 Jadi, negeri-negeri lain sudah meningkat, meningkat bantuan tersebut. Perkara ini saya rasa sudah lebih 1 tahun dibangkitkan dalam Audit pun dibangkitkan. Jadi, saya nak minta apa perkembangan terkini daripada EXCO, daripada kerajaan ya, tentang Bantuan Am kepada JKM ini. Sebab benda ini kemungkinan dia..satu, kita nak, oleh sebab kos saraan hidup yang semakin tinggi, bantuan-bantuan yang kita nak salurkan kepada penerima sekarang ini kalau angka yang agak rendah, dia tidak dapat membantu sangat kepada mereka kerana mereka ditekan walaupun mereka ni, JKM ni ramai yang..penerima JKM ini, mereka ni memang miskin tegar. Miskin tegar perlukan bantuan, belanja tak cukup. Tapi, ditekan pula dengan langsung GST ini, dengan tekanan GST yang jahat ini, yang zalim ini cukai, mereka kena 6% juga kalau Bantuan Am RM175.00 kena lagi 6% lagi kurang. Lagi orang sekarang beli minyak, dah tak boleh beli dah. Lagi mahal minyak. Minyak masak mahal, minyak petrol mahal. Diesel mahal. Ini semua kerja UMNO, Barisan Nasional, barang naik punya fasal perkara itu menyebabkan mereka makin susah. Jadi, saya minta pihak Kerajaan Negeri, dalam konteks Bantuan Am ini, sudah 1 tahun lebih, Pegawai PWN

kena tengok-tengok perkara ini lah ya, supaya kita naikkan, jangan kita asyik duduk di tangga yang kedua. Saya pun terpanggil juga nak perjuangkan hak untuk orang penerima-penerima supaya Selangor terus ya, berada di hadapan dalam konteks bukan pembangunan sahaja, bukan soal kebajikan sahaja, soal Kebajikan Masyarakat Bantuan Am, kita juga berada di depan. Jadi, saya tidak mahu cakap panjang lah. Yang penting, isu ini harus ditangani ya, secara berhemah. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAL** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAL** : Saya ada satu perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu muka surat 110 Pentadbiran dan Kewangan Bawah 2900. Saya lihat di sini ada satu dasar baru yang telah pun dikemukakan sehinggakan sejumlah kewangan sebanyak RM 59,000.00 di peruntukan. Saya harap saya ingin menyatakan di sini apakah dasar baru ini memungkinan adanya wujudnya satu pengurusan yang lebih baik semua rumah-rumah kebajikan di Selangor ini memandangkan kita lihat ianya tumbuh begitu banyak sekali tetapi kita lihat di sudut penguatkuasaan itu tidak berlaku kerana perkara ini sering saya timbulkan rumah-rumah kebajikan ini perlu diberi tumpuan satu pengkhususan sepatutnya perlu diuruskan kerana takut-takut berlakunya banyak diskriminasi kepada penghuni-penghuni rumah kebajikan ini. Jadi saya nak tahu apakah sebenarnya dasar baru yang di kemukakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk memberi maklum balas. Sementara.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pada Sekinchan kerana meng *high light* kan tentang Bantuan Am oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada para penerima bantuan ini. Buat masa ini Kerajaan Negeri bersetuju secara dasarnya berkenaan cadangan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kenaikan Bantuan AM daripada kadar semasa yang sedia ada. Cumanya kenaikan tersebut itu yang disyorkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri adalah perlu di kategorikan mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Namun, kita melihat bahawa keperluan itu mungkin agak kurang sesuai di Negeri Selangor ini kerana bandar dan luar bandar di Selangor sekarang adalah hampir sama rata sahaja orang bandar orang kampung sama sahaja. Jadi sebab itulah Kerajaan Negeri akan meneliti mekanisma yang paling sesuai agar agihan bantuan Am ini dapat disalurkan dengan adil dan saksama. Untuk ketika ini kadar Bantuan Am semasa adalah daripada RM100.00 RM150.00 dan RM175.00 namun *Insyah-Allah* cadangan yang lebih baik kita akan kemukakan dan *Insyah-Allah* pihak Kerajaan Negeri akan melihat tentang perkara tersebut. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri menyedari akan keperluan yang mendesak untuk

mempertimbangkan kenaikan bantuan ini dalam kadar yang segera. Berkenaan dengan apa yang di kemukakan oleh Yang Berhormat Batu Tiga tentang dasar baru, dasar baru tersebut yang berjumlah RM59 ribu itu adalah yang pertama untuk PKMD Subang Jaya untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan yang keduanya adalah Program Simulasi Pusat Pemindahan Bencana. Jadi itu 2 perkara untuk dasar baru yang bernilai RM59 ribu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B 15 iaitu wang berjumlah RM22,989,515.00 (Ringgit Malaysia lima puluh dua juta sembilan ratus lapan puluh sembilan ribu lima ratus lima belas) untuk kepala B15 Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di persetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, RM9,821,696.00 (Ringgit Malaysia sembilan juta lapan ratus dua puluh satu ribu enam ratus sembilan puluh enam).

**TUAN SPEAKER** : Jadual B16 iaitu wang sejumlah RM9,821,696.00 (Ringgit Malaysia sembilan juta lapan ratus dua puluh satu ribu enam ratus sembilan puluh enam) untuk kepala B16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di persetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memandangkan urusan Dewan masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan, tunggu sekejap Dewan bersidang semula. Baiklah oleh kerana Dewan masih panjang maka Dewan hari ini disambung saya persilakan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker dan Ahli – ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 diluluskan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun di sokong saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli – ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini di persetujui. Dewan Bersidang semula sebagai jawatankuasa. Silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B17. Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM16,189,164.00 (Ringgit Malaysia enam belas juta satu ratus lapan puluh sembilan ribu satu ratus enam puluh empat).

**TUAN SPEAKER** : Jadual B17 iaitu wang sejumlah RM16,189,164.00 (Ringgit Malaysia enam belas juta satu ratus lapan puluh sembilan ribu satu ratus enam puluh empat) untuk kepala B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli – ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Speaker. Tuan Speaker tadi saya dah bangun tapi tidak nampak. Fasal melibatkan pergaduhan kaum Tuan Speaker. Saya perlu perjelaskan.

**TUAN SPEAKER** : Masa depan bila bangun panggil Tuan Pengerusi supaya saya dengar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasih Tuan Speaker. Cuma saya nak sebutlah sikit pada 2014 berlaku pergaduhan kaum di antara sebabkan oleh.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar ini untuk Veterinar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Fasal Veterinar la ini.

**TUAN SPEAKER** : Muka surat.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Muka surat 119 sembilan belas. 53100 .

**TUAN SPEAKER** : Tunggu sekejap, tunggu sekejap.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : 119.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Ya muka surat 119.

**TUAN SPEAKER :** Kod.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Kod 2900

**TUAN SPEAKER :** Teruskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Ok saya ironinya lah 20014 berlaku sedikit pergaduhan ironinya di mana seorang penternak di kampung baru menternakkan kebanyakan lembu sebab mereka tidak ada kandang dan pihak Veterinar telah pun mengarahkan penternak ini menjual dan mereka telah menjual tetapi akhir-akhir ini penternak ini telah pun beli anak-anak lembu dan mereka bebaskan lembunya dan akhirnya orang-orang kampung mula dan akhirnya mengamuk dan saya haraplah Veterinar mencari satu tempat kepada penternak ini untuk menternak haiwan yang saya takut nanti peristiwa 2014 berlaku semula melibatkan Veterinar kemudian pasukan keselamatan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pihak kerajaan ingin beri maklum balas. Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Pengerusi. Terutama dari sudut lembu-lembu berkeliaran dan kacau ganggu ini di bawah PBT dan dari sudut tempat itu juga ada maksudnya dari sudut penternak itu sendiri melihat dari sudut mempunyai tempat-tempat untuk memelihara lah. Dalam masa yang sama di peringkat Jabatan Veterinar kita ada dua tempat satu di Olak Lempit masih di dalam proses untuk mengubah suai untuk tempat kita meletakkan lembu-lembu yang berkeliaran ataupun memberikan ruang kepada penternak.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Tuan Speaker, saya mencelah sedikit lah. Ironi 2014 tidak ada tempat tepat mereka ini cuba menternak lembu dengan banyak oleh sebab penternak tidak dapat menjaga lembu-lembu ini, Lembu-lembu ini meragut tanaman-tanaman orang kampung. Perkara ini berlaku sudah lama dari tahun lepas perkara ini tidak diselesaikan oleh Veterinar tapi pada tahun ini penternak telah membeli anak-anak lembu dan mereka melepaskan je lembu. Yang pentingnya yang masalahnya ialah waktu siang lembu ini disimpan waktu malam di lepaskan. Kita takut orang kampung langgar atau sebagainya menyebabkan pergaduhan semula.

**TUAN SPEAKER :** Jadi apa yang di cadangkan Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK :** Maksud saya Veterinar kena mencari tempat untuk penternak ini supaya perkara-perkara yang lepas jangan berlaku lagi.



**TUAN SPEAKER** : Sungai Air tawar pernah tulis kepada Jabatan Veterinar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Kita telah pun memberi Veterinar dalam satu perjumpaan antara penduduk kampung dan penternak tetapi Veterinar tidak hadir.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih kepada Sungai Air Tawar, saya akan ambil perhatian, perhatian itu.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasih Tuan Speaker cuma saya bagi tahu tempatnya Kampung Baru Sabak Bernam.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Ok terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B17 iaitu wang sejumlah RM16,189,164.00 (Ringgit Malaysia enam belas juta satu ratus lapan puluh sembilan ribu satu ratus enam puluh empat) untuk kepala B17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli – ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di persetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling RM15,403,363.00 (Ringgit Malaysia lima belas juta empat ratus tiga puluh ribu tiga ratus enam puluh tiga).

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Pengerusi, Taman Medan ingin bangkitkan dua perkara merujuk kepada muka surat 124 bawah Kod 20000 Perkhidmatan dan Bekalan. Taman Medan dapati kebelakangan ini permohonan peruntukan dikeluarkan peruntukan ADN mengambil masa yang melebihi dua minggu. Jadi ada banyak pemohon-pemohon yang mengadu program yang di adakan telah lama selesai tapi sumbangan daripada pihak ADN belum dapat. Jadi pada pandangan mereka kadang-kadang mereka kata ADN tidak meluluskan peruntukan pemohon. Jadi Taman Medan mohon pencerahan lah mengapa perkara ini berlaku dan keduanya peruntukan yang di pohon selalu dihantar satu jumlah yang besar dalam satu cek sahaja jadi ini menambahkan kos bagi Pejabat ADN terpaksa mengeluarkan cek untuk bayaran kepada pihak yang mendapat sumbangan. Kenapa perkara ini berubah kalau kebiasaannya disediakan cek untuk pertubuhan-pertubuhan atau pun mana-mana pihak yang mohon sumbangan. Seterusnya

bawah Kod 52 Bawah Butiran Program 525000 Pengurusan Tanah Kod Objek 20000 berkaitan dengan pemindahan beberapa buah kuil dan juga Gurdwara yang berada di atas *reserve* Sungai Klang. Jadi perkara ini telah berlanjutan sehingga pihak kuil dan juga Gurdwara telah menerima notis pengosongan tapak yang mereka duduki untuk di jalankan projek pembangunan di situ. Jadi pertanyaannya adalah bagaimana proses pemindahan ataupun penyediaan tapak automotif bagi kuil-kuil dan juga Gurdwara ini berpindah ke tempat baru bagi memberi laluan kepada projek yang akan dijalankan. Begitu juga ada sebuah Pusat Pemulihan Penagih Dadah yang berada di tapak yang sama yang telah memberikan perkhidmatan secara percuma kepada penagih-penagih yang datang untuk dipulihkan jadi Taman Medan rasa mereka pusat ini memberi sumbangan kepada masyarakat dalam bentuk perkhidmatan memulihkan penagih-penagih ini. Jadi adalah wajar bagi pihak kerajaan mencari tapak yang baru bagi mereka boleh meneruskan usaha murni ini dan menyumbang seterusnya kepada masyarakat. Jadi mohon diberikan penjelasan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Puan Pengerusi saya rujuk kepada muka surat 125 Butiran 52500 Pengurusan Tanah Kod 29000 Perkhidmatan Ikhtisas. Saya dapati dasar baru itu terdapat satu perbelanjaan 300 ribu untuk Daerah Petaling Jaya ini bukan sahaja Daerah Petaling jaya saya dapati Gombak, Kuala Langat, Kuala Selangor, Klang, Hulu Langat, Hulu Selangor juga ada satu angka RM270,000.00 untuk kod yang sama bagi ini dan Sabak Bernam RM250,000.00 hanya Sepang saja yang tak ada perbelanjaan yang sedemikian. Boleh saya dapat penjelasan apakah dasar baru untuk pengurusan tanah ini.

**TUAN Pengerusi** : Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk memberi maklum balas.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Taman Medan tentang peruntukan Ahli Dewan Negeri yang telah diluluskan namun kelewatan untuk mendapat cek, saya percaya pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan cek ini dapat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan tidak berlaku kelewatan dalam mengeluarkan cek untuk disampaikan kepada penerima ...

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Mohon penjelasan sebab perkara ini hanya berlaku dalam tempoh tiga atau dua bulan yang terakhir ini sebelum itu tidak ada masalah.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ok, jadi kita akan minta mereka kembali kepada asal. Yang keduanya tentang pemindahan kuil dan penyediaan tapak baru serta perkara yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu Baharu tentang dasar baru yang dimaksudkan. Oleh sebab perkara ini ada spesifik, saya faham dalam peringkat Jawatankuasa ini memang dibangkitkan perkara-perkara spesifik tapi saya masih belum mendapat maklum balas daripada Pegawai Daerah dan saya berharap kepada semua Pegawai Daerah dapat bersedia di tempat masing-masing untuk memberikan maklum balas kerana dalam peringkat Jawatankuasa ini maklum balas diperlukan dengan segera untuk EXCO memberikan jawapan kepada Ahli-ahli Dewan Negeri. Jadi oleh sebab saya belum dapat, saya harap ianya dapat diberikan secara bertulis.

Baik, ok terima kasih kepada PDT Petaling. Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu Baharu tentang RM270,000.00 untuk dasar baru. Ini adalah bayaran emolumen kakitangan kontrak lantikan PTGS, di mana satu orang Gred NT27 dan sepuluh orang lagi bagi Gred N17. Yang kedua daripada Taman Medan pemindahan Kuil Guthwara. PTD Petaling dan Majlis Bandar Raya Shah Alam sedang mencari tapak yang sesuai kerana tapak yang diduduki sekarang ini merupakan tanah simpanan kerajaan. Jadi ini dalam proses mengenal pasti tapak yang bersesuaian bagi maksud tersebut, terima kasih Puan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi** : Jadual B18 iaitu wang sejumlah RM15,403,363.00 untuk Kepala B18 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, RM14,071,802.00.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bawa muka surat 128 Kod Program Aktiviti 50500 Kod 10000 dan 20000 emolumen dan perkhidmatan bekalan. Selaras dengan seruan saya agar Hulu Kelang merupakan kawasan bebas daripada setinggan. Saya berharap bahawa kerjasama dari pihak Jabatan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dilakukan dengan kerjasama agensi-agensi berkenaan untuk membanci dengan tepat dan lengkap. Semua kawasan setinggan Kampung Fajar, Kampung Kemensah, Kampung Taman Warisan Batu 7½, AU3 dan sedikit AU4 untuk dikemaskinikan. Sekiranya apa yang dirancang oleh Yang Berhormat EXCO Perumahan akan dilaksanakan dengan segera iaitu mewujudkan *task force* ke arah kerja tersebut, sekian itu sahaja.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Pengerusi.

**TUAN Pengerusi** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 128, Butiran Program 505000 di bawah kod objek kod 20000 Perkhidmatan dan Bekalan. Rawang ingin merayu kepada pertimbangan pihak Kerajaan Negeri Selangor supaya peruntukan DUN yang bakinya boleh di *release* kan dengan izin sebab kini Rawang menghadapi masalah disebabkan ada kuota 30% untuk projek kecil. Tetapi memandangkan keperluan tempatan itu lebih kepada sumbangan dan projek kecil dari segi infrastruktur dan sebagainya saya telah lebih *prefer* dengan izin cara untuk PBT atau pun Pejabat Tanah yang laksanakan. Jadi kita tidak libatkan banyak projek kecil tetapi lebih kepada program atau pun sumbangan memandangkan NGO-NGO dan persatuan di kawasan Rawang memang telah bertambah dan begitu aktif sekali lagi dalam penglibatan program komuniti. Jadi saya harap kalau boleh sekarang sudah lebih kurang dah hujung tahun jadi adalah untuk kita untuk habiskan peruntukan, sekiranya tidak banyak lagi sumbangan sebenarnya yang telah saya luluskan tidak dapat diberikan disebabkan sekatan peruntukan ini.

Yang keduanya saya ingin merujuk kepada kod 52500 tentang pengurusan tanah. Saya ingin bertanya dengan kepada pihak kerajaan sama ada mempunyai satu mekanisme yang mana pertimbangan atau pun cadangan pihak ADUN dalam permohonan tanah boleh diambil sebagai satu cara dalam pemprosesan permohonan tanah. Sebagai contohnya sebelum ini ada Jawatankuasa Teknikal Tanah, di mana ADN dilantik dan duduk dalam jawatankuasa ini. Tetapi saya difahamkan pihak Jawatankuasa PADAT telah mengesyorkan tetapi telah ditolak. Jadi saya ingin tahu ada tak mekanisme yang lain. Ini disebabkan kerana banyak permohonan tanah yang ditolak atau pun diproses di peringkat pejabat tanah akhirnya aduan itu akan datang balik kepada pihak ADN yang mana kita juga tidak tahu dan juga tidak diminta maklum balas sebenarnya dalam proses permohonan itu yang akhirnya kalau ada penolakan atau pun kelulusan kriteria itu juga tidak dimaklumkan. Dan saya ambil satu insiden di Kawasan Rawang tentang polisi tanah kerajaan yang mana kita katakan kalau tanah tidak diusahakan tidak akan dipertimbangkan untuk permohonan atau pun pemberimilikan tanah. Ini menyebabkan banyak tanah di kawasan Rawang atau spesifik di satu kampung yang dipanggil Kampung Sungai Bakau di mana mereka ceroboh dan bina rumah. Sebab dikatakan sebelum ini ada dimaklumkan perlu buat bina bangunan dulu sebelum dapat mohon. Tetapi ada penduduk yang datang kepada kita yang kata dia hendak mohon tanah dia hendak bina dulu. Tetapi saya kata ini tidak boleh sebab undang-undang tanah kita tiada kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri tidak boleh bina sebarang struktur. Jadi nampaknya ada percanggahan dan bila aduan diberi tiada penguatkuasaan diambil dan menyebabkan banyak isu ketegangan dalam kampung itu sebab ramai yang mohon bina bangunan tanpa kelulusan daripada pihak

Kerajaan Negeri. Jadi inilah sebenarnya dilema yang kita hadapi *on the ground* dengan izin, jadi saya harap ada satu mekanisme yang mana ADN sebenarnya boleh memberi peranan atau memainkan peranan. Tujuan kita bukan untuk campur tangan dalam urusan permohonan tanah tetapi kita mahu supaya pandangan ADN diambil kira supaya satu keputusan yang lebih menyeluruh boleh dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri dalam kelulusan atau pun penolakan permohonan tanah, itu sahaja yang ingin saya bangkitkan.

**TUAN Pengerusi** : Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk memberi maklum balas.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang pertama respons saya kepada Yang Berhormat Hulu Kelang, memang Pejabat Daerah dan Tanah sedang mengemaskinikan bancian yang terkini berhubung peneroka-peneroka bandar yang ada di dalam kawasan di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Gombak. Dan kita akan mengemukakan bancian yang terkini ini kepada Yang Berhormat sekiranya diperlukan. Cuma Yang Berhormat juga mengambil maklum kerana dasar kita pada hari ini sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil terhadap peneroka bandar, kita mengadakan konsultasi dan rundingan dengan mereka terlebih dahulu. Dan tidaklah kita mengambil jalan seperti pentadbiran yang lama di mana rumah-rumah ini dirobohkan dan mereka diusir keluar daripada tempat kediaman yang telah mereka tinggal sekian lama. Walau bagaimanapun, bancian ini akan terus dikemaskinikan dari semasa ke semasa dan Yang Berhormat EXCO Perumahan sentiasa meneliti bancian ini untuk Kerajaan Negeri menyiapkan jumlah rumah-rumah yang diperlukan bagi penempatan peneroka-peneroka bandar.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rawang tentang memohon kebenaran Kerajaan Negeri membenarkan supaya melepaskan 30% yang telah diperuntukkan untuk pembangunan kecil itu bagi kegunaan dalam bentuk sumbangan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kita terikat dengan surat pekeliling yang telah kita keluarkan di mana 30% daripada peruntukan sejumlah RM700,000.00 itu perlu digunakan bagi pembangunan kecil di kawasan masing-masing. Dan sebenarnya ini melibatkan soal perancangan kerana kita bukan berikan dasar ini di hujung tahun. Sewajarnya Ahli-ahli Dewan Negeri telah merancang daripada awal supaya 30% daripada peruntukan ini ditumpukan kepada pembangunan kecil di kawasan masing-masing. Ini juga prinsip pengurusan kewangan yang saya sebut sudah dua tahun berturut-turut *ex-unaccountability* di mana dalam mengurus kewangan ini kita harus rancang daripada awal bagaimana penggunaan ini harus digunakan. Walaupun kita sedia maklum banyak projek-projek pembangunan sekarang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri sebab itu peruntukan pembangunan di Negeri Selangor ini terus meningkat dari semasa ke semasa. Tetapi kita juga mahu Ahli-ahli Dewan Negeri ini terlibat secara langsung dalam projek-projek kecil di kawasan masing-masing dan perkara ini haruslah

dipatuhi dan kita ada satu jumlah yang begitu besar 70% daripada RM700,000.00 itu untuk sumbangan dan program-program mesra rakyat. Jadi saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengharap benar supaya surat pekeliling ini dipatuhi dan ianya harus dirancang lebih awal, maka tidak timbul soal tidak digunakan 30% ini pada penghujung tahun.

Kemudian juga dibangkitkan tentang mekanisme permohonan tanah supaya membenarkan pejabat atau pun Ahli Dewan Negeri untuk terlibat memberikan pandangan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya garis panduan untuk pemberimilikan tanah di Negeri Selangor hari ini sudah cukup jelas. Dan sebelum kita menggubal dasar pemberimilikan tanah ini sudah tentulah pandangan dan sumbangan daripada Ahli-ahli Dewan Negeri juga kita ambil kira. Persoalannya ialah sama ada kita bersedia untuk mempertahankan garis panduan yang telah kita gubal sendiri. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa dasar bahawa mesti ada pembangunan atau pun bangunan di atas tanah boleh dipertimbangkan. Itu hanya untuk tanah-tanah yang diterokai sebelum 2008. Maknanya kalau tanah-tanah kerajaan yang diterokai oleh mana-mana pihak di atas tanah kerajaan dan ingin mengemukakan permohonan, kita boleh pertimbangkan kalau dia sudah mengusahakan tanah tersebut sama ada sebagai rumah kediaman atau pun sebagai tapak pertanian. Tetapi selepas 2008, memang kita tidak membenarkan perkara ini berlaku kerana kalau tidak mana-mana individu boleh mengenal pasti tanah kerajaan dan dibangunkan sebuah bangsal atau pun bangunan kecil kemudian dia memohon dan mengguna alasan tersebut, jadi perkara ini tidak dibenarkan. Pemberimilikan tanah selepas 2008 memang masih terbuka tetapi kita buat secara tender terbuka di mana saya sebut pagi tadi, Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah akan mengenal pasti mana-mana tanah kerajaan dan kita akan memaklumkan dan mempamerkan di Pejabat Daerah. Mana-mana pihak yang berminat mereka boleh terlibat dan menyertai proses tender tersebut. Apa yang kita gunakan mekanisme untuk pemberimilikan tanah yang dikatakan kalau ada bangunan untuk dipertimbangkan itu adalah tanah-tanah yang diterokai sebelum 2008. Dan sebab itu kita kenakan premium yang minima RM1,000.00 kepada mereka yang telah menerokai dan menduduki tanah tersebut untuk satu tempoh yang begitu panjang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Pengerusi, mungkin saya mohon sedikit penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ambil satu kes contoh kes di Kampung Sungai Bakau yang saya sebutkan tadi. Jadi ada sebahagian penduduk kampung di situ mereka adalah penduduk setinggian penempatan dan mereka ada tunjuk saya surat kelulusan pada zaman sebelum ini untuk pembinaan sekolah di kawasan Selayang dan mereka ditempatkan ke kampung ini. Tetapi pada waktu itu masa kelulusan mereka tiada kemampuan untuk bina rumah dan mohon tanah itulah sebabnya lepas 2008 baru dia *start* untuk mohon balik atas tanah yang kosong. Jadi saya nak tanya kalau dengan kes macam ni macam mana boleh kita proseskan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Kes-kes khusus seperti ini kita akan semaklah. Ada *Task Force* yang akan menyemak kesahihan dakwaan yang dibuat oleh peneroka tanah tersebut. Ada kes juga di mana mereka mendakwa mereka telah bercucuk tanam ataupun melakukan aktiviti pertanian di atas tanah tersebut sebelum 2008. Maka kita akan semak usia tanaman tersebut apakah benar ia telah berusia begitu lama contoh tanaman kelapa sawit. Kalau dia baru teroka dua atau tiga tahun lepas sudah tentulah kita boleh kenal pasti pokok-pokok kelapa sawit itu masih muda dan belum mengeluarkan hasil untuk diteroka. Walau bagaimanapun untuk Kampung Sungai Bakau saya akan minta supaya *Task Force* di PTG dapat menyemak kesahihan dakwaan tersebut dan sekiranya benar memang mereka telah pun ditawarkan pemberimilikan sebelum ini dan tidak ada kemampuan untuk mendirikan rumah kita akan bawa kertas ini ke MMKN untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B(19) iaitu wang sejumlah RM14,071,802 untuk kepala B(19) Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT :** Ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B(20) Pejabat Daerah Dan Tanah Kelang RM14,641,178.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B(20) iaitu wang sejumlah RM14,641,178 untuk kepala B(20) Pejabat Daerah Dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B(21) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat RM12,199,856.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B(21) iaitu wang sejumlah RM12,199,856 untuk kepala (B21) Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Saya tak dengar. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B(22) Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat RM14,000,178.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Puan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat yang 147 butiran 52400 pembangunan masyarakat. Teratai ingin menggambarkan satu insiden yang mana terdapat banyak mesin-mesin berat terletak oleh seorang satu pemaju di kaki bukit sana, di mana Pejabat Tanah telah menghantar notis. Notis telah tamat tempoh tetapi sehingga masa kini mesin-mesin berat itu masih di tapak sehingga ada warga asing telah tinggal di tapak kaki bukit itu. Jadi ada ramai penduduk tanya saya bilakah mesin-mesin itu akan dialihkan ataupun apakah tindakan selanjutnya yang akan dilakukan oleh Pejabat Tanah ataupun MPAJ berkenaan perkara ini. Yang Teratai juga ingin merakamkan tahniah kepada Pejabat Tanah Dan Hulu Langat atas mematuhi dapat mencapai KPI dengan melepaskan Fasa 2 SM ini dalam tempoh 60 hari daripada masa yang telah ditetapkan. Teratai juga merujuk kepada butiran 52500 pengurusan tanah, Teratai hanya nak tanya berkenaan dengan satu tapak sekolah yang telah dirizabkan di sebelah Taman Bukit Segar Jaya yang telah digunakan oleh TNB untuk pemasangan TNB palung. Penduduk-penduduk di sekitar Zon 24 tanya Teratai di manakah dia dapatkan tapak sekolah berkenaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pihak kerajaan jika ingin memberi maklum balas.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih, saya akan memberikan maklum balas secara bertulis Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(22) iaitu wang sejumlah RM14,178,000 untuk kepala B(22) Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B(23) Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang RM11,624,205.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Terima kasih Tuan Pengerusi merujuk muka surat 153 butiran 52400 kod 28000 Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil. Tuan pengerusi di sini Sungai Pelek mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Daerah yang sentiasa bekerja sama dan harap pihak kerajaan sentiasa mengambil perhatian di Daerah Sepang. Soalan saya satu sahaja Tuan Pengerusi. Rumah kediaman Pegawai Daerah yang telah usang dan terpaksa dikosongkan kerana terdapat anai-anai. Harap pihak kerajaan mengambil tindakan secepat mungkin. Terima kasih.



**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Tuan Pengerusi saya juga nak ucapkan terima kasih kepada Pegawai Daerah yang hari ini berkhidmat begitu cemerlang tidak salah lantikan daripada Menteri Besar. Seorang wanita yang pertama berkhidmat di Sepang. Saya juga nak ucapkan terima kasih kepada Menteri Besar akhir-akhir ini kerap datang ke Sepang. Kerap kali datang ke Dengkil, ke Jeram, kemudian ke Sungai Buah, ke Labohan Dagang, balik semula ke Jenderam. Itu menimbulkan bercampur baur dia punya perasaan tu. Risau dan juga gembira. Risau tu faham-faham jelah kan. Tapi gembira tu dapat menyelesaikan banyak masalah lah. Yang saya nak bangkitkan berkenaan dengan pembesaran Kampung Jenderam Hilir. Ya ada ni Rawang nak mencelah. Tiada? Insya-Allah nanti saya katakan tadi *service* berpindah tangan pada PRU-14 nanti. Jadi pembesaran Kampung Jenderam ini saya ucap terima kasih Y.A.B. Menteri Besar hari tu datang untuk serah kunci kepada 83 penerima. Dan saya nak tanya ada Fasa 2 yang melibatkan lebih lagi 155 orang. Perkara ini sudah dibangunkan awal sejak zaman Barisan Nasional lagi tetapi akhirnya dapat disempurnakan pada zaman pentadbiran Y.A.B. Menteri Besar. Saya ingin katakan di sini supaya apakah masalah-masalah yang timbul lagi berkenaan dengan bagaimana kita ingin meneruskan lagi Fasa 2 yang melibatkan 155 lagi warga tempatan mendapat rumah secara percuma di dalam Kampung Jenderam ini. Saya harap ianya boleh dapat diselesaikan dengan baik. Segala permasalahan mengenai Orang Asli juga dapat diselesaikan supaya penerima-penerima yang telah pun ditapis sebelum ini ditemu duga sebagainya mendapat kunci rumah kalau boleh dengan secepat yang mungkin. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah pihak kerajaan untuk memberi maklum balas.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek dan Yang Berhormat Dengkil di mana kedua-duanya merakamkan penghargaan kepada kehebatan Pegawai Daerah Sepang dalam menjalankan tugas. Dan inilah satu-satunya Pegawai Daerah wanita yang kita letakkan peranan yang begitu besar yang oleh kerana Yang Berhormat Dengkil pun memuji Pegawai Daerah jadi saya ingat rumah ini kita akan baiki segeralah supaya satu peruntukan akan kita sediakan bagi tahun 2017 untuk membaiki rumah Pegawai Daerah supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan bolehlah saya dan pimpinan akan tumpu lebih masa di Dengkil dalam masa setahun yang akan datang. Jangan risau kita nak tolong rakyat. Yang keduanya tentang perkara yang dibangkitkan juga tentang pembesaran Kampung Jenderam. Saya amat memahami perasaan penduduk-penduduk kampung kerana mereka telah menunggu sekian lama dan saya telah menzahirkan perkara ini ketika saya turun ke kampung tersebut pada minggu yang lalu. Dan seperti yang telah saya umumkan dalam Fasa kedua ini oleh kerana dianya melibatkan beberapa buah keluarga di kalangan Orang Asli dan saya tidak mahu hanya melepaskan rundingan ini di antara pemaju dengan Orang Asli kerana

mungkin akan menimbulkan kelewatan maka saya telah meminta juga Yang Berhormat EXCO daripada Bukit Lanjan untuk membantu mencari jalan penyelesaian terhadap perkara ini supaya Fasa Kedua yang melibatkan 117 keluarga ini dapat segera dimulakan dan saya yakin dengan kerjasama yang telah ditunjukkan sebelum ini kita dapat memenuhi aspirasi penduduk-penduduk kampung untuk memiliki sebuah rumah dalam masa yang terdekat, insya-Allah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(23) iaitu wang sejumlah RM11,624,205.00 untuk kepala B(23) Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang untuk menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B(24) Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor RM12,613,396.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(24) iaitu wang sejumlah RM12,613,396.00 untuk kepala B(24) Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B(25) Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor RM12,910,840.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(25) iaitu wang sejumlah RM12,910,840.00 untuk kepala B(25) Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B(26) Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM13,325,247.00.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mengambil sedikit masa. Ya sabar kerana ini melibatkan Sabak Bernam kod B(26) 50500 Bab Gaji Dan Upahan. Berkaitan dengan PTD Sabak Bernam kita maklumlah satu Daerah yang agak pembangunan ke belakang sedikit dan dari segi pendapatan pun tidak begitu besar maka hasilnya pun tidak begitu besar dan saya memintalah pihak kerajaan dapat pertimbangkan supaya ada peruntukan lebih besar untuk pembangunan di luar bandar ini kepada Pejabat Tanah Dan Daerah untuk infrastruktur di kampung-kampung. Sekarang di kampung-kampung ini jalan-jalan dia tidak ada dalam MARRIS. MARRIS tak ada. Tapi peruntukan yang MARRIS kepada Pejabat Daerah

untuk digunakan sedikit sahaja tidak cukup. Saya minta peruntukkan itu dilipat gandakan khusus di luar bandar. Kerana di luar kawasan luar bandar ini UMNO ni berkarat di sana. UMNO ni dia terlalu dia kumpul di sana jadi kita nak tunjukkan keberkesanan Kerajaan Negeri yang ada kita perlu pembangunan yang lebih rancak di situ ya. Khususnya jalan-jalan dipertingkatkan. Itu satu. Yang kedua isu pembangunan, pembesaran kampung di Kampung *Site A* Sekinchan. Ada permintaan yang terlalu terdesak dengan rumah di situ sejak kita dah janji sejak beberapa tahun yang lalu di situ. Sekeping tanah kerajaan yang lebih kurang dua ekar lebih itu kita telah dalam penyelesaian minta kerajaan dapat pertimbangkan ya supaya projek itu dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat untuk kita memenuhi janji dan permintaan di Kampung *Site A* ini. Jadi saya tidak mahu cakap panjang la. Janji saya, jadi sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah saya jemput pihak kerajaan untuk memberi maklum balas.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Tan Sri.. eh Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan sebentar tadi ialah satu perkara yang penting di mana komitmen Kerajaan Negeri hari ini ialah kita tidak mahu pembangunan hanya berlegar di kawasan bandar sahaja. Kita mahu juga pembangunan dan kekayaan negeri ini dibawa ke daerah dan di kawasan desa supaya perkembangan dan pembangunan desa itu dapat dinikmati oleh rakyat di kampung dan di kawasan desa. Inilah antara tujuan kita meningkatkan peruntukan untuk naik taraf dan baiki jalan-jalan kampung yang jumlahnya sudah mencecah hampir RM50 juta bagi tahun 2017. Antara usaha yang telah kita jalankan ialah melakukan pencerapan iaitu mencerap jalan-jalan kampung supaya ianya didaftarkan dalam peruntukan MARRIS dan peruntukan ini telah pun diluluskan dan sebahagian besarnya adalah bagi tujuan pembangunan jalan-jalan kampung yang telah kita senaraikan dan saya ingat perkara yang dibangkitkan oleh Sekinchan tu senada dengan dasar Kerajaan Negeri pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B26 iaitu wang sejumlah RM13,325,247.00 untuk kepala B26 – Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya'. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B27 – Jabatan Kehakiman Syariah RM37,110,880.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B27 iaitu wang sejumlah RM37,110,880.00 untuk kepala B27 – Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B29 – Perbendaharaan Negeri, (Perbelanjaan Am) RM138,951,484.00.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B29 iaitu wang sejumlah RM138,951,484.00 untuk kepala B29 – Perbendaharaan Negeri, Perbelanjaan Am menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jumlah Perbekalan RM3,365,760,987.00.

**TUAN SPEAKER** : Jumlah Perbekalan RM3,365,760,987.00 menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1 dan Fasal 2.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual.

**TUAN SPEAKER** : Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan kali yang ketiga Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan 2017. Aturan mesyuarat seterusnya, Rang Undang-Undang Peruntukan Diraja pindaan...

**TUAN SPEAKER** : Setiausaha Dewan, sila berhenti sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sidang Dewan sehingga esok, 8 November jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang)**